



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN HAJAH NORLINA BINTI HAJI ALAWI  
PENGASAS & YANG DIPERTUA PERNIM & KELUARGA BESAR NORLINA  
ALAWI BERHAD**

**OLEH:**

**NURNABILAH BINTI SULAIMAN  
(2011616044)**

**SITI NABILAH BINTI YAHAYA  
(2011297678)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)  
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN HAJAH NORLINA BINTI HAJI ALAWI  
PENGASAS & YANG DIPERTUA PERNIM & KELUARGA BESAR NORLINA  
ALAWI BERHAD

OLEH:

NURNABILAH BINTI SULAIMAN

(2011616044)

SITI NABILAH BINTI YAHAYA

(2011297678)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

# ISI KANDUNGAN

| <b>TAJUK</b>   | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| Penghargaan.....   | i                 |
| Biodata Tokoh.....                                       | ii                |
| Pengenalan.....  | iii               |
| <br>   |                   |
| Transkrip  |                   |
| Bahagian Pertama : Latar Belakang Diri dan Keluarga..... | 3-9               |
| Bahagian Kedua : Latar Belakang Pendidikan.....          | 10-13             |
| Bahagian Ketiga : Pencapaian dan Anugerah.....           | 14-55             |
| Bahagian Keempat: Masa Hadapan PERNIM.....               | 56-65             |
| Bahagian Keenam : Harapan Terhadap KBNAB.....            | 66-71             |
| <br>   |                   |
| Lampiran   |                   |
| Senarai soalan   | 72-79             |
| Log Wawancara  | 80-88             |
| Indeks   | 89                |
| Rujukan  | 90                |
| Gambar   | 91-95             |
| Surat Kebenaran  |                   |
| Surat Perjanjian   |                   |

## PENGHARGAAN

Assalammualaikum warahmatullahiwabarokatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dan izin-NYA kami akhirnya dapat juga melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai kekangan yang kami hadapi semasa menyiapkan tugas ini, namun dengan izin Allah dan berkat usaha dan kesabaran, dapat juga kami mengharungi segala kesulitan yang dialami.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604-Oral Documentation (Pendokumentasian Lisan), Puan Kamariah binti Chik yang telah banyak mencurahkan segala ilmu, masa, tenaga dan juga idea beliau dalam memantapkan lagi projek sejarah lisan ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tokoh kami yang sudi meluangkan masa bersama kami iaitu Puan Hajah Norlina Binti Haji Alawi kerana beliau sanggup memberikan kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat berguna kepada kami semua. Bukan itu sahaja, terima kasih juga kerana memberikan layanan yang sangat baik ketika menyambut kedatangan kami bagi sesi temubual diadakan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terkira kepada rakan-rakan, keluarga dan juga ibubapa kami yang sentiasa menyokong dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini, tanpa sokongan ibubapa, rakan-rakan seperjuangan, tidak lengkap rasanya tugas ini.

Sekian, terima kasih

## **ABTRAK**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Puan Hajah Norlina Binti Haji Alawi mengenai pengalaman beliau dalam menguruskan PERNIM (Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia) dan KBNAB (Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad). Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat beliau di PERNIM (Pusat Kebajikan Anak-anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia), Lot 46 Jalan 47, Bukit C, Kg Cheras Baru, 56100 Kuala Lumpur pada 25 Oktober 2013 bermula jam 11.00 pagi. Beliau merupakan pengamanah dan pengurus PERNIM dan KBNAB. Beliau telah banyak menyumbang dan berbakti dalam menegakkan martabat anak-anak anugerah. Beliau pada awal usia 44 tahun telah memiliki seramai 44 orang anak-anak anugerah. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang serta pengalaman beliau dalam menguruskan PERNIM dan KBNAB. Temubual ini lebih tertumpu kepada kisah kehidupan anak-anak anugerah.*

**Kata kunci:** *Puan Hajah Norlina Binti Haji Alawi, Pengasas Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia dan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad.*

## BIODATA TOKOH



|                 |   |   |
|-----------------|---|---|
| Nama            | : | Hajah Norlina Binti Haji Alawi  |
| Umur            | : | 42 Tahun  |
| Alamat Kediaman | : | Mahligai Qaseh HJ Roslan Zakaria dan HJH Norlina Alawi<br>Lot 482, Jalan Sri Kemuning, Lembah Jaya Selatan<br>Ampang, Selagor |
| Tarikh Lahir    | : | 12 Disember 1971  |
| Tempat Lahir    | : | Kluang, Johor   |

|                       |   |  |
|-----------------------|---|--|
| Pekerjaan             | : | Pengasas dan YDP PERNIM (Pusat Kebajikan Anak-anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia) |
|                       |   |  |
|                       |   | Pengamanah dan Pengerusi Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad                             |
|                       |   | Pengarah Urusan Syarikat Norlina Alawi (M) Snd Bhd                                       |
|                       |   | Pengerusi Koperasi Anugerah KL Berhad  |
|                       |   |  |
| Bilangan Adik-beradik | : | 9 Orang dan merupakan anak ke-2  |
|                       |   |  |
| Status                | : | Telah Berkahwin  |
|                       |   |  |
| Nama Suami            | : | Lt.Kol.Haji Roslan Bin Zakaria   |
|                       |   |  |
| Nama Anak             | : | 1. Nor Emylia Liyana   |
|                       | : | 2. Nor Aini  |
|                       | : | 3. Nor Syahirah  |
|                       | : | 4. Nor Amalina   |
|                       | : | 5. Muhammad Riduan   |
|                       | : | 6. Nor Ilina Sofia   |
|                       |   | 7. Muhammad Nor Fitri  |
|                       |   |  |
| Alamat Pejabat        | : | Galeri Norlina Alawi   |

|                 |   |   |
|-----------------|---|---|
|                 |   | Lot 47, Jalan 47, Kampong Cheras Baru             |
|                 |   | Kuala Lumpur                                      |
|                 |   |   |
| Telefon Pejabat | : | 03-42950775 / 017-8860208/ 017- 6076106           |
|                 |   |   |
| Fax             | : | 03-42951079                                       |
|                 |   |   |
| Email           | : | norlinaalawi@gmail.com / Norlina_bernim@yahoo.com |



## **LATAR BELAKANG PUAN HAJAH NORLINA BINTI HAJI ALAWI**

Puan Hajah Norlina bte Haji Alawi telah dilahirkan di Kluang Johor pada 19 Disember tahun 1971. Anak kedua dari sembilan beradik Pegawai Perhutanan Johor, semenjak kecil beliau telah diasuh dengan didikan agama, nilai-nilai murni, menghargai insan kurang upaya dan sikap suka menghulurkan bantuan kepada masyarakat didalam kesusahan. Dengan izin Allah, Puan Hajah Norlina telah digerakkan hatinya mengikuti jejak langkah arwah ibunya yang suka membantu insan yang memerlukan bantuan tanpa membezakan status agama, bangsa, umur dan anak-anak kecil.

Puan Hajah Norlina Haji Alawi telah memulakan kebajikan membela nasib kanak-kanak pesakit HIV/AIDS semenjak tahun 2001. Pada peringkat awalnya beliau telah memberi perlindungan kepada seorang wanita yang berumur 23 tahun disahkan mengidap HIV positif setelah tujuh bulan mengandungkan dan selamat melahirkan anak lelaki. Diatas naluri keibuan Hajah Norlina tekad mengambil sebagai anak angkat dan seterusnya menjadikan anak susuan beliau. Kasih Sayang dan sifat keibuan yang mendalam terhadap anak-anak pesakit HIV/AIDS yang terbiar beliau telah sedaya upaya menubuhkan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman pada 17 Mac 2004 merupakan tanggal keramat dimana PERNIM telah ditubuhkan dengan rasminya setelah pendaftarannya diluluskan oleh 'Registration Of Society' dengan memegang jawatan sebagai Yang Dipertua.

Seiring dengan kemajuan Pernim, Puan Hajah Norlina Haji Alawi terus bergerak ke hadapan dengan membuka Pusat Perlindungan PERNIM Berhad (26 Mei 2006) yang ditukarkan kepada Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad (KBNAB) pada 23 Mac 2011

yang terdaftar dibawah 'Registration Of Company' (ROC). KBNAB diperkenalkan untuk berkongsi kasih dengan anak-anak penghidap dan pembawa HIV/AIDS diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada 2012 beliau telah berjaya mengasaskan program kesedaran dan kemanusiaan CINTA TANPA SEMPADAN dimana program tersebut akan berjalan secara berterusan ke generasi akan datang.

---

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

PETUNJUK

SNY: SITI NABILAH YAHAYA

HNHA: HAJAH NORLINA HAJI ALAWI

NNS: NURNABILAH SULAIMAN

### **BAHAGIAN PERTAMA: LATAR BELAKANG DIRI DAN KELUARGA**

**SNY : Assalammualaikum warahmatullahi wabarokatuh, kami pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat dari Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan saya Siti Nabilah Binti Yahaya selaku penemubual dan ini rakan saya Nurnabilah Binti Sulaiman selaku pencatat dan merakam sesi temubual pada pagi ini. Hari ini bersama kami adalah seorang tokoh dan selaku Pengamanah dan Pengerusi keluarga Besar Norlina Alawi Berhad (KBNB) dan yang Dipertua PERNIM iaitu Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia.**

**Pada pagi ini kami akan memulakan sesi temubual pertama dengan sesi pertanyaan soalan mengenai latar belakang diri dan keluarga**

SNY : **Assalammualaikum mama?**

HNHA : Walaikummussalam, Alhamdulillah.

SNY : **Apa khabar?**

HNHA : Baik, Alhamdulillah

SNY : **Boleh saya tahu, apakah nama sebenar mama?**

HNHA : Nama sebenar saya Norlina binti Alawi

SNY : **Berapakah umur mama sekarang?**

HNHA : Umur mama sekarang *ni [ini] empat puluh dua [42] tahun*

SNY : **Dimanakah mama dilahir?**

HNHA : Mama di lahirkan di keluang Johor

SNY : **Bilakah pula tarikh lahir mama?**

HNHA : Tarikh lahir saya *Sembilan belas hari bulan dua belas tahun*

*sembilan belas tujuh puluh satu [19.12.1971] dah [sudah] tua dah [sudah].*

**SNY : (sambil ketawa kecil) Siapakah nama ibu mama?**

HNHA : Nama arwah ibu saya ialah Hajah Dahlia Binti Baharom

**SNY : Apakah pekerjaan arwah ibu mama?**

HNHA : Arwah Ibu saya sebagai seorang suri rumah tangga, suri rumah biasa  
*ye [ya]*

**SNY : Siapakah nama ayah mama?**

HNHA : Haji Alawi bin Haji Bahar

**SNY : Adakah ayah mama masih hidup?**

HNHA : Ayah saya telah meninggal dunia, *dua-dua [kedua-duanya] dah [sudah] takde [tiada]* dan mereka dikebumikan di Kluang Johor dan alhamdulillah mak saya pula telah meninggal pada tahun *dua ribu empat[2004] hok tu [dimana]*, mula-mula saya mendapat anak angkat sebanyak *tiga [3] orang, sorry [maaf] empat [4] orang* anak

angkat baru mak saya meninggal dunia dan *bapak* [ayah] saya meninggal dunia pada tahun *dua ribu sebelas*[2011] dan *dua-dua* [kedua-duanya] *dah* [sudah] *takde* [tiada] lagi *dah* [sudah] tapi saya bukan anak yatim piatu kerana saya *dah* [sudah] tua *dah* [sudah] (sambil ketawa kecil).

**SNY : Berapakah jumlah keseluruhan adik-beradik mama?**

HNHA : Adik beradik saya ada *Sembilan* [9] orang, *lima* [5] perempuan dan *empat* [4] laki-laki

**SNY : Mama anak yang ke berapa?**

HNHA : Saya anak yang *kedua* [2]

**SNY : Siapakah nama suami mama?**

HNHA : Nama suami saya Haji Roslan Bin Haji Zakaria

**SNY : Berapakah umur suami mama sekarang?**

HNHA : Umur suami mama sekarang *nie* [ini] *empat puluh tujuh* [47] *tahun*.

SNY : **Apakah pekerjaan suami mama?**

HNHA : Suami saya berkerja sebagai pegawai tentera yang berpangkat sebagai Leftenen Kolonal yang bertugas di Rejimen *lima satu lima* [515] Askar Wataniah yang bertempat di Jalan Buku Lima di Kuala Lumpur.

SNY : **Boleh saya tahu suami mama berasal daripada mana?**

HNHA : Temerloh dan kini keluarganya menetap di Felda Bukit Lama Lancang Pahang.

SNY : **Boleh saya tahu mama mempunyai berapa orang cahaya mata lelaki dan perempuan?**

HNHA : Saya mempunyai *tujuh* [7] orang cahaya mata *lima* [5] perempuan dan *dua* [2] orang lelaki

SNY : **Bolehkah mama nyatakan nama setiap anak mama?**

HNHA : Boleh. Yang sulung Nor Emylia Erna berusia *dua puluh dua* [22]



tahun, sama seperti kamu *ye* [ya], yang *kedua* [2] Noraini *dua puluh* [20] tahun, yang *ketiga* [3] Nor syahirah *lapan belas* [18] tahun yang *keempat* [4] Nur Amalina *enam belas* [16] tahun, yang *kelima* [5] Mohamad Riduan berusia *empat belas* [14] tahun yang *keenam* [6] Nor Ilina Sofia *sebelas* [11] tahun dan *ketujuh* [7] mohammad fitri yang baru semalam menyambut hari lahir yang *ketujuh* [7] tahun.

**SNY** : **Bolehkah mama nyatakan setiap latar belakang pendidikan dan tahap pendidikan setiap anak kandung mama?**

HNHA : Saya ke?

**SNY** : **Anak**

HNHA : (sambil ketawa kecil) *Okey* [baiklah]. Alhamdulillah Alhamdulillah Alhamdulillah walaupun saya ada ramai anak,saya ada *empat puluh empat* [44] orang anak yang masih hidup tetapi saya *nak* [ mahu] anak saya belajar setinggi yang boleh sama seperti kamu semua *ye* [ya], anak saya yang *sulung* [pertama], Nor Emylia Erna masih belajar lagi di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Melaka berada di tahun *empat* [4] *degree* [ijazah] akaun, *kedua* [2] di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam,tahun *kedua* [2] *engineering* [kejuruteraan] dia ambil dalam bidang kejuruteraan kimia dan

proses, yang *ketiga* [3] masih berada di Matrikulasi Changlun Kedah dan yang *keempat* [4] masih lagi belajar dan dia telah mendapat keputusan *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] *enam* [6] A *dua* [2] B dalam peperiksaan.

**BAHAGIAN KEDUA: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN HAJAH NORLINA  
BINTI HAJI ALAWI DAN SUAMI**

**SNY** : *Okey* [baiklah]. Seterusnya kita akan meneruskan sesi temubual kepada bahagian dua [2] iaitu latar belakang pendidikan mama dan suami.

**SNY** : Boleh saya tahu dimana mama mendapatkan pendidikan awal?

**HNHA** : Maksudnya sekolah rendah ke? (Sambil ketawa kecil).

**SNY** : Ya mama.

**HNHA** : ( Sambil ketawa kecil) saya mulakan dengan sekolah tadika dulu la, saya bersekolah di sekolah Tadika Kemas di Labis dan selepas itu saya menyambung pelajaran ke Sekolah Rendah Inggeris di Labis dan selepas itu saya mengikut *bapak* [ayah] saya ke Kluang, Johor dan saya bersekolah di Sekolah Tengku Mahmud *dua* [II] di Kluang, Johor dan setelah habis sekolah rendah,saya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Rendah Jalan Makibul Kluang, Johor dan seterusnya bila naik *form four* [tingkatan 4] saya meneruskan persekolahan di Sekolah Tinggi Kluang, Johor dan lepas itu saya berkahwin, seawal lewat *lapan belas* [18] tahun saya bersalin anak saya nombor satu [1-pertama] lewat *sembilan belas* [19] tahun dan setelah umur saya *empat puluh* [40] tahun anak pada masa *tu* [itu] dah

[sudah] *empat puluh empat* [44] orang, saya sambung belajar lagi, dengan menyambung pelajaran dalam bidang Diploma Pendidikan Kaunseling di Universiti Malaya.

**SNY : Boleh saya tahu mengenai latar belakang suami mama iaitu suami mama mendapat pendidikan awal bermula di mana?**

HNHA : Haa! (Sambil ketawa kecil) *okey* [baiklah] papa mendapat pendidikan awal di Temerloh, Pahang dan selepas *tu* [itu] dia masuk tentera dan dia menyambung pelajarannya di *UM* [Universiti Malaya] Diploma, *Degree* [ijazah] dan juga *Master* [Sarjana] sekarang *ni* [ini] di Universiti Malaya.

**SNY : Boleh saya tahu *degree* [Ijazah] dalam bidang apa?**

HNHA : Pengurusan.

**SNY : Dan *master* [Sarjana]?**

HNHA : Dalam bidang pengurusan juga dan dia ambil *ministry of* [Kementerian dalam] --- dan dia banyak menghadiri kursus.

**SNY : Soalan yang agak cepu emas bagi saya untuk mama ya, bagaimana mama dan suami mula menyulam kasih dan mula mengenali antara**

**satu sama lain?**

HNHA : : Sebenarnya mama dan papa masa tu - masa dahulu, *orang dulu-dulu* [orang zaman dahulu] *ni* [ini] dia *tak* [tidak] pandai *nak* [hendak] cari *makwe* [teman wanita] dan *pakwe* [teman lelaki] sendiri maksudnya *sapa* [siapa] yang meminang *tu* [itu] dialah yang bertunang dengan saya, lepas sepuluh [10] tahun saya bertunang dengan tunang saya, kami *takde* [tiada] jodoh, saya putus tunang *seminggu* [1 minggu], suami saya pun baru kenal dengan saya selama *seminggu* [1 minggu], dia pun hantar rombongan meminang dan selepas *seminggu* [1 minggu] bertunang dan selama *tiga* [3] bulan tempoh pertunangan, kami bernikah dan *tiga* [3] bulan kemudian baru kami bersanding, maksudnya bercinta selepas berkahwin la (sambil ketawa kecil).

**SNY : Lagi satu soalan, di manakah tempat pertemuan mama dan papa?**

HNHA : Di Kluang Johor, dan saya juga mempunyai buku, nanti adik boleh ambil gambar dan tengok buku saya, bukan buku tapi majalah wanita yang menyiarkan cerita mengenai kisah mama dan papa dalam majalah tersebut, iaitu dalam slot “Cinta Orang Popular”, wah begitu! (Sambil ketawa kecil) dan kamu boleh tengok daripada yang awal dan dia ada *tiga* [3] *chapter* [bahagian] iaitu *chapter* [bahagian] *pertama* [1], *kedua* [2] dan *ketiga* [3]

(gangguan telepon bimbit).

**BAHAGIAN KETIGA: LATAR BELAKANG *PERNIM* [PERSATUAN  
KEBAJIKAN ANAK KEPADA PESAKIT *HIV* [HUMAN IMMUNODEFICIENCY  
VIRUS] DAN *AIDS* [ACQUIRED IMMUNO-DEFICIENCY SYNDROME-  
SINDROM KURANG DAYA TAHAN PENYAKIT] NURUL IMAN MALAYSIA].**

**SNY : Seterusnya kita akan pergi kepada bahagian ketiga [3] iaitu mengenai  
latar belakang *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit  
*HIV* [Human Immunodeficiency Virus] Dan *AIDS* [Acquired Immuno-  
deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul  
Iman Malaysia]**

HNHA : Alhamdulillah Alhamdulillah Alhamdulillah, Saya bersyukur sangat  
kepada Allah kerana saya telah berjaya membuka Pertubuhan Kebajikan  
Anak Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired  
Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit]  
Nurul Iman Malaysia pada tahun *dua ribu empat* [2004] iaitu *tujuh belas  
mac dua ribu empat* [ 17 Mac 2004], dimana setelah *dua* [2] tahun saya  
membuat pengalaman saya sendiri dimana saya telah mengambil anak  
angkat pertama pada tahun *dua ribu satu* [2001] dan saya namakan dia  
sebagai Iman dan saya telah mengandung lagi untuk menyusukan Iman,  
jadi Iman *dah* [sudah] berusia *dua* [2] tahun pada tahun *dua ribu empat* [  
2004] baru saya menubuhkan Pertubuhan *PERNIM* [Persatuan Kebajikan  
Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS*

[Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia], tapi Iman *tak* [tidak] sakit, jadi waktu *tu* [itu] waktu Iman dilahirkan *tu* [itu] pada awalnya memang suami saya *tak* [tidak] suka, sebab *of course* [tentulah] *tak* [tidak] suka kerana ibunya memang seorang yang tidak berkahwin dan dia ada *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], mungkin disebabkan pergaulan bebas, jadi suami saya memang *tak* [tidak] suka, semua *orang laki* [lelaki] *tak* [tidak] suka kan? Sebab takut keluarganya terancam, jadi waktu Iman lahir *tu* [itu], saya bersungguh-sungguh untuk dapatkan Iman dan suami saya *bagi* [membenarkan] dan selepas *tiga* [3] minggu saya *bela* [menjaga] Iman, saya mohon kepada suami saya untuk bagi saya mengandung lagi agar saya dapat menyusukan Iman, dan setelah *tiga* [3] minggu saya bercuba untuk mengandung dan Alhamdulillah saya dapat mengandung dan setelah *Sembilan* [9] bulan saya mengandung dan lahirkan Fatimah iaitu anak saya yang *keenam* [ke-6] jadi dapatlah saya menyusukan Iman dan Alhamdulillah bila umur Iman berusia *dua* [2] tahun Iman bebas daripada *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], *So* [jadi], Iman *takde* [tiada] *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], Iman hanya anak kepada pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], itulah pertubuhan *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] nama pertubuhan kebajikan anak kepada pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan saya dapat lagi



anak angkat lain yang merupakan anak yatim piatu yang mana *mak bapak* [ibu bapa] telah meninggal semasa dia lahir, *So* [jadi] maksudnya bila sudah ada *tiga* [3] orang anak angkat baru saya buka *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] ini, *so* [jadi], *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] merupakan satu pertubuhan yang boleh dikatakan sebagai satu batu loncatan agar saya dapat mengembangkan ilmu saya dari segi kemanusiaan kepada kamu semua dan saya beranikan diri dengan menubuhkan lagi satu pertubuhan sebab *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] didaftarkan di *ROS* [Register of Societies- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia], kali ini didaftarkan di *ROC* [Register of Company- Jabatan Pendaftaran Syarikat Malaysia], diatas nama Pusat *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia], dan Pusat *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] saya tubuhkan pada tahun *dua ribu enam* [2006] iaitu pada *dua*

*puluh enam haribulan mei tahun dia ribu enam*[26 Mei 2006] dan saya tukarkan kepada Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad pada *dua puluh lima mei tahun dua ribu sebelas*[25 Mei 2011] dan saya lebih selesa di *addresskan* [di alamatkan] kepada Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad demi maruah anak-anak saya, jadi *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia Berhad] persatuan ini memang *concentrate* [memberi perhatian] untuk anak yang ada *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan anak yang ada kaitan dengan pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], dan keluarga besar pula lagi besar skop dia iaitu saya selamatkan anak kepada pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], luar nikah, *tak* [tidak] setaraf, keluarga teranaiya, terdampar, bukan warganegara teranayia, ibu-ibu mengandung anak luar nikah dan yang lagi bagusnya adalah keluarga besar, sebab menjaga nama baik anak-anak dan mereka juga dipanggil sebagai anak-anak anugerah dan mungkin kamu tahu daripada sebaran atau media, saya telah mengambil anak *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] sebagai anak angkat yang sah mengikut undang-undang dan saya ada anak angkat sebanyak *tiga puluh lapan* [38] orang anak angkat dan *tiga puluh empat* [34] yang telah di ambil sebagai anak angkat yang sah jadi mereka

lagi bukan anak yatim dan mereka ialah anak kepada Norlina Alawi.

HNHA : Kamu faham?

**SNY : Ya mama, saya faham.**

HNHA : Maksudnya sama seperti mak kamu, lahirkan kamu sebagai mak kandung, mak kamu *bela* [jaga] kamu, sama juga saya *bela* [jaga] anak angkat saya, walaupun saya *tak* [tidak] melahirkan *diaorang* [mereka-anak-anak Anugerah] dan memang *takde* [tiada] bezanya sama ada anak kandung dan anak angkat malah lebih lagi anak angkat sebab mereka saya angkat darjat mereka menjadi anak orang dan mungkin lebih baik kehidupan mereka sebab anak angkat saya, saya telah bawa pergi *umrah* [pergi ke Makkah bagi orang beragama islam] dan pergi menunaikan haji, mksudnya mereka di angkat darjat mereka kerana mungkin itu rezeki mereka, dan kita *tak* [tidak] boleh menidakkan apa yang mereka dapat.

**SNY : Seperti yang kita tahu dan dengar dari mulut mama sendiri tentang tujuan dan bagaimana tertubuhnya *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] ini, dan apa itu Keluarga**

**Besar Norlina Alawi Berhad, saya ingin bertanya adakah mama menggunakan tenaga pekerja bagi menguruskan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?**

HNHA : Pada mulanya saya memang ada *dua* [2] *tiga* [3] orang pekerja tapi pada saya sekarang saya *takde* [tiada] langsung, saya cuma ada anak-anak yang menolong saya iaitu anak kandung dan anak angkat dan walaupun masih *study* [belajar], masih sekolah dan masih lagi seorang pelajar tapi mereka merupakan tulang belakang saya, maksudnya saya tidak ada orang gaji tetapi anak-anak saya sebelum pergi ke sekolah mereka akan tolong saya kemas rumah, dan tolong buat *keje* [kerja] *kat* [dekat] rumah dan selepas siap barulah pergi ke sekolah, maksudnya tanggungjawab mereka lagi berat tetapi mereka suka kerana saya *tak pernah* [tidak pernah] ada cuti untuk saya maksudnya setengah orang ada kerjaya ada cuti tapi bagi Norlina Alawi tidak ada cuti, dia berkerja hampir *dua puluh empat* [24] jam demi mencurahkan bakti pada anak-anak tetapi pada saya bila saya cuti mungkin cuti pada waktu saya *dah* [sudah] *takde* [tiada] selama-lamanya waktu nyawa saya dicabut saya rasa itu baru cuti, cuti selama-lamanya (dengan nada sebak), pada saya, saya *tak* [tidak] perlukan pembantu, orang gaji kalau itu akan mendatangkan fitnah kepada saya dan anak-anak, bukan saya takut bukan saya cerewet kerana orang lain tidak tahu apa saya buat, kerana dia memerlukan pengorbanan hati, pengorbanan dari segi fizikal,

harta, wang ringgit, masa, kerana orang ramai dalam dunia *ni* [ini] mementingkan diri sendiri, maruah dan masa depan dia sendiri dan saya juga ada naluri seperti orang lain, tapi naluri saya lebih kuat bagi untuk saya menyelamatkan golongan Anugerah ini jadi saya perlu berkorban demi membantu anak-anak Anugerah ini, Pada saya pengorbanan saya *ni* [ini] *kecik* [kecil] je [sahaja], *tak banyak* [tidak banyak] pun, mungkin orang lain lebih hebat daripada saya, jadi ini saja yang mampu saya lakukan untuk tolong agar anak-anak Anugerah ini *tak* [tidak] di pandang hina, dan satu hari nanti insyaallah saya berharap akan ada ramai lagi klon-klon Norlina dan dengan paparan daripada saya mungkin satu hari nanti adik-adik semua insyaallah akan menjadi klon saya dan sebab itu saya mengasaskan satu program khas iaitu program Cinta Tanpa Sempadan, dengan adanya program itu saya telah membuat buku novel Cinta Tanpa Sempadan dan komik yang berimajinasikan anak-anak mama Keluarga Besar Norlina Alawi dan pada saya, saya hasilkan komik dan novel ini adalah untuk menceritakan mengenai hidup saya dan komik saya buat khas untuk anak-anak yang masih ada *mak bapak* [ibubapa] supaya dia tidak akan memandang rendah pada anak-anak Anugerah. Jadi, insyaallah novel ini akan di jadikan cerita dan filem dan yang ini (merujuk kepada komik yang dipegang) sebagai kartun animasi insyaallah.

**SNY : Insyaallah mama, kita *dah* [sudah] usaha mungkin Tuhan akan realisasikan impian mama, boleh saya tahu berapakah jumlah**

**keseluruhan anak-anak mama pada masa sekarang?**

HNHA : : Kalau ikutkan jumlah anak-anak Anugerah yang saya jaga termasuk anak-anak gadis mencecah lebih *dua ratus* [200] orang dan anak-anak lebih *seratus* [100] orang tapi yang kekal yang berdaftar *tiga puluh dua* [32] orang dan yang belum berdaftar lebih kurang *empat* [4] orang semua sekali dan dalam rumah saya seramai *empat puluh empat* [44] orang termasuk *tujuh* [7] orang anak kandung dan *dua* [2] orang yang telah meninggal dunia.

SNY : **Seperti yang mama terangkan, gadis-gadis yang mama sudah jaga adalah seramai *dua ratus* [200] orang jumlah keseluruhan, semuanya berasal dari mana ya?**

HNHA : Seluruh Malaysia, termasuk *IPTA* [Institusi Pengajian Tinggi Awam] dan *IPTS* [Institusi Pengajian Tinggi Swasta], Cuma saya tidak mahu *eksposekan* [menonjolkan] sesiapa sebab selepas gadis-gadis itu melahirkan anak, saya kalau boleh akan koyakkan dokumen-dokemen mereka sebab saya tidak mahu mengaibkan mereka dan kita rata-rata bila kita mengaibkan orang lain, Allah akan buka aib kita, walaupun mereka terlibat dalam kes-kes ini mungkin Allah *tak* [tidak] suka kan? dan pada saya memang saya tidak suka *nak* [hendak] aibkan dan mempamerkan aib orang dan saya suka pameran anak-anak saya sebagai anak yatim supaya sebagai

pengajaran supaya kamu lebih peka agar kamu jadikan pengajaran dan bukan untuk mengaibkan anak-anak ini tetapi lebih membela nasib mereka agar mereka lebih dihargai dan *dua* [2] anak saya yang telah meninggal dunia dan ini (menunjukkan pamplet) Nur Murni Mad Zaidi, saya ambil dia di Hospital Kelantan dan pada masa *tu* [itu] badan dia penuh kudis dan Alhamdulillah saya dapat tukarkan dia dan ini (sambil menunjukkan gambar Murni di Pamplet) *tiga* [3] bulan sebelum meninggal dunia dan saya *bela* [menjaga] dia selama *setahun* [1] *sepuluh* [10] bulan dan dia meninggal atas pangkuan saya juga dan ini gambar dia masih hidup (menunjukkan gambar Murni di pamplet) dan semasa dia meninggal (sambil menunjukkan gambar Murni di pamplet), ini (sambil menunjukkan gambar Mohd Amir Amzar) anak saya Mohd Amir Amzar yang mana saya sempat bawa dia pergi umrah dengan niat dapat meninggikan darjat dia dan yang Murni tadi meninggal pada tahun *dua ribu Sembilan* [2009] dan Uteh meninggal pada tahun *dua ribu sebelas* [2011] dan kedua-duanya meninggal atas pangkuan saya.

**SNY : Soalan seterusnya adakah mama menghadkan pengambilan anak-anak Anugerah?**

HNHA : Saya tidak menghadkan pengambilan anak-anak Anugerah tetapi saya memilih kategori-kategori yang mana patut saya buat dan ambil dan dilindungi, kalau dulu saya tidak kisah mengambil anak-anak yang ada *mak*

*bapak* [ibubapa], Tetapi setelah banyak perkara-perkara yang *tak* [tidak] di ingini berlaku saya telah kuatkan semangat saya, kuatkan hati, bahawa saya kata saya tidak akan ambil orang yang ada mak, kalau orang itu bernikah secara sah dan dia beri alasan pada saya kerana miskin saya tidak terima kerana saya nanti takut mereka akan miskin hati, buta hati dan bukan miskin perut kerana nanti bila saya sudah *bela* [jaga] akan berlaku perebutan kerana kalau saya *bela* [jaga] memang mengikut umur dan acuan hidup saya ,saya *tak akan* [tidak akan] bagi anak saya *tak sembahyang* [tidak sembahyang], *tak mengaji* [tidak mengaji] dan mereka juga kena belajar. Biasanya orang yang rosak kehidupan mereka, anak-anak mereka akan rosak juga, maksudnya mereka akan biarkan anak mereka *tak sembahyang* [tidak sembahyang], mereka akan biarkan anak *tak [tidak]* bersekolah, cakap kotor, saya tidak ada *mood* [emosi-tidak suka]. Jadi saya tidak mahu berlaku seperti itu, ada juga perkara berlaku dimana mereka telah menuduh saya mendera anak itu, kadang-kadang anak itu datang dengan keadaan berkudis di kepala, mestilah dibotakkan sedikit jadi mereka buat *report* [laporan] cakap saya dera anak mereka, jadi saya kata, senang, awak ambillah balik anak awak sebab saya tidak mahu ada perebutan kasih di situ dan saya tidak mahu berkongsi kasih dengan orang yang miskin hati.

**SNY : Kira mama ada banyak terlibat dalam kes-kes perebutan hak**



### penjagaan anak-anak?

HNHA : Saya *tak* [tidak] rebut pun. *You* [awak] *nak* [mahu] ambil, ambil la, saya *tak heran* [tidak kisah] pun. Pada saya orang *tu* [itu] *nak* [mahu] jaga anak dia sendiri, ambil lah. Walaupun saya *dah* [sudah] *bela* [menjaga] bertahun-tahun, Pada pendapat orang mungkin saya *ni* [ini] akan rugi betul? Bagi saya tidak, sebab mak dia yang *nak* [hendak] beri dan mak dia *nak* [hendak] ambil, *nak* [hendak] *bela* [jaga] anak dia sebagai anak dia, ambil lah.

NNS : **Biasanya anak-anak yang di terima balik pada ibu bapa mereka, adakah anak-anak akan rasa tidak mahu melepaskan mama?**

HNHA : Dia akan rasa suka bila untuk balik kepada mak dia kerana kebanyakan yang datang pada saya dia *dah* [sudah] besar, dia *dah* [sudah] kenal mak dia kalau yang kecil memang *tak nak lah* [tidak mahu lah] saya tahu tapi *dah* [sudah] besar umur *lima* [5] tahun, *lapan* [8] tahun, *sepuluh* [10] tahun dia *dah* [sudah] kenal mak dia *and of course* [dan sudah tentu] lah dia *nak* [mahu] mak dan mak dia serahkan anak dia sebab miskin, tapi bila dia tengok anak dia *dah* [sudah] *ok* [elok] anak dia *dah* [sudah] besar pandai sembahyang, mengaji dan *dah* [sudah] pandai membaca, dia *nak* [mahu] mak dia, mak *ngan* [dengan] anak, mana boleh berpisah, jadi ambil la. Pada

saya, saya redha dan pada saya, saya tidak sedikit pun rasa terkilan kerana itu hak dia dan kalau dia dari kecil *of course* [sudah tentulah] dia *nak* [hendak] saya tapi dia *dah* [sudah] besar dia nak mak dia, dia Cuma dalam keadaan terdesak saja, macam kita melepaskan anjing tersepit lah.

**SNY : Boleh mama nyatakan lingkungan umur anak-anak mama, maksudnya lingkungan umur anak-anak Anugerah?**

HNHA : Daripada bayi yang saya anggap bayi yang juga saya anggap sebagai cucu saya, dia umur setahun, dan saya beri pada anak saya, along ada *dua* [2] anak, angah *satu* [1] anak dan Su *satu* [1] anak, maksudnya seawal bayi seusia setahun sehinggalah anak angkat saya mencapai umur *tiga puluh* [30] tahun, dan saya *nak* [mahu] lebih banyak legasi saya, saya jadikan mereka sebagai cucu saya iaitu anak kepada anak-anak saya, anak kepada along *dua* [2] anak, Angah *satu* [1] anak, maksudnya, mereka seusia kamu tapi *dah* [sudah] diberi tanggungjawab menjadi ibu, pelajar, ahli peniagaan dan memang tough [berat] kan? Jadi dia akan menjadi lebih dewasa, seawal daripada usia mereka.

**SNY : Bagaimana mama mendapatkan modal untuk membiayai segala urusan penubuhan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?**

HNHA : Melalui peniagaan saya, dulu saya ada catering, saya ada Maju Enterprise ,saya ada pelbagai-bagai jenis perniagaan, saya akan bagi kamu *brochure* [pamphlet] dan kamu akan tengok apa yang saya buat, saya akan cantumkan akhirat dan dunia, kalau akhirat *tu* [itu] saya *bela* [jaga] anak-anak Anugerah, kalau dunia saya ada *production* [syarikat produksi] saya sendiri untuk menghasilkan dokumentari *talk show-talk show* [dokumentari bual bicara] saya insyaallah dan juga video klip saya, kejap lagi kamu boleh tengok *ye* [ya]

**SNY : Boleh saya tahu, mama ada produksi mama sendiri, jadi siapa yang menguruskan produksi mama?**

HNHA : Saya ada rakan *partner* [kongsi], Raysia Lai, dia menjadi rakan *partner* [kongsi] bagi membuat dan menyiarkan aktiviti-aktiviti pengembaraan saya.

**SNY : Buat masa sekarang apa aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan?**

HNHA : Akan dibuat. Saya telah menghasilkan video klip, kamu boleh tengok nanti di depan (merujuk kepada ruang tamu di hadapan) dan saya juga ada koperasi saya sendiri, saya tubuhkan kopersai sebab *nak* [mahu]

kesinambungan dalam aktiviti perniagaan dan yang terbaru *ni* [ini] saya akan buat *talk show* [rancangan bual bicara], Cinta Tanpa Sempadan, di mana saya sendiri akan menjadi *host* [pengacara] dalam rancangan tersebut.

**SNY : Bila program itu akan dijalankan?**

HNHA : *Soon* [Akan datang], sebab saya tengah mencari rakan penaja, kalau kamu ingin taja pun boleh (ketawa kecil). Saya tengah cari rakan *sponser* [penaja] tapi bukan sahaja menjadi rakan *sponser* [penaja] saja tetapi mereka akan diberikan *win-win situation* [situasi menang-menang].

**SNY : Baiklah mama. Boleh saya tahu reaksi suami dan keluarga mama, adik-beradik mama bila mama berhasrat untuk membuka Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?**

HNHA : Pada awalnya suami dan adik-beradik mungkin *diaorang* [mereka] berasa agak *canggung* [perasaan kurang senang], ataupun agak kurang suka, tapi bila hari-hari saya *celik je mata* [hari-hari semasa bangun dari tidur], saya terfikir mengenai anak-anak *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], celik je mata anak *HIV* [Human Immunodeficiency Virus], celik mata ada saja perkara-perkara baru yang saya tonjolkan tapi akhirnya mereka terpaksa akur dan yang penting saya tidak menyusahkan mereka dan malah saya membuat sesuatu perkara yang tidak disangka-sangka, Alhamdulillah papa

dapat saya bawa pergi haji buat kali pertama, dan setelah setahun iaitu pada tahun *dua ribu satu* [2001], *dua ribu dua* [2002], *dua ribu tiga* [2003], *dua ribu empat* [2004] saya dapat \_ tahun *dua ribu lima* [2005] saya bawa suami pergi haji dengan harapan agar suami saya terbuka hatinya untuk menerima banyak lagi anak-anak Anugerah dan Alhamdulillah suami saya *dah* [sudah] *dua* [2] kali pergi haji dan mak mertua saya yang lumpuh pun saya *dah* [sudah] bawa pergi haji, dan adik-beradik saya pun saya bawa pergi umrah, dan saya telah tukarkan kepada perkara-perkara yang positif, maksudnya saya masukkan perkara-perkara yang positif bukan negatif, dan akhirnya mereka akur dan mereka menumpang bangga dengan apa yang saya lakukan.

**SNY : Kiranya adik beradik mama menyokong mama *seratus* [ 100] peratus usaha mama?**

HNHA : Ya, Inshaallah.

**SNY : Bagaimana pula reaksi anak-anak mama sendiri apabila mereka terpaksa berkongsi kasih?**

HNHA : : Untuk pengetahuan semua anak-anak mama juga seperti kamu juga, yang *tak* [tidak] tahu di ajar dan *dah* [sudah] tahu pada awalnya diterangkan dan mungkin dipaksa rela dan lama-lama mungkin mereka rela, maksudnya

macam kamu, mak kamu bawa adik-beradik baru, kamu mula-mula rasa tertanya-tanya kenapa mak kamu bawa adik baru *ye* [ya], tapi apabila mak kamu mula ceritakan apa kebaikan dan apa yang akan terjadi apabila kamu bersikap seorang yang mulia dan boleh menerima orang lain dalam hidup kamu jadi lama-lama kamu akan rasa bersyukur kerana diberikan peluang, begitu juga pada anak-anak saya kerana mereka bersyukur sebab diberikan peluang dan mereka lahir daripada Keluarga Besar Norlina Alawi, kalau *tak* [tidak] percaya kamu boleh tanya along nanti *ye* [ya].  
(sambil ketawa kecil)

**SNY : Boleh mama nyatakan halangan-halangan yang mama hadapi semasa tubuhkan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?**

HNHA : Memang banyak halangan la *ye* [ya], pada awalnya dulu masa *nak* [mahu] tubuhkan *tu* [itu] bukan senang, saya kena ada duit betul tak [tidak]? sampai sekarang pun saya kena ada duit, saya menghadapi pelbagai tentangan daripada penduduk kampung, *diorang* [mereka] *tak suka* [tidak suka] sebab anak saya kan ramai dan anak-anak saya ada *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan bukan semuanya yang ada *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] *ye* [ya], *lima* [5] orang *je* [sahaja] anak saya yang ada *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] *dua* [2] *dah* [sudah]

meninggal dan tinggal *tiga* [ 3] yang masih hidup dan ada juga pihak-pihak yang lain cuba merampas anak-anak saya dan ada juga menuduh saya menyebabkan kematian anak-anak saya, tapi pada saya perkara *ni* [ini], saya patut terima dan patut saya hadapi kerana kalau *tak da* [tidak ada] dugaan, tidak ada cabaran, tidak ada kemanisan dalam hidup, jadi pada saya, saya kena hadapi dengan redha dan kena bijak dan paling yang saya sedih, ialah saya- - (gangguan telefon).

**SNY : Apakah cabaran yang paling hebat yang pernah mama hadapi dalam menguruskan anak-anak anugerah?**

HNHA : (Sambil ketawa) Semua ibu-ibu akan menghadapi cabaran hebat dalam hidup *diorang kan* [mereka bukan]? Terutamanya dalam hubungan anak. Saya rasa kalau tanya kepada *mak bapak* [ibu bapa] kamu pun mesti ada cara yang boleh kita cuba buat, betul *tak* [tidak]? Sama juga seperti saya. Jadi, anak-anak anugerah ini memang pada saya mereka adalah anak yang baik. Mereka jarang membuat masalah, anak-anak saya ini memang merupakan anak-anak yang membantu. Anak-anak anugerah saya dan anak kandung sebenarnya mereka telah dididik dari *kecik* [kecil]. Mereka memang jarang membuat perkara-perkara yang *tak* [tidak] baik. Mereka memang mengikut kata, mereka memang taat apa yang saya suruh cuma kadang-kadang, biasalah anak-anak *kan* [bukan]? Kalau *time* [masa] kita

suruh itu, dia memang buat, lepas itu dia tinggal *Kan* [bukan]. Biasalah *kan* [bukan]? *Okey* [Baiklah], cuma satu *sajalah* [sahajalah] ada cabaran saya ada satu cabaran ada seorang anak anugerah, yang *kat* [di] luar itu cerita lain yang masih ada, dia merupakan anak daripada *Chow Kit* [sebuah tempat di Kuala Lumpur], ibu bapanya *dah* [sudah] meninggal. *Eh* [cara percakapan bahasa orang Melayu], bapanya, dia tiada bapa, tapi atas erti kata ada bapa tapi *tak ada* [tiada] daftarlah, kira *anak luar nikahlah* [anak yang bukan lahir daripada hasil perkahwinan yang sah] *kan* [bukan]? *Mak* [ibu] dia *dah* [sudah] meninggal, *Mak* [ibu] dia dibunuh oleh bapanya *ni* [ini] di Chow Kit dan masa bapanya itu menagih dadah di pusat dadah, dia pun ikut sekali. Pasukan tangkap polis telah menagkap dia sekali. *Kira dia masuk balai, dia pun ikut masuk lokap* [ayahnya ditangkap masuk ke balai, anaknya juga ikut masuk ke balai]. Jadi bila saya *bela* [pelihara] mereka *tiga* [3] orang, dia ada *tiga* [3] orang adik-beradik, dialah *paling hebat sekalilah* [paling nakal], selalu cikgu *complain* [mengadu], ponteng sekolah, pergi tidur di bawah *kolong-kolong* [terowong bawah jambatan], duduk dalam parit. Polis jumpa pun dalam parit, *aduh* [mengeluh] subhannallah. Jadi tentang perangai *kat* [di] depan saya sangat baik, memang baik sangat. Jadi, pada saya, saya suatu masa itu saya bawa dia pergi ke *umrah* [adalah salah satu kegiatan ibadah dalam agama Islam], juga, saya bawa dia pergi *umrah* [adalah salah satu kegiatan ibadah dalam agama Islam], lepas balik umrah itu saya, saya tidak sabar *dah* [sudah], saya kata, kamu *kena* [perlu] diajar. Saya hantar dia ke *sekolah pondok*



[sekolah agama].Sebab dia, hari-hari buku dia, dia ambil beg adik-adik dia yang lain, beg dia, dia tinggal *kat* [di] sekolah. Dengan *dah* [sudah] kembang buku dia. Jadi saya kata, awak dengan buku sekolah pun *tak* [tidak] sayang, *apatah* [apa] lagi diri awak. Jadi, saya hantar dia ke *sekolah pondok* [sekolah agama] di Tanjung Sepat. Jadi sekarang ini di *sekolah pondok* [sekolah agama] pun saya *tiga* [3] kali hantar baju barang-barang dia apa semua bagai, *tiga* [3] kali pun dia sehelai sepinggang, dia dibuli pula oleh orang di sana. Jadi saya kata saya mencuba sedaya upaya untuk perlu bertukar ke badan--- Bagi saya biarlah dia di *sekolah pondok* [sekolah agama] itu. Sekurang-kurangnya dia tahu bahawa susahny hidup kalau mama *tak ada* [tiada]. Jadi, dia *kecik* [kecil] lagi umurnya dia, baru *sembilan* [9] tahun. Masih panjang lagi jalan dia. Jadi pada saya biar orang lain yang membela, saya memantau dan saya memberi duitlah. Tiga ratus ringgit [RM300] sebulan. Jadi, itulah cabaran antara cabaran yang hebatlah, yang saya terpaksa ada juga yang saya terpaksa keluarkan mereka pulang balik kepada keluarga mereka atau *pak sedara* [bapa saudara] dan anak-anak ini, *diorang* [mereka] ini baik-baik cuma ada masanya di luar dugaan kita *kan* [bukan]? Tapi, saya *tak* [tidak] buang *diorang* [mereka]. Dan lain-lain pun samalah seperti anak-anak orang lain, cuma biasalah nak kena [pergi] *sembahyang* [solat] *nak kena* [hendak pergi] *kejar* [arah], sama seperti kamu saya rasa, bukan semuanya kamu sentiasa baik *kan* [bukan]? Sama seperti anak saya, *tak* [tidak] ada beza, cuma bezanya mereka ada kuantiti yang ramai malah mereka lebih bagus daripada kamu saya rasa,

kerana mereka disiplin, baju, pakai baju sama, dia lebih tertiblah dari asrama biasa sebenarnya, kerana mak dia sentiasa memantau *je* [sahaja], kerana mak dia garang. Pakai baju belang hitam, belang hitamlah. Jadi *kena* [perlu], saya sebagai ibu *kena* [perlu] adil dan anak-anak saya sebagai seorang anak *kena* [perlu] bijaklah, dia *kena* [perlu] tahulah, bawa diri dia. Bila seorang pakai belang-belang biru, semua belang-belang birulah. Jadi anak-anak ini sama seperti anak orang lain, tiada beza pun, ada orang kata *eh* [cara percakapan bahasa orang Melayu], anak itu nakallah. *Tak* [tidak], anak awak, anak awak lagi nakal. Kenapa saya buat *gitu* [begitu]? Sebab saya ibu, saya *tak nak* [tidak akan] mengutuk anak saya. Semua ibu-ibu yang baik, dia *takkan* [tidak akan] menghina anak dia.

**SNY : Boleh mama ceritakan kenangan paling manis mama dalam membesarkan anak-anak anugerah?**

HNHA : Kenangan paling manis, macam mana dia, mereka nampak sangat terlalu menghargai saya, kalau dia *tengah* [sedang] tidur pun, kalau saya kejut dia suruh pergi buat apa-apa kerja pun dia akan buat dan dia tidak akan melawan. Itulah yang paling manis dan juga dia sanggup berkorban untuk mama dan papa dia, dia sanggup berkorban untuk adik -beradiknya yang lain dan saat yang paling saya--- saya teruja bila mereka naik ke pentas dapat *lima A* [5A] *UPSR* [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] dan anak anugerah yang dapat *lapan A* [8A] *PMR* [Penilaian Menengah Rendah],

dapat masuk universiti itu kenangan manis bagi saya. Sebab apa, saya ada adik-beradik yang ramai, anak-anak saya yang ramai *tak* [tidak] mungkin macam kamu yang ada dua tiga orang adik-beradik. Ramai pun mereka mampu untuk menunjukkan prestasi yang baik, walaupun *taklah* [tidaklah] hebat macam orang-orang yang dapat *straight* [penuh] A *tu* [itu], *tak* [tidak]. Cuma mereka, Alhamdulillah. Maksudnya boleh masuk universiti macam kamu, boleh khatam Al Quran, kamu *dah* [sudah] banyak kali khatam Al Quran *dah* [sudah]? Sama juga mereka, mereka juga sudah banyak kali khatam Al Quran dan mereka pergi umrah. Mereka, umrah itukan rezeki mereka *kan* [bukan]? Jadi memang banyaklah kenangan manis yang saya *tak* [tidak] boleh nak cakap, tapi saya simpan semuanya. Suatu masa nanti tengok buku *ea* [ya].

**SNY** : **Bagaimana pula dengan kenangan pahit yang mama lalui?**

**HNHA** : Ada sebut tadi, *okey* [baiklah], ada satu lagi kenangan pahit yang saya lalui bila anak saya cuba dirampas oleh pihak lain. Ada juga, maksudnya anak saya *dah* [sudah] meninggal *tu* [itu] pun semasa dia hidup pun dirampas dengan di, doktor yang cuba merampas *tu* [itu] dia berada di hospital, dia cuba rampas anak saya dengan dia bawa masuk anak saya ke dalam hospital. Berbulan-bulan dia tahan anak saya. Berbulan-bulanlah saya berulang-ulang setiap hari tanpa gagal. Sampai satu masa, bila anak saya meninggal dia *nak* [hendak] ambil anak yang lain, dia *report* [mengadu]

polis. Dan dia pergi *report* [mengadu] kepada kementerian dan mereka membuat satu konspirasi untuk jatuhkan saya. Kemudian tunjukkan permit sekaligus menjatuhkan Norlina Alawi tapi mungkin Allah *tak* [tidak] suka *kan* [bukan]? Allah nampak apa yang saya lakukan, saya *tak* [tidak] bunuh anak saya, saya *tak* [tidak] bunuh anak saya, saya *tak* [tidak] dera anak saya, saya belai anak saya macam sama juga ibu bapa kamu membelai kamu. Jadi, doktor tadi telah mengarahkan orang-orang dia untuk pergi ke balai polis, *report* [mengadu] polis. Dan mereka juga telah menggunakan kuasa-kuasa besar, di atasan sana, untuk rampas anak saya tapi Alhamdulillah, saya dapat selamatkan balik anak-anak saya kerana saya ada sijil anak angkat yang sah. Maksudnya bukan semua anak rumah kebajikan (gangguan telefon) akan ambil sijil yang sah *ea* [ya]. Jadi saya ada sijil yang sah, jadi anak itu adalah anak saya. Orang lain *tak* [tidak] boleh sewenang-wenangnya untuk ambil anak saya. *So* [Jadi], itulah yang paling penting. Jadi, pada mereka, mereka *nak* [hendak] jatuhkan Norlina tapi mereka terlupa bahawa kalau Norlina *tak ada* [tiada] siapa *nak* [hendak] bela anak? Macam sekarang *ni* [ini], contohnya macam rumah *KEWAJA* [Pusat Kebahagiaan Wanita dan Remaja], mereka telah disita, oleh pihak berwajib kerana benda-benda yang kecil tapi bila perempuan *ngandung* [mengandung] *nak* [hendak] mengandung *nak* [hendak] beranak, *dah* [sudah] terlanjur, mana *nak* [hendak] letak anak dia? Mana hendak tolong perempuan *beranak* [bersalin]? *Tak ada* [Tiada] tempat *kan* [bukan]? Tapi mereka *tak* [tidak] fikir perkara yang positif tapi fikirkan

perkara--- Tapi *takpe* [tidak apa], kita bersangka baik dan kita secara *tak* [tidak] langsung, ambil hati pun, *okey* [baiklah]. Satu lagi perkara yang sedih saya boleh kongsi bahawa yang saya pernah difitnah, bukan difitnahlah, diceritakan sampai saya, anak-anak *ni* [ini] *asnaf* [golongan yang layak menerima wang zakat], sampai diberikan zakat. Maksudnya, dan mereka, menteri itu melihat bahawa anak-anak saya *ni* [ini] *diupgradekan* [dinaik tarafkan] darjatnya setinggi yang, yang yang yang yang darjatnya, maksudnya (gangguan bunyi plastik buku dikoyakkan) maksudnya kalau anak yatim biasanya *tak* [tidak] diberi baju yang cantik, yang *selekeh* [tidak kemas], tapi anak saya ditukarkan darjat *diorang* [mereka] dengan pakai baju sama, mereka dilayan macam anak raja, macam anak orang lain. Maksudnya *diorang* [mereka], mungkin *diorang* [mereka] *tak* [tidak] suka. Sebab saya tukarkan darjat *diorang* [mereka] *ni* [ini] menjadi anak yang lebih gah. *So* [Jadi], saya diberikan zakat. *Takpe* [Tidak mengapa], saya pun *okeylah* [baiklah]. Memang saya kerja pun selama *ni* [ini]. Kalau saya *nak* [hendak] mengharapkan bantuan orang, *tak* [tidak] jadilah *nak* [hendak] datang, betul *tak* [tidak]? Jadi, janganlah kita bersangka buruk dan janganlah kita syak wasangka kepada semua orang. Jadi kita sentiasa bersifat positif dan buang layanan *je* [sahaja]. Dan saya *tak* [tidak] pernah marah mana-mana pun. Sebab pada saya, kalau saya buat macam *tu* [itu], kalau saya bergaduh, *so* [jadi] saya rasa sayalah orang yang paling rugi sekali kerana melayan kerenah-kerenah walaupun perkara *tu* [itu] berada di tahap yang---

**SNY : Boleh saya tahu bilangan anak mama dan anak anugerah yang telah bekerja dan telah menyambung pelajaran?**

HNHA : *Tak ada* [Tiada] yang bekerja. Yang menyambung pelajaran ada di Politeknik Kulim di Kedah. Berumur *sembilan belas* [19] tahun. Seorang. Yang *dua* [2] lagi, yang Jannah tadi *tu* [itu] pun *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]. Akan ambil *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] lagi sebulan\_\_\_\_\_ Dia ada *tiga* [3] kembar yang *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], yang *dua* [2] *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], *satu* [1] di Politeknik Kulim tadi\_\_\_\_\_ dan dia ada *tiga* [3] kembar, Sabri, Syafiq, dengan Jannah, *tiga* [3] dengan umur yang sama. Jannah dengan Syafiq *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], Syafiq pergi Politeknik Kulim.

**SNY : Bagaimana mama dapat membahagikan masa dengan anak-anak *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia] dengan tugas mama sebagai seorang isteri?**

HNHA : Saya dapat membahagikan masa dengan anak-anak saya, bukan anak-anak *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia] ya, anak-anak saya, anak Norlina. Sama seperti ibu bapa kamu, yang bekerja, balik kerja dia tahu dia ada anak, *tak* [tidak] ada beza pun. Masa terluang saya *kat* [di] rumah, saya lebih suka menghabiskan masa di

rumah daripada di luar.

**SNY : Apakah aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan bagi menguruskan anak-anak anugerah?**

HNHA : Apa dia?

**SNY : Aktiviti-aktiviti, contohnya macam hari minggu, adakah mereka ini akan diberikan aktiviti seperti gotong-royong, pergi lawatan?**

HNHA : Kamu macam mana *kat* [di] rumah?

**SNY : Saya akan buat kerja rumah.**

HNHA : Samalah seperti kamu. Tolong *mak* [ibu], tolong papa, kemas rumah, mungkin kamu ada malas sikit, nak terjah *mak* [ibu] kamu. Macam itulah. Samalah.

**SNY : Okey [baiklah], soalan saya seterusnya akan membuat mama terasa dan saya minta maaf sebelum apa-apa. Boleh saya tahu bilangan anak-anak anugerah yang mempunyai penyakit *HIV* [Human immunodeficiency virus] dan *AIDS* [Acquired immune deficiency syndrome or acquired immunodeficiency syndrome]?**

HNHA : Oh anak saya setakat ini, ada *lima* [5] orang yang mengalami *HIV* [Human immunodeficiency virus]. *Dua* [2] sudah meninggal, tinggal *tiga* [3] orang yang masih hidup.

SNY : **Bagaimana mama menguruskan kehidupan anak-anak ini?**

HNHA : Sama seperti anak orang lain. Sama seperti kamu semua, *tak* [tidak] ada beza pun, cumanya bezanya kena [perlu] cari duit lebih. Sebab kalau orang itu anak *lima* [5], dia *kena* [perlu] *cari* [keperluan] *lima* [5] orang anak dia, *saya anak yang hidup ni* [anak saya yang hidup ini] ada *empat puluh empat* [44] orang *kenalah* [perlulah] cari untuk *empat puluh empat* [44] peruntukan ataupun duit sara hidup. Sama.

SNY : **Bagi layanan, contoh macam pinggan, cawan yang digunakan oleh kanak-kanak ini adakah diasingkan atau disekalikan dengan anak-anak yang lain?**

HNHA : Sama seperti kamu. *Kat* [di] rumah ada beza *tak* [tidak]?

SNY : ***Tak* [tidak] ada.**

HNHA : *Tak* [tidak] ada bezakan antara kamu, *mak bapak* [ibu bapa] kamu, adik



beradik, *kan* [bukan]? Jadi samalah seperti saya, *tak* [tidak] ada beza antara anak yang sakit atau tidak, saya buat semua sama, cuma yang sakit, *kena* [perlu] makan ubat, satu hari *dua* [2] kali. Pagi dan malam. Tapi dari segi penjagaan, dari segi makanan, dari segi pembahagian pinggan mangkuk, sama *saja* [sahaja], *tak* [tidak] ada beza.

**SNY : Bagaimana pula pergaulan anak-anak ini dengan anak-anak yang lain?**

HNHA : Sama. (Gangguan bunyi). Kalau tengok *TV* [televisyen], tengok *TV* [televisyen] *lah* [ya]. Kalau waktu main, mainlah. *Tak* [tidak] ada beza \_\_\_  
--

**SNY : Adakah pergaulan antara anak-anak yang menghadapi penyakit *HIV* [Human immunodeficiency virus] ini, akan memberi risiko kepada adik-beradik yang lain?**

HNHA : Tidak. Termasuk saya.

**SNY : Bagaimana mama menghadapi kerenah dengan melayani mereka?**

HNHA : Sama seperti mak kamu melayan kamulah. *Tak* [tidak] ada beza pun. Sama *je* [sahaja], anak-anak *ni* [ini] semua adalah anak yang baik. Sebab seorang

ibu, dia akan berfikiran yang baik untuk anak dia. Walaupun ada kadang-kadang, apa yang dia buat *tu* [itu] kadang-kadang, kita *tak* [tidak] tahu apa yang dia fikir, tapi pada saya, sangka baik.

**SNY : Adakah perangai mereka ini lebih aktif daripada yang lain?**

HNHA : Saya rasa ada orang luar, di luar sana, yang masih ada *mak bapak* [ibu bapa] lagi, lebih aktif daripada anak-anak saya. Bila mereka memang, bila mereka *tak* [tidak] ada *mak bapak* [ibu bapa], mereka akan lebih menghargai. Mereka akan lebih *alert* [peka] dan sedar diri, orang yang ada *mak bapak* [ibu bapa] yang ada masih *mak bapak* [ibu bapa] yang kadang-kadang perangai mereka keterlaluan. Betul *tak* [tidak]? Tapi rasa dia masih ada *mak bapak* [ibu bapa], jadi dia rasa, diri saya masih, *oh* [cara percakapan bahasa orang Melayu] diri saya bagus, tapi sebenarnya, *tak bagus kan* [tidak bagus bukan]? Jadi, anak-anak memang lebih bagus daripada anak, orang yang masih ada lagi *mak bapak* [ibu bapa].

**SNY : Berapakah kos perubatan bagi anak-anak *HIV* [Human immunodeficiency virus] pada setiap bulan?**

HNHA : *Tak ada* [tiada] kos. Cuma, kos *tu* [itu] ditanggung kerajaan. Cuma sakit demam apa itu semua *tu* [itu] biasalah. Lebih kurang macam kamu, kalau dapat penyakit macam mana. Tapi kiralah dia punya bilangannya, berapa

*amountrnya* [jumlahnya] \_ \_ \_ \_ \_ Kalau kudis, *kena* [perlu] beri ubat kudis.  
Kalau demam, beri ubat demam, batuk sama *je* [sahaja].

**SNY : Pernahkah anak-anak mama bertanyakan mengenai keluarga mereka? Asal usul.**

HNHA : Tidak pernah. Sebab mereka memang *dah* [sudah] tahu dia datang kepada mama, dan dia bersyukur dapat mama, kerana dia telah diserahkan, dibuang oleh keluarga. Dia bersyukur kerana dapat makan, dapat pakai dan mereka *tak* [tidak] pernah bertanya pun di mana keluarga mereka. Dan juga pada dia, kalau mama yang tunjukkan dia *agree* [setuju], kalau mama *tak* [tidak] tunjukkan pun dia *agree* [setuju] juga. Dia akan bersetujulah. Maksudnya dia menerima seadanyalah. Maksudnya, dia bersyukur. Sebab pada dia ada orang yang---, budak-budak dia *tak* [tidak] faham. Pada dia ada orang yang menyelamatkan dia, yang bagi dia makan, pakai cukup semua, itulah mama dia, itulah papa dia.

**SNY : Pernah *tak* [tidak] ibu bapa kandung dan keluarga terdekat anak-anak ini datang melawat mereka?**

HNHA : Ada, ada juga. Ada yang saya ambil mak dah meninggal, bapa dah *tak* [tidak] kawal, ada bapa dia, bapa yang serah secara terpaksa, dan saya pegang anak dia, dan dia *report* [laporan] polis apa semua dan anak dia

sendiri *tak nak* [tidak mahu] balik kepada dia. Dan ini berlaku kepada jiran depan rumah saya. Saya tengok dia terbiar, *diorang* [mereka] itu pungut rambutan apa semua itu *empat* [4] orang, *empat* [4] beradik, *bapak* [bapa] dia terbiarkan dia, mak, isterinya dah meninggal, lepas itu saya ambil, dia salahkan saya macam-macam apa semua, tapi pada saya, saya ambil dengan undang-undang yang sah. Dan anak saya dah pulangkan balik pun, mereka *tak nak* [tidak mahu], mereka *tu* [itu] memang, Ya Allah, kalau ada saya pun saya *tak nak* [tidak mahu], panggilan saya bukan untuk *diorang* [mereka]. Tapi saya *tak* [tidak] pernah sekat mereka untuk pergi kepada bapa mereka. Dan ibu tiri pun *tak nak* [tidak mahu] dia, siapa *nak* [mahu] dia?

**SNY : Adakah tapak rumah ini hak milik mama ataupun hak milik orang lain yang telah diwakafkan kepada mama?**

HNHA : Saya membeli tapak tanah ini berjumlah *dua ratus tiga puluh ribu ringgit* [RM230000]. Rumah *ni* [ini] papan *je* [sahaja] dulu. Dan saya buat *renovation* [membaiki] sendiri, dan saya ada kontraktor, dan saya beli rumah ini *cash* [tunai], dua ratus tiga puluh ribu [RM230000] *cash* [tunai] dan saya letak atas nama Keluarga Besar Norlina Alawi Sendirian Berhad. Maksudnya bukan hak saya mutlak. Tapi, saya rasa pun kalau kamu pun dapat duit mesti untuk kamu *kan* [bukan]? Tapi saya *tak nak* [tidak hendak], saya letak atas nama Keluarga Besar Norlina Alawi, saya

hanyalah pemegang amanah sahaja. Dengan niat saya begitu sebab, saya *tak nak* [tidak hendak] perkara ini, jatuh *faraid* [hukum perundangan Islam tentang harta pusaka] sebab saya terlalu cintakan anak-anak anugerah. Kalau atas nama saya, mesti bila saya meninggal nanti mesti jatuh *faraid* [hukum perundangan Islam tentang harta pusaka]. Faraid [hukum perundangan Islam tentang harta pusaka] berpihak kepada anak-anak *sape* [siapa]?

**SNY : Anak-anak kandung.**

HNHA : Jadi saya cakap dengan anak-anak saya, biarlah atas nama Keluarga Besar Norlina Alawi Sendiran Berhad. Syarikat berhad di bawah kepimpinan saya hak semua.

**SNY : Di manakah mama mendapat modal sebanyak itu?**

HNHA : Di atas kebijaksanaan sayalah. Macam kamu, macam mana nak dapat modal untuk hidup? Untuk *mak bapak* [ibu bapa] kamu makan? Bekerja, kerja ataupun dapat hadiah dari mana-mana. Inshaallah.

**SNY : Selain anak-anak mama yang berbangsa Melayu, adakah mama juga menerima anak-anak anugerah ini daripada berlainan bangsa?**

HNHA : Saya ada *lima* [5] orang anak yang berwarga, yang berketurunan Indonesia. *Dua* [2] berketurunan *Philipine* [Filipina] dan Singh. Singh dan *Philipine* [Filipina] *tu* [itu] dia, *bapak* [ayah] Singh, *mak* [ibu] *Philipine* [Filipina]. Dan dia bukan *muallaf* [orang yang baru memeluk Islam], *mak* [ibu] dia gaduh dengan *bapak* [ayah] dia, dan *mak* [ibu] dia tinggalkan dia dan pergi ke Lubnan. Dan sekarang dia dihantar ke rumah *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat], *so* [jadi] *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat] bagi *kat* [pada] saya dan saya *dah* [sudah] tukarkan dia, saya *dah* [sudah] jadikan dia anak angkat dengan harapan nanti dia akan bertukar sekali dengan warganegara dan dia bukan agama Kristian lagi, jadi dia Islamlah. Sebab orang dulu telah masukkan dia Islam. Orang yang pernah dibela mereka.

**SNY : Bagaimana mama menguruskan anak-anak yang berbangsa lain?**

HNHA : Sama. Tak ada beza.

**NNS : Ada perbezaan bahasa ke?**

HNHA : *Tak* [tidak] ada.

**NNS : Kiranya memang daripada kecillah dia bertutur Bahasa Melayu?**

HNHA : Memang dia orang sini\_ \_ \_ \_ \_

SNY : Pada hari raya, biasanya (gangguan bunyi plastik) mama akan menyambut bersama keluarga sebelah suami, disebabkan keluarga sebelah mama sudah tiada kan, *so* [jadi] bagaimana dengan anak-anak anugerah *ni* [ini]?

HNHA : Saya akan menyambut macam orang lain menyambut. Kenapa tanya yang melibatkan kamu, melibatkan orang lain, kenapa? Saya *nak* [mahu] kamu hayati bahawa saya sama seperti kamu. Macam mana kamu sambut Hari Raya?

SNY : **Bersama keluarga.**

HNHA : *Hah* [ya], itu jawapannya! Jadi kalau kamu ramai, kamu *kena* [perlu] bijak. Maksudnya *nak* [hendak] pergi rumah orang, *kena*[perlu] bawa toto[tilam], *kena* [perlu] bawa bantal, *kena* [perlu] bawa makanan, *kena* [perlu] bawa beras, supaya keluarga yang kita pergi tu[itu] atau mak bapak[ibu bapa] kita sendiri pun, atau adik beradik kita sendiri pun, kita *tak* [tidak] membebankan diaorang [mereka]. Dan kalau saya pergi beraya pun saya *tak* [tidak] hadap [lihat] orang punya duit raya. Saya yang memberi orang duit raya. Sebab saya *nak* [mahu] jaga maruah anak-anak saya. Bagaimanapun anak-anak saya ni [ini] dia akan dianggap anak orang yang berduit ajelah [sahajalah]. *Mak* [ibu] dia bagi duit lima puluh ringgit [RM

50], seratus ringgit [RM 100], sepuluh ringgit [RM10] kan [bukan]? Itu cara saya untuk menutup (gangguan telefon) keaiban anak saya. Supaya mereka *tak* [tidak] dipandang hina oleh orang lain.

**SNY : Soalan seterusnya, di manakah anak-anak anugerah ini mendapatkan pendidikan awal mereka? Contohnya sekolah khas ke, atau sekolah harian biasa?**

HNHA : Kamu sekolah khas ke sekolah biasa? (Gangguan bunyi) Biasalah juga.

**SNY : Dalam satu sekolah semua sekali kat [di] situ ke ataupun berlainan sekolah?**

HNHA : Cuma yang dapat lima [5] A pergi ke sekolah Aminuddin Baki, sekolah kluster.

**SNY : Selain mendapatkan pendidikan secara normal, adakah mama menyediakan pendidikan tambahan kepada anak-anak anugerah?**

HNHA : Tuisyen. Semua tuisyen. Dulu masa kecik-kecik [kecil-kecil], hantar pergi tuisyen Matematik, hantar Tae Kwan Do, bagi datang buat di rumah Tae Kwan Do, yang memegang tali pinggang hitam merah pun yang *HIV* [Human immunodeficiency virus] pun memegang tali pinggang hitam



merah. Dan anak mama yang sulung pun ada, yang nombor *dua* [2] dan yang sulung tali pinggang hitam.

**SNY : Selain daripada kanak-kanak, adakah mama juga memberikan perlindungan kepada golongan lain seperti gadis-gadis yang teraniaya?**

HNHA : Ya, dulu ada, tapi sekarang *dah tak ada* [sudah tiada]. Saya *dah tak nak* [sudah tidak mahu] terima lagi dah gadis-gadis, sebab saya *dah* [sudah] ambil keputusan bahawa saya *tak* [tidak] mampu *nak* [hendak] tolong gadis-gadis lagi sebab saya *tak nak* [tidak mahu] gadis-gadis mengambil hak anak-anak saya. Contohnya, tempat tidur anak-anak saya ada sepuluh [10] katil, kalau ada perempuan yang mengandung itu datang, dia akan tumpang anak saya punya katil, anak saya *kena* [perlu] tidur bawah, saya *tak nak* [tidak mahu]. Anak saya punya hak, tetap anak saya punya hak. Saya *tak nak* [tidak mahu] orang lain ambil hak anak saya. Membazir.

**SNY : Dulu, semasa mama ambil gadis-gadis ini, berapakah lingkungan umur mereka?**

HNHA : Seawal enam belas [16] tahun.

**SNY : Lepas itu, adakah mereka ini mengandung anak luar nikah?**

HNHA : Ya.

SNY : **Dan anak itu?**

HNHA : Anak itu ada diberi kepada orang dan ada yang kalau, mereka sendiri yang beri bukan saya. Dan kebanyakannya saya bagi kepada *diorang* [mereka] balik.

SNY : **Adakah mama ingat berapa jumlah yang mama pernah tolong?**

HNHA : Ada lebih *dua ratuslah* [200]. Macam *kat* [di] kandang bersepehlah uri-urinya. Sini, depan di sekeliling rumah. Ada di tepi parit *tu* [itu]. Maksudnya *diorang* [mereka] *ni* [ini] uri dicuci apa semua.

SNY : **Adakah mama menetapkan tempoh untuk gadis-gadis yang teraniaya ini?**

HNHA : Terpulang kepada mereka. Bila masa mereka *nak* [mahu] datang dan bila masa mereka *nak* [mahu] pergi. Saya *tak* [tidak] jemput dan saya *tak* [tidak] halau. Terpulang

SNY : **Selain daripada warga Malaysia, adakah mama juga menerima gadis-**

**gadis daripada negara lain?**

HNHA : Ada juga Indonesia, yang diberi oleh *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat] tapi dia keluar, dan anak dia saya bagi kepada jiran.

**SNY : Bagi gadis-gadis yang bersalin, adakah mama yang akan membiayai kos mereka?**

HNHA : Ya, saya. Semua. Mereka, Biasanya kalau tempat orang-orang yang menolong perempuan mengandung ataupun hak penjagaan mereka akan mengenakan bayaran, tapi saya *tak* [tidak] pernah. Sebab kalau saya beri, itu adalah pemberian Allah. Jadi bila saya, saya *tak nak* [tidak mahu] mengenakan bayaran sebab saya *tak nak* [tidak mahu] ada berlaku fitnah. Jadi, pada saya, saya *tak* [tidak] mampu lagi nak tolong *diaorang* [mereka], sebab saya rasa, duit saya adalah untuk anak-anak saya sahaja. Dah penat.

**SNY : Sebelum ini, kepada gadis-gadis yang mama pernah jaga, adakah mama memberikan nasihat?**

HNHA : Ya, saya. Saya *dah* [sudah] berikan nasihat. Mereka tetap sayangkan saya walaupun mereka sudah keluar. Tetap *diorang* [mereka] hubungi saya.

**SNY : Okey [baiklah], seperti yang sedia maklum, Keluarga Besar Norlina**

**Alawi telah mendapat liputan dalam salah satu program *TV3* [siaran televisyen saluran tiga]. Apakah reaksi masyarakat yang diterima selepas liputan tentang Keluarga Besar Norlina Alawi?**

HNHA : Liputan apa *tu* [itu]? *Kat mana* [Di mana]? Apa nama tajuk liputan itu? \_\_  
\_\_ Takdir rasanya. Bersama Dato' Siti Nurhaliza.

SNY : **Haah [Ya], takdir!**

HNHA : Sama *je* [sahaja]. Tapi saya hanya dianggap *public figure je* [tokoh masyarakat sahaja]. *Tak* [tidak] dapat *benefit* [faedah] pun.

SNY : **Adakah Dato' Siti Nurhaliza juga menjadi rakan *partner* [kongsi] kepada mama?**

HNHA : Rakan penyokong sayalah. Maksudnya dia sukarela kalau *time* [masa] saya suruh nyanyi, dia nyanyilah. Dato' Siti kawan saya \_\_\_\_\_

SNY : **Adakah badan-badan *NGO* [Non-Government Organization Badan Bukan Kerajaan] atau pun orang perseorangan pernah datang ke rumah mama bagi menyalurkan bantuan?**

HNHA : Ada juga yang memberikan hadiah. Memberi hadiah maksudnya, kalau

*diorang* [mereka] mampu bagi sokongan, bagilah. Pada saya, apa yang *diaorang* [mereka] mampu untuk memberi hadiah, terpulanglah. Nak datang, datanglah, kalau *tak* [tidak] ada, biarlah.

**SNY : Maafkan saya, sekiranya soalan yang saya tanya ini agak sensitif bagi mama. Bagaimanakah mama menguruskan segala pembiayaan sekiranya berlaku kematian di kalangan anak-anak anugerah?**

HNHA : Dah berlaku pun, ada juga ibu-ibu kepada anak-anak anugerah meninggal, baru *je* [sahaja] selesaikan semua untuk, sebab *tak* [tidak] cukup duit *kan* [bukan]? Jadi, jumlah semua *tu* [itu] seribu lebih. Apabila dia dah meninggal, gantung diri *kat* [di] *kondo* [kondominium] belah sana (sambil menunjukkan arah), saya gunakan semua sekali untuk uruskan maknanya. *So* [jadi] pada saya, saya sendiri yang tanggung semua sekali. Awak *nak* [hendak] buat begitu?

**SNY : Inshaallah. Bagaimana mama menguruskan bagi pengurusan jenazah?**

HNHA : Saya akan pergi ke rumah dia, saya akan dan lepas dia meninggal di rumah, memang saya sudah ada anak yang meninggal *dua* [2] orang *ni* [ini], meninggal di rumah *ni* [ini] dan panggil doktor untuk mengesahkan dia meninggal ataupun saya memanggil, lagi satu saya buat *report* [laporan] polis dan saya akan hantar mayat anak saya di hospital untuk dimandikan

dan lepas itu dikebumikan.

**SNY : Apakah pengalaman yang paling sukar dilupakan dalam menguruskan dalam pengurusan jenazah sebelum-sebelum ini?**

HNHA : *Tak* [tidak] ada sukarlah. Sama seperti kamu juga. Contohnya, adik kamu meninggal ke, mak kamu meninggal, sama seperti saya akan menguruskan. Cuma anak yang kalau yang sakit ni [ini] kita kena [perlu] jaga aibnya. Supaya dia tidak diaibkan. Dan memanglah, doktor akan membuka untuk mengenal pasti tapi pada saya, bila saya tukarkan diorang [mereka] dibayar, macam dengan anak orang yang *ada-ada* [berada], maksudnya macam tak[tidak] macam anak orang lain. Duit dibayar, tak [tidak] ada minta simpati orang. Jadi, sama sahaja.

**SNY : Secara peribadinya, adakah mama pernah merasa penat dan patah semangat sebab kerenah anak-anak yang pelbagai?**

HNHA : Kalau saya kata *tak* [tidak] penat *tu* [itu] bohong. Maksudnya, pada saya kadang-kadang saya rasa, saya *tak* [tidak] *nak* [hendak] duit, memang ibu di kampung pun nak duit *kan* [bukan]? Sebab saya satu hari, anak punya duit belanja sekolah *je* [sahaja] *seratus lima puluh* [RM150], sehari. Kalau seminggu dah berapa? *Lima ratus kan* [500 bukan]? Kalau *mak bapak* [ibu bapa] kamu pun pening *kan* [bukan]? Jadi, tapi saya, saya paling tidak pun

*kena* [perlu] usahalah. Dan pada saya tidak akan patah semangat sekiranya, saya takut pada Allah. Kalau saya takut pada Allah, saya *tak* [tidak] akan patah semangat. Dan kalau saya berpatah balik, saya adalah orang yang paling rugi dalam dunia. Jadi, macam kamu juga mungkin kamu akan dapat peluang begini, mungkin kamu *takkan* [tidak akan] lepaskan. Sebab takut dosa, selalunya orang lepaskan peluang *ni* [ini], dia rasa dia *takkan* [tidak akan] mati dia *takkan* [tidak akan] susah. Ada orang yang bersifat begitu. Ada orang tidak mahu dianggap kita sebagai pekerja, jangan anggap saya sebagai anak, saya *tak nak* [tidak mahu] sukarela, saya *nak* [hendak] bekerja. Dan saya, saya akan lepaskan orang sebegitu. Kalau saya, saya *tak* [tidak] *nak* [mahu] kumpul dosa *je* [sahaja].

**SNY : Soalan seterusnya, siapakah yang paling banyak memberikan dorongan dan sokongan kepada mama untuk menguruskan Keluarga Besar Norlina Alawi?**

HNHA : Yang banyak memberi saya dorongan adalah diri saya sendiri, suami saya, pernah pengkritik dan pendorong dan juga anak-anak saya. Terutamanya, Along. Semangat besar, bila saya rasa *down* [putus harapan] sikit, Along akan berkata, mama kuat, mama boleh lakukan sebenarnya. Rasanya bila Along dengan saya dengan anak-anak lain membesar, dia jadi kawan pada saya. So [jadi], pada saya, saya bersyukur bila suami dan anak-anak\_ \_ \_ \_

**SNY : Bagaimana mama memotivasikan diri mama untuk terus kuat?**

HNHA : Saya rasa aku perlu hidup di bumi Allah ini. Aku perlu hidup untuk memberi anak-anak aku jadi seperti orang lain. Aku perlu hidup untuk menjadi satu pendorong atau dorongan terbaik kepada masyarakat. Aku perlu keluar daripada kepompong aku sendiri untuk aku menjadi satu contoh yang baik kepada masyarakat luar agar lebih ramai lagi selepas ini akan lindungi anak yang bukan dari rahim mereka sendiri. Begitu juga harapan saya kepada kamu yang saya berkongsi pengalaman saya pada hari ini, saya harap suatu hari nanti kamu akan terbuka hati untuk menolong orang. Bukan sekadar untuk kamu penuhi tugas kamu sebagai pelajar kepada *lecturer* [pensyarah], tapi kamu tanam dalam diri kamu supaya suatu masa nanti kamu akan menggantikan Norlina Alawi. *Tak* [tidak] kisahlah kamu ada berapa anak angkat, sekurang-kurangnya seorang.



**BAHAGIAN KEEMPAT: MASA HADAPAN PERNIM [Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia]**

**SNY : Okey [baiklah] kita akan pergi kepada soalan yang seterusnya iaitu persoalan tentang masa depan Keluarga Besar Norlina Alawi. Secara peribadinya, pernahkah mama terfikir mengenai soal masa depan keluarga ini?**

**HNHA : Memang *dah* [sudah] daripada dulu saya *dah* [sudah] terfikir. Sebab itu saya membuat buku, dan dalam buku ini saya ada sediakan sekali wasiatnya. (Gangguan plastik buku dikoyakkan). Saya telah mewasiatkan harta-harta saya kalau mana yang alih, *tak* [tidak] alih. Di mana *wasiat* [surat perjanjian harta pusaka] ini diwasiatkan atas nama saya, walaupun harta yang saya beri ini adalah sebagai Keluarga Besar Norlina Alawi ini sebagai keluarga besar tapi saya nak anak-anak saya tahu, di mana letaknya harta-harta itu? Dan segala barang-barang kemas, dan saya punya syarikat, semua saya letakkan di sini (sambil menunjukkan buku wasiat). Maksudnya kereta-mereta saya, semuanya saya masukkan, agar mereka tahu suatu hari nanti mereka boleh mengguna pakai. Dan saya letak saya punya insuran, jadi syarikat-syarikat saya, jadi barang kemas saya dan mereka boleh menggunakan selagi ada matahari dan bulan. Kebanyakannya orang *tak* [tidak] buat *wasiat* [surat perjanjian**

harta pusaka] sebab mereka rasa takpelah [tidak mengapalah] kita ikut *faraid* [hukum perundangan Islam tentang harta pusaka]. Saya sediakan *wasiat* [surat perjanjian harta pusaka] sebab saya akan meninggalkan anak-anak yang bukan dari rahim saya. Jadi saya *kena* [perlu] bersiap sedia dari awal dan satu lagi saya tak nak [tidak mahu] nanti suami saya akan menjadi *tak keruan* [tidak tentu arah]. Kalau saya *tak* [tidak] siapkan dari awal sebab saya *dah* [sudah] buat sesuatu benda yang tidak normal. Tidak seperti orang lain *kan* [bukan]? Jadi, saya *kena* [perlu] bersiap sedialah. Jadi saya, satu lagi saya telah beranikan diri untuk membuat Program Cinta Tanpa Sempadan dan dalam program *ni* [ini] saya akan buat berbagai-bagai program yang telah disenarai pendekkan. Bagaimana di antaranya adalah saya akan bawa anak pergi buat *umrah* [adalah salah satu kegiatan ibadah dalam agama Islam], saya akan buat *talkshow* [persembahan ucapan], saya akan buat video klip, saya akan buat berbagai-bagai lagilah, maksudnya saya punya inisiatif, rumah ini pun akan menjadikan ia muzium Keluarga Besar Norlina Alawi. Jadi rumah inilah yang akan saya tinggalkan buat *diaorang* [mereka]. Jadi dalam ini memang banyaklah (sambil menyelakkan helaian kertas). Menceritakan apa yang saya buat. Apa yang saya sudah buat, apa yang saya akan buat. Saya bawa anak saya pergi *umrah* [adalah salah satu kegiatan ibadah dalam agama Islam], saya bawa suami

saya pergi *haji* [adalah salah satu kegiatan ibadah dalam agama Islam]. Jadi semua-semua ini memanglah, macam tautan kasih, banyaklah program-program yang saya sudah buat. Yang ini dulu pungut tin kosong, sekarang ini dapat *lima* [5] A UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] *dua* [2] beradik. *So* [jadi] tukarkan cara ini

SNY : **Pernahkah mama terfikir tentang bagaimana keadaan keluarga besar ini suatu hari nanti tanpa mama?**

HNHA : Sebenarnya sudah lama saya fikirkan. Jadi sebab itu saya mengambil satu langkah *tak nak* [tidak mahu] pakai orang gaji, saya mengambil langkah, agar suatu hari nanti, mereka *dah* [sudah], mereka saya buat seperti *mentor mentee* [penyokong antara satu sama lain], adik jaga abang, abang jaga adik, kakak jaga adik, adik jaga kakak, *mentor mentee* [penyokong antara satu sama lain]. *So dah* [jadi sudah] lama *dah* [sudah] saya buat *ni* [ini]. *So* [jadi] benda itu memang *effective* [berkesan]. Dan saya ajar mereka berdikari, dan saya sekarang *ni* [ini] yang macam kamu nampak *ni* [ini] adalah *office* [pejabat]. Jadi saya *dah* [sudah] ajar anak-anak saya supaya meniaga. Supaya tahu kalau bekerja, kalau belajar banyak mana pun, tinggi mana pun kalau kamu bekerja dengan orang kamu *takkan* [tidak akan] mampu

untuk buat banyak duit. Jadi kamu *kena* [perlu] berniaga. Jadi saya *dah* [sudah] *tekankan* [didik] anak saya, bahawa dari segi *sahsiah* [keperibadian] diri *kena* [perlu] betul, dari segi *sistematik* [susunan], hidup *bersistemlah* [teratur] katakan.

**SNY** : **Jika mama tidak keberatan, untuk berkongsi cerita, adakah mama pernah menamakan waris lain bagi menguruskan keluarga besar Norlina Alawi pada suatu hari nanti?**

**HNHA** : Pernah. Banyak kali, contohnya macam Keluarga Besar Norlina Alawi Sendirian Berhad, ialah sebuah yayasan ya. Berhak memohon jaminan, sebelum saya *nak* [hendak], sebab pada saya, saya anggap semua orang baik. Saya sangka semua orang baik. Tapi bila saya letak nama mereka dalam senarai pemegang amanah, tanpa pengetahuan mereka, nampak mereka *ni* [ini] pula, bila saya letak, dia *ni* [ini] *tak* [tidak] tahu, tapi Allah menampakkan dia *memprotes* [memberontak], macam nampak dia, nampaklah *dia punya* [keperibadian dirinya] , kalau saya tinggalkan perkara itu kepada dia, takut dia *tak* [tidak] amanah. Jadi saya keluarkan balik. Akhirnya, tinggallah saya *bertiga* [3] sahaja, saya, suami dengan anak kandung yang sulung, *Along* [gelaran bagi anak sulung dalam keluarga]. *Bertiga* [3] *je* [sahaja] yang menjadi pemegang amanah. Yang lain semua saya

gugurkan. Sebab takut mereka tidak boleh memegang amanah. Itulah sebabnya. Dan anak-anak anugerah ini pun, belum tentu lagi mereka boleh pegang amanah, sebab mereka *case* [mangsa], jadi yang boleh memegang amanah itu, mungkin darah daging Norlina Alawi. Darah yang mengalir dalam diri saya, dan kebetulan diri saya, dan sekarang *ni* [ini] pun, saya tidak akan memaafkan diri saya sendiri, kalau saya *dah* [sudah] meninggal, boleh *tak* [tidak] beri hati saya kepada orang, kepada hati orang yang memerlukan. Saya *tak nak* [tidak ingin] hati saya hancur mengikut saya dalam tanah. Saya *nak* [ingin] hati saya ini dikongsi oleh semua orang. Kalau boleh, hati saya yang saya *nak* [mahu] suruh orang Islam mendapat mengisi apa yang saya telah buat, jaga anak orang, boleh cintakan anak-anak yang selekeh, yang berkudis, jadi saya *nak* [ingin] hati saya *ni* [ini] terus mekar. Terus hidup sampai bila-bila pun. Maksudnya ia takkan mati. Suami saya kata, awak gila. (Sambil ketawa), tapi memang harapan saya kalau boleh saya memang, ambillah yang baik dari saya, ambillah perkara-perkara yang baik daripada mama, saya kalau boleh *tak nak* [tidak ingin] segala ilmu saya, masuk ke liang lahad bersama saya. Kalau boleh saya *nak* [ingin] sebarkan ke seluruh dunia. Ke seluruh hati manusia dalam dunia ini. Agar semua dapat contoh yang baik daripada saya. Jadi saya sanggup menunggu kamu, membenarkan kamu datang ke sini, untuk

berkongsi cerita dengan saya kerana saya itulah, saya *nak* [ingin] ilmu saya ini berkembang. Jangan ilmu saya ini dipendekkan. Hendaklah dikembangkan, Inshaallah suatu hari nanti.

**SNY** : **Inshaallah mama. Pernahkah mama di berikan anugerah ataupun pengiktirafan dari agensi atau pun organisasi yang tertentu?**

**HNHA** : Banyak.

**SNY** : **Boleh mama nyatakan?**

**HNHA** : Perlu ke nak [mahu] senaraikan? \_ \_ \_ \_ \_ Cubalah awak bacalah (sambil menunjuk kearah NurNabilah Sulaiman).

**NNS** : **Anugerah TOYM [Ten Outstanding Young Malaysian] dua ribu sebelas (2011) oleh JCI Anugerah Pingat K.M.N oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong *dua ribu sebelas* [2011], Anugerah Kemanusiaan Muda Negara *dua ribu empat* [2004] dikurniakan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Bin Mohamad Badawi (Perdana Maenteri Malaysia) pada *dua belas Ogos dua ribu empat* [12 Ogos 2004], Anugerah Kemanusiaan ASTAR *dua ribu lima* [2005] dikurniakan oleh**

Tengku Tan Sri Mahale Kolej Utama Universiti Malaya pada *empat belas haribulan Januari dua ribu lima* [14 Januari 2005], Anugerah Keluarga Berjasa Negara pada tahun *dua ribu lima* [2005] dikurniakan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Bin Mohamad Badawi (Perdana Maenteri Malaysia) pada *empat belas haribulan April tahun dua ribu lima* [14 April 2005], Anugerah Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada tahun *dua ribu enam* [2006] dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Tuanku Sirajuddin Syef Putra Jamalulail pada *sebelas haribulan April dua ribu enam* [11 April 2006], Anugerah Ambassador For Peace Award pada tahun *dua ribu lapan* [2008] dikurniakan oleh Dr. Hyun Jin Moon Founder, Global Peace Festival Co-Chairman of the Presiding Council Universal Peace Federation pada *sembilan belas Oktober tahun dua ribu lapan* [19 Oktober 2008], Anugerah Out-Do Yourself Awards (OYA) FN For Humanitarian Efforts Towards Children of HIV/AIDS Patients pada tahun *dua ribu lapan* [2008] dikurnikan oleh Dato' Shahir Bin Abdul Samad pada *empat Disember dua ribu lapan* [4 Disember 2008], Pada tahun *dua ribu lapan* [2008] Hajah Norlina telah berjaya mengadakan program Jelajah Kasih ke seluruh Malaysia dengan membawa anak-anak selama *dua pulu tiga* [23] hari

menziarahi kampung halaman dan menemukan keluarga asal mereka. Tambahan, program ini telah ditayangkan sebanyak *tiga belas* [13] episod di TV1. Anugerah Serikandi Maal Hijrah Kementerian Pertahanan Tahun *empat belas hijrah bersamaan dua ribu sembilan* [1430 H/2009] dikurniakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Wira Abu Seman Haji Yusof pada *dua puluh dua Jun dua ribu sembilan* [22 Jun 2009]. Pada tahun *dua ribu sembilan* [2009] dan *dua ribu sepuluh* [2010], Hajah Norlina sedaya upaya meninggikan darjat anak-anaknya dengan membawa mereka pergi menunaikan fardhu umrah dalam program Lambaian Kaabah, Nur Iman di tanah suci dan doko majalah tv[televisyen] perjalanan suci Uteh yang disiarkan di TV Hijrah. Seterusnya, Anugerah Kesatria Puteri Kemurniaan oleh Perdana Menteri Malaysia di Perhimpunan Wanita Muda tahun *dua ribu dua belas* [2012] dan yang terakhir ialah Anugerah Ikon Prostar NGO oleh Jabatan Kesihatan Kuala Langat. Beliau telah menjayakan dokumnetari anak-anak HIV/AIDS "A Ray of Hope" untuk program "Asean Broadcasting Union" (ABU) bagi mewakili Negara Malaysia di peringkat antarabangsa di Korea Selatan dan dokumentari "Bo Place Like Home" yang dipersembahkan di dalam "Meeting ABU Exchange" bertempat di Hotel Royal Bintang



Kuala Lumpur yang mana persidangan ini telah melibatkan penyertaan *empat puluh* [40] buah negara. Terkini beliau juga mewakili Malaysia dalam Program Empower Women Care 2, Usahasama RTM dan KBS dokumentari "Love Without Boundaries 2012".

HNHA : Itulah antaranya.

SNY : *Okey* [baiklah] mama, daripada pembacaan kami daripada\_

-----

HNHA : Oh, saya terlupa saya ada mendapat Anugerah Kesatria Puteri Kemurnian pada tahun lepas.

SNY : Ini soalan yang kami dapat daripada pembacaan di internet, mama juga menerima, pihak *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] telah memberikan kepercayaan kepada mama bagi menjaga bayi-bayi yang tiada ibu bapa. Adakah benda ini benar?

HNHA : Ya.

SNY : Bagaimana *procedure* [tatacara] mama dalam mengambil

### bayi-bayi ini?

HNHA : Ia bukan *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] sahaja, saya juga mengambil anak-anak daripada Hospital Selayang, Hospital Port Dickson, jadi *procedure nya* [tatacaranya] senang *je* [sahaja], pegawai perubatan akan menelefon saya, dan mereka mengenal pasti melalui internet, melalui media, bahawa Norlina Alawi menjaga anak-anak sebagai anak sendiri, bukan sebagai pusat jagaan. Jadi saya mengambil mereka, mereka akan sediakan betul-betul, maksudnya mereka akan serahkan saya melalui surat dan pada masa yang sama, kalau mereka *tak* [tidak] ada surat beranak, saya akan buat surat beranak. Melalui sumber daripada mereka, daripada orang mereka juga *JPN* [Jabatan Pendaftaran Negara] dan akan mengambil surat perintah daripada mahkamah daripada *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat] dan sekaligus saya akan mendapatkan sijil anak angkat setelah anak saya bela *dua* [2] tahun, daripada *JPN* [Jabatan Pendaftaran Negara]. Lepas *tu* [itu] barulah dapat *nak* [hendak] buat pasport ke, nak buat *IC* [Kad Pengenalan Diri] ke.

**BAHAGIAN KEENAM: HARAPAN MAMA TERHADAP KELUARGA BESAR  
NORLINA ALAWI BERHAD**

**SNY : Okey [baiklah] mama, kita akan teruskan kepada bahagian akhir, iaitu bahagian enam [6], iaitu mengenai harapan mama. Apakah harapan mama terhadap Keluarga Besar Norlina Alawi pada masa akan datang?**

**HNHA : Harapan saya agar, suatu hari nanti Keluarga Besar Norlina Alawi akan terus *gah* [dipandang tinggi] di mata masyarakat dari segi kebajikan dan akan terus *masyhur* [terkenal], melakukan kerja-kerja kebajikan ataupun kerja-kerja yang dicintai Allah, dan menjadi juga satu contoh yang baik kepada masyarakat dan di mana anak-anak akan di ambil secara sah di sisi undang-undang dan hidup beretika. Maksudnya, saya termasuk di bawah etika-etika *JPN* [Jabatan Pendaftaran Negara], *JKM* [Jabatan Kebajikan Masyarakat], dan juga undang-undang Allah, maksudnya di bawah etika ataupun di bawah perintah Allah. Dan pada saya kejarlah akhirat itu, dunia akan sujud kepada kamu. Pada saya, prinsip saya senang *je* [sahaja] di mana kamu berada kamu kejarlah akhirat, Insyaallah dunia akan mengekori anda. Dan pada saya, *tagline* [slogan] saya yang paling saya suka, sebenarnya keikhlasan itu juga satu amanah.**

SNY : Adakah mama membuat simpanan kewangan untuk anak-anak untuk masa depan?

HNHA : Saya *tak* [tidak] simpan duit untuk anak-anak dari segi luaran dulu, saya ambil insuran, saya pernah ambil insuran untuk anak-anak anugerah saya tapi *tak* [tidak] boleh, saya menyimpan insuran untuk anak kandung, Insyaallah mereka akan bersama-sama adik-adik dia dan saya suka menyimpan duit dalam kotak anak-anak saya. Maksudnya saya suka memberi sesuatu perkara yang baik, maksudnya ada duit bagi duit dia pelajaran, bagi dia tuisyen, bagi dia perkara-perkara yang bagus, pada saya bagi menyimpan duit untuk masa depan itu pada saya, orang kata dulu ianya suatu perkara yang bijak tapi bagi saya *tak* [tidak] bijak. Duit itu banyak kalau anak kita *tak* [tidak] pandai, satu gunung emas pun *takkan* [tidak akan] habis. Kalau kita simpan dalam otak kita masing-masing, duit itu kita jangan takut, kita keluarkan untuk hantar dia ke sekolah yang bagus-bagus, ke tuisyen ke, panggil cikgu datang tuisyen apa semua, bagi benda yang baik dan beli buku-buku sekolah untuk mereka. Pada saya itu lebih bagus dan untuk pengetahuan kamu saya *tak* [tidak] membenarkan anak-anak saya untuk meminjam *loan* [pinjaman] ataupun *PTPTN* [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi

Nasional]. Bukan saya *tak nak* [tidak mahu] menyusahkan anak-anak saya, memanglah untuk menolong *mak bapak* [ibu bapa] tapi akan menyusahkan untuk kamu. Kamu faham apa maksud saya? Perkara itu akan menyusahkan balik anak-anak saya *esok* [akan datang], kerana kamu sampai mati pun akan menanggung beban maksudnya menanggung hutang, jadi pada saya selagi sedaya upaya saya *tak nak* [tidak mahu] meminjam *loan* [pinjaman] kerana saya tahu mereka ada banyak adik-beradik, ramai adik-beradik kalau mereka telah berhutang untuk diri mereka sendiri takut mereka *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] tolong adik-beradik mereka suatu masa nanti. Kalau diri saya ada hutang, *nak* [hendak] tolong kamu macam mana, jadi kalau saya tidak ada hutang mereka akan rasa diri mereka *freedom* [bebas] jadi mereka akan dengan ikhlas mereka akan bantu. Begitu juga saya, saya tidak ada hutang. Saya tidak ada hutang benda yang *utility* [berterusan], maksudnya yang tiap-tiap bulan. *Even* [walaupun] saya tidak berhutang pun untuk perniagaan. Saya takut. Ada orang sanggup berhutang berjuta-juta betul? Saya takut, sebab saya ada anak ramai, andai kata berlaku apa-apa kepada saya, saya *tak* [tidak] anak-anak saya menanggung susah. Jadi pada saya, macam yang kamu nampak, perniagaan kecil ni [ini], inilah yang saya mampu. Saya berniaga, perniagaan *tu* [itu] banyak perniagaan, macam saya cakap dengan kamu-kamu ini

pun perniagaan. Perniagaan untuk hari akhirat. Jadi *tak* [tidak] kiralah perniagaan dunia ke akhirat, yang paling penting jangan berhutang.

**SNY : Apakah perancangan seterusnya untuk memperkembangkan lagi Keluarga Besar Norlina Alawi?**

**HNHA :** Perancangan seterusnya adalah saya akan *upgradakan* [meningkatkan] dan setiasa *upgrade* [tingkatkan] apa yang mama *dah* [sudah] lakukan ini, mungkin saya akan buat *Facebook* [jaringan laman sosial], selama ini saya *tak* [tidak] pernah buat *Facebook* [jaringan laman sosial] untuk *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia] dan saya akan terus *rekrut* [mengambil] anak-anak saya, agar mereka boleh mencontohi diri saya, dan orang-orang lain. Saya baru buka Koperasi Anugerah, di mana koperasi itu akan terus menampilkan mereka ini menjalankan bidang perniagaan dan saya akan teruskan Kempen Keluarga Besar *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia], agar semua berjalan secara seiring.

SNY : **Okey [baiklah] soalan *last* [terakhir], apakah nasihat mama untuk golongan remaja di zaman sekarang ini?**

HNHA : Saya *ni* [ini] orang biasa *je* [sahaja]. *Nak* [mahu] nasihat pun *tak* [tidak] tahu ya. *Okey* [baiklah] nasihat pada saya, maksudnya kepada orang remaja di luar sana, sayangilah ibu bapa kita, selagi mereka masih ada dan suburkanlah *pusara* [kubur] mereka dengan amalan-amalan yang baik kerana kamu sebagai anak kamu *kena* [perlu] sentiasa bersifat positif dan buang segala sifat negatif. Dan jangan pentingkan diri sendiri, kamu *kena* [perlu] pentingkan keluarga kamu, diri kamu juga penting sebenarnya tapi pentingkan orang yang berada di sekeliling kamu. Kalau kamu melakukan kejahatan, orang di sekeliling kamu akan susah juga. Jadi sekiranya kamu melakukan kebaikan, orang di sekeliling kamu akan mendapat kesenangan. Jadi berbuat baiklah, secara *istiqamah* [berterusan]. Dan insyaallah kamu *tak* [tidak] akan rugi.

SNY : **Adakah mama mempunyai kata-kata terakhir yang ingin mama katakan?**

HNHA : Kata-kata saya ialah suatu hari nanti saya ingin mempunyai ramai lagi pewaris ataupun *klon-klon* [kembar] Norlina Alawi, di

Malaysia khasnya agar dapat mengikuti jejak langkah saya, yang telah memelihara anak-anak yang bukan dari darah daging saya. Kita bukakan hati kita, kita kayakan hati kita agar semua insan lain di luar sana agar dapat kemudahan. Insyaallah.

**SNY : Maka berakhirlah soalan tadi, berakhirlah juga sesi menemu bual Puan Hajah Norlina Alawi pada hari ini, dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada mama kerana sanggup berkongsi cerita, pengalaman, nasihat, saya dan juga rakan saya memang menganggap mama seorang wanita yang kuat dan patut dicontohi semua golongan dan mama mempunyai sumber kekuatan\_\_\_\_\_**



## SENARAI SOALAN

1. Assalammualaikum mama?
2. Apa khabar?
3. Boleh saya tahu, apakah nama sebenar mama?
4. Berapakah umur mama sekarang?
5. Dimanakah mama dilahir?
6. Bilakah pula tarikh lahir mama?
7. Siapakah nama ibu mama?
8. Apakah pekerjaan arwah ibu mama?
9. Siapakah nama ayah mama?
10. Adakah ayah mama masih hidup?
11. Berapakah jumlah keseluruhan adik-beradik mama?
12. Mama anak yg ke berapa?
13. Siapakah nama suami mama?
14. Berapakah umur suami mama sekarang?
15. Apakah perkerjaan suami mama?
16. Boleh saya tahu suami mama berasal daripada mana?
17. Boleh saya tahu mama mempunyai berapa orang cahaya mata lelaki dan perempuan?
18. Bolehkah mama nyatakan nama setiap anak mama?
19. Bolehkah mama nyatakan setiap latar belakang pendidikan dan tahap pendidikan setiap anak kandung mama?
20. Boleh saya tahu dimana mama mendapatkan pendidikan awal?

21. Boleh saya tahu mengenai latar belakang suami mama iaitu suami mama mendapat pendidikan awal bermula di mana?
22. Boleh saya tahu *degree* [Ijazah] dalam bidang apa?
23. Dan *master* [Sarjana]?
24. Soalan yang agak cepu emas bagi saya untuk mama ya, bagaimana mama dan suami mula menyulam kasih dan mula mengenali antara satu sama lain?
25. Lagi satu soalan, di manakah tempat pertemuan mama dan papa?
26. Seterusnya kita akan pergi kepada bahagian ketiga iaitu mengenai latar belakang *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] Dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia]
27. Seperti yang kita tahu dan dengar dari mulut mama sendiri tentang tujuan dan bagaimana tertubuhnya *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit *HIV* [Human Immunodeficiency Virus] dan *AIDS* [Acquired Immuno-deficiency Syndrome-Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit] Nurul Iman Malaysia] ini, dan apa itu Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad, saya ingin bertanya adakah mama menggunakan tenaga pekerja bagi menguruskan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?
28. Inshaallah mama, kita *dah* [sudah] usaha mungkin Tuhan akan realisasikan impian mama, boleh saya tahu berapakah jumlah keseluruhan anak-anak mama pada masa sekarang?
29. Seperti yang mama terangkan, gadis-gadis yang mama sudah jaga adalah seramai *dua ratus* [200] orang jumlah keseluruhan, semuanya berasal dari mana ya?

30. Soalan seterusnya adakah mama menghadkan pengambilan anak-anak Anugerah?
31. Kira mama ada banyak terlibat dalam kes-kes perebutan hak penjagaan anak-anak?
32. Biasanya anak-anak yang di terima balik pada ibu bapa mereka, adakah anak-anak akan rasa tidak mahu melepaskan mama?
33. Boleh mama nyatakan lingkungan umur anak-anak mama, maksudnya lingkungan umur anak-anak Anugerah?
34. Bagaimana mama mendapatkan modal untuk membiayai segala urusan penubuhan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?
35. Boleh saya tahu, mama ada produksi mama sendiri, jadi siapa yang menguruskan produksi mama?
36. Buat masa sekarang apa aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan?
37. Bila program itu akan dijalankan?
38. Baiklah mama. Boleh saya tahu reaksi suami dan keluarga mama, adik-beradik mama bila mama berhasrat untuk membuka Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?
39. Kiranya adik beradik mama menyokong mama seratus peratus [100 peratus] usaha mama?
40. Bagaimana pula reaksi anak-anak mama sendiri apabila mereka terpaksa berkongsi kasih?
41. Boleh mama nyatakan halangan-halangan yang mama hadapi semasa tubuhkan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad?

42. Apakah cabaran yang paling hebat yang pernah mama hadapi dalam menguruskan anak-anak anugerah?
43. Boleh mama ceritakan kenangan paling manis mama dalam membesarkan anak-anak anugerah?
44. Bagaimana pula dengan kenangan pahit yang mama lalui?
45. Boleh saya tahu bilangan anak mama dan anak anugerah yang telah bekerja dan telah menyambungkan pelajaran?
46. Bagaimana mama dapat membahagikan masa dengan anak-anak *PERNIM* [Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia] dengan tugas mama sebagai seorang isteri?
47. Apakah aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan bagi menguruskan anak-anak anugerah?
48. Aktiviti-aktiviti, contohnya macam hari minggu, adakah mereka ini akan diberikan aktiviti seperti gotong-royong, pergi lawatan?
49. *Okey* [baiklah], soalan saya seterusnya akan membuat mama terasa dan saya minta maaf sebelum apa-apa. Boleh saya tahu bilangan anak-anak anugerah yang mempunyai penyakit *HIV* [Human immunodeficiency virus] dan *AIDS* [Acquired immune deficiency syndrome or acquired immunodeficiency syndrome]?
50. Bagaimana mama menguruskan kehidupan anak-anak ini?
51. Bagi layanan, contoh macam pinggan, cawan yang digunakan oleh kanak-kanak ini adakah diasingkan atau disekalikan dengan anak-anak yang lain?
52. Bagaimana pula pergaulan anak-anak ini dengan anak-anak yang lain?

53. Adakah pergaulan antara anak-anak yang menghidapi penyakit *HIV* [Human immunodeficiency virus] ini, akan memberi risiko kepada adik-beradik yang lain?
54. Bagaimana mama menghadapi kerenah dengan melayani mereka?
55. Adakah perangai mereka ini lebih aktif daripada yang lain?
56. Berapakah kos perubatan bagi anak-anak *HIV* [Human immunodeficiency virus] pada setiap bulan?
57. Pernahkah anak-anak mama bertanyakan mengenai keluarga mereka? Asal usul.
58. Pernah *tak* [tidak] ibu bapa kandung dan keluarga terdekat anak-anak ini datang melawat mereka?
59. Adakah tapak rumah ini hak milik mama ataupun hak milik orang lain yang telah diwakafkan kepada mama?
60. Di manakah mama mendapat modal sebanyak itu?
61. Selain anak-anak mama yang berbangsa Melayu, adakah mama juga menerima anak-anak anugerah ini daripada berlainan bangsa?
62. Bagaimana mama menguruskan anak-anak yang berbangsa lain?
63. Ada perbezaan bahasa ke?
64. Kiranya memang daripada kecillah dia bertutur Bahasa Melayu?
65. Pada hari raya, biasanya (gangguan bunyi plastik) mama akan menyambut bersama keluarga sebelah suami, disebabkan keluarga sebelah mama sudah tiada kan, *so* [jadi] bagaimana dengan anak-anak anugerah *ni* [ini]?
66. Soalan seterusnya, di manakah anak-anak anugerah ini mendapatkan pendidikan awal mereka? Contohnya sekolah khas ke, atau sekolah harian biasa?
67. Dalam satu sekolah semua sekali kat [di] situ ke ataupun berlainan sekolah?

68. Selain mendapatkan pendidikan secara normal, adakah mama menyediakan pendidikan tambahan kepada anak-anak anugerah?
69. Selain daripada kanak-kanak, adakah mama juga memberikan perlindungan kepada golongan lain seperti gadis-gadis yang teraniaya?
70. Dulu, masa mama ambil gadis-gadis ini berapakah lingkungan umur mereka?
71. Lepas itu, adakah mereka ini mengandung anak luar nikah?
72. Adakah mama ingat berapa jumlah yang mama pernah tolong?
73. Adakah mama menetapkan tempoh untuk gadis-gadis yang teraniaya ini?
74. Selain daripada warga Malaysia, adakah mama juga menerima gadis-gadis daripada negara lain?
75. Bagi gadis-gadis yang bersalin, adakah mama yang akan membiayai kos mereka?
76. Sebelum ini, kepada gadis-gadis yang mama pernah jaga, adakah mama memberikan nasihat?
77. *Okey* [baiklah], seperti yang sedia maklum, Keluarga Besar Norlina Alawi telah mendapat liputan dalam salah satu program TV3. Apakah reaksi masyarakat yang diterima selepas liputan tentang Keluarga Besar Norlina Alawi?
78. Adakah Dato' Siti Nurhaliza juga menjadi rakan *partner* [kongsi] kepada mama?
79. Adakah badan-badan *NGO* [Non-Government Organization Badan Bukan Kerajaan] atau pun orang perseorangan pernah datang ke rumah mama bagi menyalurkan bantuan?
80. Maafkan saya, sekiranya soalan yang saya tanya ini agak sensitif bagi mama. Bagaimanakah mama menguruskan segala pembiayaan sekiranya berlaku kematian di kalangan anak-anak anugerah?

81. Insyaallah. Bagaimana mama menguruskan bagi pengurusan jenazah?
82. Apakah pengalaman yang paling sukar dilupakan dalam menguruskan dalam pengurusan jenazah sebelum-sebelum ini?
83. Secara peribadinya, adakah mama pernah merasa penat dan patah semangat sebab kereh anak-anak yang pelbagai?
84. Soalan seterusnya, siapakah yang paling banyak memberikan dorongan dan sokongan kepada mama untuk menguruskan Keluarga Besar Norlina Alawi?
85. Bagaimana mama memotivasikan diri mama untuk terus kuat?
86. *Okey* [baiklah] kita akan pergi kepada soalan yang seterusnya iaitu persoalan tentang masa depan Keluarga Besar Norlina Alawi. Secara peribadinya, pernahkah mama terfikir mengenai soal masa depan keluarga ini?
87. Pernahkah mama terfikir tentang bagaimana keadaan keluarga besar ini suatu hari nanti tanpa mama?
88. Jika mama tidak keberatan, untuk berkongsi cerita, adakah mama pernah menamakan waris lain bagi menguruskan keluarga besar Norlina Alawi pada suatu hari nanti?
89. Insyaallah mama. Pernahkah mama di berikan anugerah ataupun pengiktirafan dari agensi atau pun organisasi yang tertentu?
90. Boleh mama nyatakan?
91. Ini soalan yang kami dapat daripada pembacaan di internet, mama juga menerima, pihak *HUKM* [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia] telah memberikan kepercayaan kepada mama bagi menjaga bayi-bayi yang tiada ibu bapa. Adakah benda ini benar?

92. Bagaimana proses mama dalam mengambil bayi-bayi ini?
93. *Okey* [baiklah] mama, kita akan teruskan kepada bahagian akhir, iaitu bahagian *enam* [6], iaitu mengenai harapan mama. Apakah harapan mama terhadap Keluarga Besar Norlina Alawi pada masa akan datang?
94. Adakah mama membuat simpanan kewangan untuk anak-anak untuk masa depan?
95. Apakah perancangan seterusnya untuk memperkembangkan lagi Keluarga Besar Norlina Alawi?
96. Apakah nasihat mama untuk golongan remaja di zaman sekarang ini?
97. Adakah mama mempunyai kata-kata terakhir yang ingin mama katakan?



## LOG WAWANCARA

Siti nabilah binti yahaya menemubual Hajah Norlina Binti Haji Alawi, yang dilahirkan pada 19 disember 1971, temubual dijalankan di pejabat beliau di Lot 46, Jalan 47, Bukit C, Kg Cheras Baru, 56100 Kuala Lumpur, mengenai pengalaman beliau dalam menjadi pengamanah dan pengerusi Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad (KBNAB) dan yang Dipertua PERNIM iaitu Persatuan Kebajikan Anak Kepada Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia.

## RAKAMAN PERTAMA

| MASA  | SUBJEK   | NAMA TEMPAT RUJUKAN   |
|-------|--|---|
| 00:91 | Sesi pengenalan dan pembukaan sesi temubual bersama Puan Hajah Norlina Alawi | Siti Nabilah Yahaya<br>NurNabilah Sulaiman<br>Norlina Alawi     |
| 01:29 | Pengenalan kepada latar belakang diri Hajah Norlina secara ringkas           | 19 disember 1971  |
| 02:23 | Pengenalan kepada ibubapa dan keluarga Puan Norlina Alawi                    | Haji Alawi Bin Haji Bahar<br>Hajah Dahlia Binti Haji Baharom    |
| 03:30 | Pengenalan ringkas mengenai suami Puan Norlina Alawi                         | Haji Roslan Bin Haji Baharom<br>Pegawai Tentera<br>Kuala Lumpur |
| 04:28 | Pengenalan ringkas mengenai anak kandung Puan Norlina Alawi                  | Nor Emylia Erna<br>Noraini<br>Nor Syahirah                      |

|       |   |   |
|-------|---|---|
|       |   | <p>Nur Amalina</p> <p>Mohamad Riduan</p> <p>Nor Ilina Sofia</p> <p>Mohammad Fitri</p>   |
| 06:37 | <p>Pengenalan kepada latar belakang pendidikan Puan Hajah Norlina Alawi dan suami serta pertemuan antara satu sama lain</p> | <p>Tadika Kemas Labis</p> <p>Sekolah Rendah Ingeris, Labis</p> <p>Sekolah Tengku Mahmud</p> <p>Sekolah Menengah Rendah Jalan Makibul, Kluang</p> <p>Sekolah Tinggi Kluang</p> |
| 10:10 | <p>Pengenalan kepada latar belakang PERNIM dan Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad</p>                                      | <p>Human Immunodeficiency Virus(HIV)</p> <p>Sindrom kurang daya tahan penyakit(AIDS)</p>  |
| 19:17 | <p>Pengenalan kepada Program Cinta Tanpa Sempadan</p>   | <p>Novel Cinta Tanpa Sempadan</p> <p>Komik Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad</p>  |
| 20:24 | <p>Jumlah keseluruhan anak-anak Anugerah dan anak-anak gadis yang Puan Hajah Norlina telah</p>                              | <p>200 orang anak gadis</p> <p>100 orang kanak-kanak</p> <p>32 yang sudah berdaftar</p>   |

|       |   |   |
|-------|---|---|
|       | memberikan perlindungan   | Institut Pengajian Tinggi Awam<br>Institut Pengajian Tinggi Swasta                                |
| 27:45 | Modal-modal yang menjadi punca pendapatan kepada Puan Hajah Norlina Alawi | Katering Maju Enterpris<br>Syarikat Produksi<br>Koperasi Anugerah<br>Raysia Lai.                  |
| 32:12 | Halangan-halangan yang dihadapi semasa menubuhkan PERNIM                  | Penduduk kampung<br>Human Immunodeficiency Virus(HIV)<br>Sindrom kurang daya tahan penyakit(AIDS) |

## RAKAMAN KEDUA

| MASA  | SUBJEK   | NAMA RUJUKAN TEMPAT   |
|-------|--|---|
| 00:25 | Menyebut tentang cabaran-cabaran yang beliau hadapi dalam membesarkan anak-anak anugerah |   |
| 05:38 | Kenangan paling manis dalam membesarkan anak-anak anugerah.                              | UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah]<br>PMR [Peperiksaan Menengah Rendah].   |
| 07:13 | Kenangan pahit yang pernah dilalui.  |   |
| 11:19 | Bilangan anak – anak anugerah yang sudah bekerja atau menyambungkan pelajaran.           |   |
| 12:15 | Cara membahagikan masa bersama anak-anak anugerah dan sebagai seorang isteri.            |   |
| 12:50 | Aktiviti-aktiviti waktu lapang bersama anak-anak anugerah.                               |   |
| 13:22 | Bilangan anak-anak anugerah yang menghidapi penyakit HIV/AIDS                            | Human Immunodeficiency Virus(HIV)<br>Sindrom kurang daya tahan penyakit(AIDS) |

|       |  |                                |
|-------|--|--------------------------------|
|       |  |                                |
| 14:28 | Cara menguruskan kehidupan anak-anak anugerah.                                   |                                |
| 14:50 | Perbezaan layanan antara anak-anak anugerah dengan anak-anak anugerah yang lain. |                                |
| 15:16 | Cara melayani anak-anak anugerah.  |                                |
| 17:00 | Mengenai keluarga kandung kepada anak-anak Anugerah                              |                                |
| 20:27 | Cara menguruskan anak-anak anugerah berlainan bangsa dan bahasa.                 | Indonesia<br>Filipina<br>Singh |
| 24:29 | Perlindungan kepada golongan anak-gadis.   |                                |
| 31:28 | Perasaan beliau menguruskan anak-anak anugerah.                                  |                                |
| 33:22 | Dorongan, sokongan dan cara Puan Hajah Norlina Haji Alawi memotivasikan diri     |                                |

## RAKAMAN KETIGA

| MASA  | SUBJEK   | NAMA TEMPAT RUJUKAN   |
|-------|--|---|
| 00:12 | Tentang masa depan Keluarga Besar Norlina Alawi.                           | KBNAB (Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad)   |
| 03:03 | Keadaan Keluarga Besar Norlina Alawi tanpa beliau.                         | Norlina Alawi   |
| 04:14 | Pewaris dalam menguruskan Keluarga Besar Norlina Alawi suatu ketika kelak. | KBNAB (Keluarga Besar Norlina Alawi Berhad)   |
| 07:47 | Senarai anugerah yang diterima Puan Hajah Norlina Alawi.                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anugerah TOYM [Ten Outstanding Young Malaysian] (2011) oleh JCI Anugerah Pingat K.M.N oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong (2011),</li> <li>- Anugerah Kemanusiaan Muda Negara (2004) dikurniakan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Bin Mohamad Badawi (Perdana Maenteri Malaysia) pada dua (12 Ogos 2004),</li> <li>- Anugerah Kemanusiaan ASTAR</li> </ul> |

|  |  |   |
|--|--|---|
|  |  | <p>(2005) dikurniakan oleh Tengku Tan Sri Mahale Kolej Utama Universiti Malaya pada (14 Januari 2005),</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anugerah Keluarga Berjasa Negara pada (2005) dikurniakan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Bin Mohamad Badawi (Perdana Maenteri Malaysia) pada (14 April 2005),</li> <li>- Anugerah Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada tahun (2006) dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung Tuanku Sirajuddin Syef Putra Jamalulail pada (11 April 2006),</li> <li>- Anugerah Ambassador For Peace Award pada tahun (2008) dikurniakan oleh Dr. Hyun Jin Moon Founder, Global Peace Festival Co-Chairman of the Presiding Council Universal</li> </ul> |
|--|--|---|

|       |  |  |
|-------|--|--|
|       |  | <p>Peace Federation pada (19 Oktober 2008),</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anugerah Out-Do Yourself Awards (OYA) FN For Humanitarian Efforts Towards Children of HIV/AIDS Patients pada tahun (2008) dikurnikan oleh Dato' Shahir Bin Abdul Samad pada (4 Disember 2008),</li> <li>- Anugerah Serikandi Maal Hijrah Kementerian Pertahanan Tahun (1430 H/2009) dikurniakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Wira Abu Seman Haji Yusof pada (22 Jun 2009).</li> <li>-Anugerah Kesatria Puteri Kemurniaan oleh Perdana Menteri Malaysia di Perhimpunan Wanita Muda tahun (2012)</li> <li>-Anugerah Ikon Prostar NGO oleh Jabatan Kesihatan Kuala Langat</li> </ul> |
| 13:50 | Harapan beliau terhadap Keluarga Besar Norlina Alawi |  |



|       |   |  |
|-------|---|--|
|       | pada masa hadapan.  |  |
| 15:24 | Simpanan kewangan anak-anak anugerah untuk masa hadapan.                        |  |
| 18:42 | Perancangan Keluarga Besar Norlina Alawi.                                       |  |
| 19:42 | Ucapan terakhir dan nasihat untuk disampaikan kepada para remaja dan masyarakat |  |

## INDEX

### A

*AIDS*, 1, 12, 16, 35, 36, 54, 59, 67, 71, 73, 78, 79, 80, 81, 83, 88  
Anugerah, 16, 18, 19, 20, 23, 24, 25, 59, 62, 67, 72, 79, 80, 82, 83  
*asnaf*, 33

### B

Besar, 1, 13, 16, 18, 23, 25, 26, 27, 41, 42, 48, 52, 54, 57, 64, 67, 71, 72, 73, 75, 76, 77, 78, 79, 83, 85, 86  
bidah, 88  
bidang, 6, 8, 9, 67, 71

### C

Cara, 81, 82

### D

*dah*, 2, 3, 8, 12, 17, 18, 22, 23, 25, 26, 27, 29, 31, 32, 40, 43, 46, 48, 50, 51, 54, 56, 57, 67, 71  
darjat, 16, 19, 33, 59  
Diploma, 8, 9

### F

*figure*, 49

### H

haji, 16, 25, 54  
Harapan, 64, 85  
*HUKM*, 62, 63, 77

### K

KBNAB, 78, 83

Keluarga, 13, 16, 18, 23, 25, 26, 27, 41, 42, 48, 52, 54, 57, 59, 64, 67, 71, 72, 73, 75, 76, 77, 78, 79, 83, 85, 86

kewangan, 65, 77, 86

Koperasi, 67, 80

### N

*NGO*, 49, 59, 75, 83

### P

pekerjaan, 3, 70

penubuhan, 23, 72

Perlindungan, 82

*PERNIM*, 1, 12, 16, 35, 54, 67, 71, 73, 78, 79, 80

Program, 54, 59, 79

### R

rancangan, 24

### S

sokongan, 49, 52, 76, 82

suami, 4, 5, 8, 9, 10, 13, 25, 44, 52, 54, 57, 70, 71, 72, 74, 78, 79

### U

*umrah*, 16, 19, 25, 29, 31, 54, 59

### W

*wasiat*, 54

### Z

zakat, 33

## RUJUKAN

pusat perlindungan pernim. (n.d.). *pusat perlindungan pernim*. Retrieved December 22, 2013, from <http://pusatperlindunganpernim.blogspot.com>

HIV and AIDS . (n.d.). *HIV and AIDS*. Retrieved December 22, 2013, from <http://www.nhs.uk/conditions/hiv/pages/int>

Cahaya Sunnah. (n.d.). *Cahaya Sunnah*. Retrieved December 22, 2013, from <http://cahayasunnah.wordpress.com/2006/04/11/pengertian-bidah-macam-macam-bidah-dan-hukum-hukumnya/>

Ganda, Lindung & Kekal. (n.d.). *Ganda Lindung Kekal*. Retrieved December 22, 2013, from <http://hartawang.wordpress.com/2010/06/04/apakah-itu-faraid/>

Legasi budi. (n.d.). *Berita Harian*. Retrieved December 22, 2013, from <http://www.bharian.com.my/articles/Legasi>

## 9.0 LAMPIRAN



**Gambar 1: Puan Hajah Norlina bersama penemubual dan penulis**



Gambar 2: Pamplet yang mengisahkan Puan Hajah Norlina



Gambar 3: Majalah-majalah yang menyiarkan kisah Puan Hajah Norlina





**Gambar 4: Koleksi buku novel Cinta Tanpa Sempadan dan Komik**



**Gambar 5: Koleksi Barang Perniagaan di Pejabat Puan Hajah Norlina**





Tarikh

22 September 2013

No. Fail

100-KK(HEA 30/7/2)

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

| <u>BIL</u> | <u>NAMA</u>               | <u>NO. UTM</u> |
|------------|---------------------------|----------------|
| 1          | SITI NABILAH BINTI YAHAYA | 2011297678     |
| 2          | NURNABILAH BINTI SULAIMAN | 2011616044     |

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **Ijazah Pengurusan Maklumat (IM 245)**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang beliau ikuti iaitu **Oral Documentation (IMR604)**

2 Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **019-5510035**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

  
**IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL**  
Penocong Pendaftar Hal Ehwal Akademik  
b/p · TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan Pn. Hjh. Norlina Binti Haji Alawi.

Pada .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -


Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pn. Hjh. Norlina Binti Haji Alawi

Dr. Ghazali Bin Osman  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA Kelantan







## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
WAN DERAHMAN BIN WAN MAHMAT  
PENCERITA CERITA RAKYAT: "PENGAKHIRAN DI BUKIT PANAU"

OLEH:

|                                 |            |
|---------------------------------|------------|
| FATHIN NABILAH BINTI ABD RAHMAN | 2014160857 |
| NUR DIANA BINTI AHMAD NOR       | 2014786155 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
WAN DERAHMAN BIN WAN MAHMAT  
PENCERITA CERITA RAKYAT: "PENGAKHIRAN DI BUKIT PANAU"

---

OLEH:

|                                 |            |
|---------------------------------|------------|
| FATHIN NABILAH BINTI ABD RAHMAN | 2014160857 |
| NUR DIANA BINTI AHMAD NOR       | 2014786155 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Nor Kamariah Bt Chik yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Pak Da atau nama Wan Derahman Bin Wan Mahmat, tokoh yang kami hormati dan setinggitinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tajuk pilihan kami. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.



# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK                                       | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Penghargaan.....                            | ii         |
| Isi Kandungan.....                          | iv         |
| Abstrak.....                                | vi         |
| Biodata Tokoh.....                          | viii       |
| Pengenalan.....                             | x          |
| Transkrip                                   |            |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....       | 02         |
| Bahagian 2: Permulaan di Kampung Paloh..... | 07         |
| Lampiran                                    |            |
| Log Wawancara.....                          | 41         |
| Diari Kajian.....                           | 48         |
| Senarai soalan.....                         | 53         |
| Surat Perjanjian.....                       | 60         |
| Gambar.....                                 | 61         |
| Indeks.....                                 | 62         |

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *temubual ini adalah antara pencerita cerita rakyat dan pelajar tentang "Pengakhiran di Bukit Panau. Transkrip temubual ini dijalankan di Masjid Kampung Paloh di Tanah Merah pada 23 April bermula jam 10.15 pagi dan mengambil masa selama sejam setengah. Pencerita iaitu Wan Derahman Bin Wan Mahmat atau lebih dikenali sebagai Pak Da merupakan penduduk tetap Kampung Paloh. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang pencerita itu sendiri iaitu Pak Da. Selain itu, Pak Da turut bercerita tentang sejarah Bukit Panau itu sendiri yang bermulanya dari Kampung Paloh iaitu kampung Pak Da sendiri. Selain itu, Pak Da juga menceritakan tentang persingahan sebentar Puteri Saadong di Bukit Panau dari Bukit Marak.*

**Kata kunci:** *Bukit Panau, Tanah Merah, Pak Da, Wan Derahman Bin Wan Mahmat, Kampung Paloh, Puteri Saadong*

# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



**Nama** : Wan Derahman Bin Wan Mahmat (Pak Da)

**Umur** : 69 Tahun

**Kediaman** : Kampung Paloh, Bukit Panau

**Tarikh lahir** : 28/2/1947

**Tempat lahir** : Kampung Paloh

**Pekerjaan** : 1. Guru  
2. Tok Imam

**Status** : Berkahwin

**Anak** : 11 Orang

**Prinsip Hidup** : Hendak hidup dalam keadaan sederhana dan baik

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Bukit Panau terletak 20 km daripada Bandar Tanah Merah, Kelantan. Kedudukannya yang berada di tengah jalan yang menghubungkan Jajahan Tanah Merah dengan Jajahan Pasir Mas memberikan kemudahan bagi orang ramai yang ingin mengujungi Bukit Panau.

Terdapat pelbagai cerita atau pendapat dari zaman dahulu mengenai nama Bukit Panau itu. Pertama, dinamakan dengan nama Bukit Panau kerana bentuk fizikalnya yang kelihatan seperti tompok putih, sama seperti penyakit panau, oleh itu penduduk kampung menamakan bukit tersebut dengan nama Bukit Panau. Seterusnya pendapat lain pula, kebanyakan orang kampung dahulu menggunakan batu untuk mengasah parang dan apabila batu tersebut pecah, batu itu menjadi serpihan atau tompok kecil yang kelihatan seperti panau. Perumpamaan tersebut digunakan untuk menamakan bukit tersebut yang kelihatan seperti tompok panau.

Dahulunya Bukit Panau ini pernah dijadikan tempat persinggahan pedagang-pedagang Arab dari Pattani, Thailand dan sebagainya. Oleh kerana Bukit Panau pernah dijadikan tempat persinggahan pedagang-pedagang Arab, perniagaan barangan dan penyebaran agama Islam giat dijalankan oleh pedagang dengan penduduk kampung. Selain itu, Bukit Panau juga pernah dikunjungi oleh keturunan wali songo seperti Sheikh Kadir Jailani pada zaman dahulu. Bukit Panau pernah dijadikan tempat pembelajaran ilmu persilatan oleh Sheikh Kadir Jailani untuk anak muridnya dan juga dijadikan tempat untuk pertapaan. Bukti yang menunjukkan Sheikh Kadir Jailani pernah berada di Bukit Panau adalah terdapatnya makam beliau diatas bukit tersebut yang menjadikan batu nisan sebagai tanda.

Bukit Panau amat dikenali dengan lagenda atau cerita rakyat mengenai Puteri Saadong. Lagenda tersebut mengisahkan Puteri Saadong dari Bukit Marak berpindah ke Bukit Panau sebagai tempat persinggahan. Semasa keberadaan Puteri Saadong di Bukit Panau, Puteri Saadong menunaikan segala hajat yang diminta oleh penduduk kampung. Misalnya, penduduk kampung meminta sesuatu seperti pinggan mangkuk, pada keesokannya hari permintaan tersebut ditunaikan oleh Puteri Saadong.

Kini, Bukit Panau tersebut telah dijadikan tempat pemasangan pencawang elektrik Telekom dan juga bakal dijadikan salah satu tempat rekreasi untuk orang ramai.



# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Petunjuk: |                  |
| WD        | : Wan Derahman   |
| ND        | : Nur Diana      |
| FN        | : Fathin Nabilah |

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG WAN DERAHMAN WAN MAHMAT**

**ND** : Assalamualaikum w.b.t

**WD** : Waalaikumsalam.

**ND** : Saya Nur Diana Binti Ahmad Nor dan ini rakan saya Fathin Nabilah Binti Abd Rahman. Kami merupakan pelajar tahun akhir daripada Fakulti Pengurusan Maklumat dalam jurusan Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat Universiti Teknologi MARA kampus Kelantan. Pada hari ini, kami akan mengadakan satu wawancara bertajuk “Pengakhiran di Bukit Panau”. Wawancara ini berlangsung pada 23 April 2016 bersamaan hari Sabtu pada jam 9.45 pagi di Masjid Kampung Paloh. Tujuan wawancara ini dijalankan kerana ia merupakan salah satu syarat untuk kami melengkapkan semester lima bagi subjek IMR604 iaitu Sejarah Lisan. Calon yang bakal kami wawancarakan pada hari merupakan seorang anak jati Kampung Paloh, Bukit Panau yang dikenali sebagai Pak Da. Kami

amat berbesar hati kerana Encik sudi meluangkan masa untuk diwawancara pada hari ini. Dari kajian yang telah kami lakukan Encik merupakan seseorang yang mempunyai pengetahuan tentang sejarah Bukit Panau dan kami berharap Encik dapat berkongsi dengan lebih dalam mengenainya. Bagi memulakan wawancara pada hari ini, kami ingin Encik menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang Encik seperti salahsilah diri, keluarga, pendidikan dan juga kerjaya Encik.

WD : Terima kasih. (berdehem) Assalamualaikum w.b.t, nama Pak Da Wan Derahman Wan Mahmat. (bunyi microfon) Lahir di Kampung Paloh ini pada *dua puluh lapan* haribulan *dua sembilan belas empat puluh tujuh* [28/2/1947] hari Khamis. Pendidikan berasal daripada Sekolah Kebangsaan Bukit Panau kemudian berpindah ke Maahad Mahamadi Kota Bahru, kemudian menyambung pelajaran di pondok-pondok dengan cara berulang-alik. Bukan duduk di pondok maknanya cara berulang-alik. Pak Da boleh banyak tempat-tempat hok [yang] Tok guru *ngajar* [mengajar], Pak Da pergi *ngaji* [belajar] *gitulah* [begitu]. Kemudian dari segi sisilahnya [salasilahnya], Pak Da ini kalau hendak kira asal keturunnya bukan orang Kelantan. Asal daripada Pattani. Dulu bila berlaku pergolakan di Pattani maka ramailah diantara orang-orang di Pattani itu Pattani, Thailand. Ramai diantara orang di Pattani itu sama ada orang perseorangan ataupun keluarga berpindah-randah kepada satu-satu tempat. Dan ada diantaranya *tujuh beradik* [adik-beradik bapa Pak Da], *tujuh beradik* [adik-beradik bapa Pak Da] yang berpindah daripada Pattani itu melalui *Taba* [Pattani]

kemudian naik ke Kuala Semut Api, Kelantan kemudian terus ke Kota Bharu, Kelantan pun ada, ada yang pergi ke Pulau Seratus, Kelantan ada, yang pergi ke Teluk Renjuna, Kelantan dia panggil. *Pastu* [selepas itu] *orang-orang* [adik-beradik] Pak Da di Pulau Seratus, Kelantan pun ada di Teluk Renjuna, Kelantan pun ada di Kota Bahru, Kelantan khususnya dipanggil Paloh di Kota Bharu, Kelantan. Jadi diantara *tujuh beradik* [adik-beradik bapa Pak Da] tadi ada yang pergi duduk di Paloh itu. Kemudian duduk situ, orang zaman dulu kan dia *takda* [tidak ada] *gapo* [apa-apa] orang kampung pun tidak ramai. Berpindah pula kepada beberapa tempat hingga sampai seorang daripadanya sampai sini, sampai perkampungan pada ketika itu orang *tak* [tidak] ada lagi, *tak* [tidak] ramai orang. Dengan kerana itu la maka Kampung Paloh ini dinamakan Kampung Paloh. *Dia* [adik-beradik Pak Da] bawa *mari* [datang] Paloh *hok* [daripada] Kota Bharu. Oleh kerana dia *mari* [datang] dari Kota Bharu dia *mari* [datang] sini nak letak nama *gapo* [apa] kan. *Dia* bawa *mari* [datang] Paloh *dia* [nama] letak sini. *Dia* [adik-beradik Pak Da] letak nama kampung kita ini nama Paloh satu daripadanya. Daripada sini lah *sisilah* [salasilah] Pak Da dari satu generasi ke satu generasi sampai ke Pak Da ini. Ini lah diantara *sisilahnya* [salasilahnya]. Dan kekal keluarga Pak Da disini duduk disini. Sampai ke *harini* [hari ini] pun, tapi bagaimanapun bukan satu keluarga besar. Tapi walau bagaimanapun kalau hendak kira kampung ini keluarga Pak Da *belako* [semua] anak-beranak *belako* [semua]. Daripada kalau *la la* [sekarang] ini la. Datuk nenek sini, ayah mak pun sini tidak *mari* [datang] dari lain. Adik-beradik pun berkembang sampai ke

sepupu, dua *pupu* [sepupu] duduk sini *belako* [semua]. Sampai ke *la la* [sekarang] ini pun. *Ertinya* [maksudnya] Pak Da duduk dalam keadaan waris-waris *belako* [semua] ada waris *belako* [semua] *gitu* [begitu]. Jadi dari segi *sisilahnya* [salasilahnya] dulu, kemudian kita pergi kepada sejarah, kita pergi ke cerita rakyat. *Ke* [atau] ada lagi?

**ND** : **Boleh Pak Da ceritakan tentang pekerjaan Pak Da?**

**WD** : Dulu Pak Da guru, ustaz. Pak Da mengajar di sekolah. Kalau dulu dia panggil sekolah rakyat kan. Sekolah rakyat ini dibawah Majlis Agama Islam dulunya, lepas itu berpindah kepada *JASA* [Jabatan Islam Kelantan]. Dia panggil *JASA* [Jabatan Islam Kelantan], Jabatan Islam Kelantan. Lepas itu nama itu berubah kepada *YEIK* [Yayasan Islam Kelantan]. Sampai ke *la la* [sekarang] ini Pak Da mengajar sekolah daripada Majlis Agama Islam bertukar nama kepada *JASA* [Jabatan Islam Kelantan] bertukar nama kepada *YEIK* [Yayasan Islam Kelantan] iaitu Yayasan Islam Kelantan. Dulu Pak Da mengajar, ustaz. *Lolok* [tipu] cara-cara bodoh. Pak Da mengajar mulai *sembilan belas enam puluh enam* [1966] dan sampai ke tahun *dua ribu tiga* [2003]. Lebih kurang *tiga puluh* [30] tahun lebih. Dalam *tiga puluh lima* [35] tahun mengajar lepas itu Pak Da bersara. Itu dari segi kerja *hok* [yang] dulu-dulu. Lepas itu bele-bele [sambil] *la la* [sekarang] ini Pak Da, Tok Iman sini. Dah bersara itu *demo* [mereka] beri jawatan Tok Imam. Jadi Tok Imam. Lepas itu *gak* [juga] kerja-kerja kampung, pelihara lembu dan menanam jagung (ketawa) Lain-lain?

- ND : **Boleh kami tanya mengenai apa prinsip hidup Pak Da diterapkan hingga sekarang?**
- WD : Tak ada *gapo* [apa]. Cuma Pak Da hendak kalau dari segi Pak Da sendiri pun dari segi prinsipnya, Pak Da hendak Pak Da dan keluarga Pak Da ini hendak hidup dalam keadaan sederhana dan baik, itu saja. Kebetulan anak-anak Pak Da, Pak Da *tak* [tidak] hantar ke sekolah lain selain sekolah Arab. Semua sekali mengaji sekolah Arab *belako* [semua] anak-anak Pak Da. Berjaya *tak* [tidak] berjaya pun asasnya daripada sekolah agama, sekolah arab. Jadi anak Pak Da *sebelas* [11] orang ini Pak Da *tak* [tidak] hantar ke sekolah akademik. Pak Da *sorang* [seorang] *ja* [sahaja] *ngaji* [belajar] sekolah kebangsaan hanya setakat kelas *tiga* [3] dulu (ketawa). Anak Pak Da hantar dengan tujuannya anak-anak Pak Da ini, Insyaa Allah walaupun tidak kaya, hendak hidup dalam keadaan sederhana tapi baik. Itu *saja* [sahaja]. Prinsip Pak Da setakat itu *ja* [sahaja].

TAMAT BAHAGIAN 1

## BAHAGIAN 2: PERMULAAN DI KAMPUNG PALOH

**ND** : Terima kasih Pak Da atas penerangan serba sedikit tentang diri Pak Da. Seterusnya kita sambung dengan bahagian 2 iaitu mengenai cerita Permulaan di Kampung Paloh dan Pengakhiran di Bukit Panau. Cerita akan dimulakan dengan Permulaan di Kampung Paloh seperti sejarah Kampung Paloh itu sendiri dan cerita yang bermula dengan Kampung Paloh itu.

**WD** : *Memey* [memang] la kalau kita nak *oyak* [cakap] cerita itu Bukit Panau *saja jah* [sahaja] *dia orang* [mereka] panggil *tak* [tidak] lengkap. Tak lengkap. Sebab dia bukannya unik sangat tetapi oleh kerana dia ada cerita pelik *situ* [disitu] seperti Puteri Saadong *gapo* [semua] itu maka Bukit Panau itu jadi masyhur. Namun walau bagaimanapun, kita kena kaitkan dengan sesuatu yang lain iaitu kita kaitkan dengan kampung khususnya dengan kampung yang Pak Da duduk ini. Kalau kampung lain, dia sebenarnya Bukit Panau ini dikelilingi oleh banyak kampung. Kalau di sebelah kita sini dipanggil sebelah selatan *dok* [kan]? Disebalah selatan ini Kampung Paloh, di sebelah timur itu dipanggil Kampung Bukit Panau Gelugor, di sebelah utara itu dipanggil Kampung Tandok. Kemudian kalau kita *gi* [pergi] ke sebelah barat itu dia panggil Kampung Binjai Manis ataupun Bukit Panau. Kampung Binjai Manis ataupun Bukit Panau. Kemudian ada lagi kampung-kampung kecil seperti Kampung \_ Baru, Kampung Tengah. Semua ini di keliling kaki Bukit Panau *belako* [semua]. Namun walau bagaimanapun, oleh kerana kita ini duduk di Paloh, Pak Da sendiri duduk di

Paloh, lahir sendiri di Paloh, besar di Paloh, tua di Paloh. Maka kita akan ceritakan mula di Paloh. Kampung Paloh ini sebenarnya diapit oleh dua kuala. Tahu kuala itu *gapo dio* [apa dia]? Kuala ini saluran air. Saluran air yang puncanya bukan dari mana-mana sungai. *Hok* [yang] ada depan ini. Jadi Kampung Paloh ini diapit oleh dua kuala, pertama dipanggil kuala air deras, bawah ini. Itu kata kalau *dok* [duduk] bawah ini *sedap* [seronok]. *Dia sa* [satu] lagi *belah* [sebelah] sana lebih kurang *tujuh ratus* [700] meter dia panggil kuala sungai dulang kuala itu. Kuala ini saluran air kalau nak kira segi dari luasnya lebih kurang ini *ja* [sahaja]. Dari karpet ni ke dinding tu (Pak Da menunjuk jarak). Itu sahaja luas dia. *Ada pun* [ada kuala] nak sempit lagi sikit lagi. Puncanya kalau kuala air deras ini, lebih kurang satu [1] kilometer punca dia situ. *Tak* [tidak] tahu air ini *mari* [datang] mana. *Mari* [datang] dalam tanah. Kalau kita boleh buat pelan dari muka kuala, muka kuala tu sungai besar la. Kuala ini dia *tubik* [keluar] *kot* [dari] sungai besar. Daripada muka kuala ini dia naik ke sini, *dia* [punca air] *mari* [datang] sini langkah jalan ini Kampung Salok. Langkah jalan ini, *di alik* [di sebelah] atas *gitu* [begitu] lebih kurang *lima ratus* [500] meter *dia* [mereka] panggil ada *suatu* [satu] telaga. Di *kepala* [hujung] kuala ini, diatas dia ini ada satu telaga dia panggil Telaga Sabima. Telaga ini tempat air *tubik* [keluar]. Luas *dia* [telaga] *tak* [tidak] tahu. Air *tubik* [keluar] situ *mari* [datang] dari tanah. Bukan punca *mari* [datang] mana-mana, air *tubik* [keluar] dari tanah *sampai ka la la* [hingga sekarang] ini air itu *tak* [tidak] kering. *Tak* [tidak] kering *sampai ke la la* [hingga sekarang] ini. Air *mari*



[datang] situ. Itu kepelikan saluran air *hok* [yang] kita panggil kuala air deras ini punca *dia* [air] *mari* [datang] dari satu telaga kecil. Bukan luas, lebih kurang ini *ja* [sahaja] lubangnya (Pak Da menunjukkan besar lubang). Besar muka kipas ini *ja* [sahaja] (Pak Da menunjukkan kearah kipas). *Dia mari* [datang] dulu cerita ini. Cerita dia panjang. Zaman dulu, pernah orang-orang tua kita jumpa ular, ular besar. Orang tua kita jumpa. Ular besar ini bila dia tengok orang dia masuk dalam lubang air itu. *Tak* [tidak] tahu dia *gi* [pergi] mana. Orang dulu tengok ini. Ular besar masuk ke lubang air sendiri. Jadi lubang air ini la namanya, Telaga Sabima. Ia mengeluarkan air dan punca air kepada kuala air deras. *Sampai ke la la ni* [hingga sekarang] air ini masih lagi keluar dan *tak* [tidak] kering-kering. Ada *sokmo* [selalu]. *Sampai ka la la ni ada sokmo* [hingga sekarang ada sentiasa]. Air *duk tubik sokmo* [keluar hingga sekarang]. Kemudian di muka kuala ada pohon ara besar. Ikut kepada *kecek* [cerita] orang zaman dulu, dia *jamu* [menjamu] orang Kelantan kata. *Dia jamu* [menjamu]. Jadi dia tidak tahu itu ada bagi pulut kuning, ayam panggang *ke* [untuk] pohon ara besar ini. *Dia gi* [pergi] jamu kerana perkara khurafat sering berlaku ini. Bukan zaman *lani* [sekarang], perkara ini sungguh-sungguh berlaku. Bahawa orang tua zaman dulu, dia beri makanan pulut kuning ke, ayam panggang ini di umbi pohon ara ini. Kerana dia percaya bahawa pohon ara besar dia kuala ini ada penunggu ini ada penunggu dia, nama Datuk Kopiah Merah. *Dia caya* [percaya] *gitu* [begitu]. Dan *memey* [memang] la, zaman dulu kalau kita *gi* [pergi] ke muka kuala itu dengan tidak orang kata tak *pesey* [jenis] ini, tak *pesey*

[jenis]. Kena kata, “tok kita mari ni” (Pakda berdialog) kena kata *gitu* [begitu]. “kita mari nih” “cucu mari ni” “cucu nak mari” (Pakda Berdialog) nanti kena *kosek* [kacau]. Orang tua *caya* [percaya]. *Gini-gini* [macam ini] khurafat, jangan *caya* [percaya]. Tapi *nak* [hendak] *oyak* [memberitahu] benda ini berlaku. Oleh kerana percaya, benda ini berlaku *gitu* [begitu]. Sedikit sebanyak perkara pelik berlaku mengenai kuala dia. Dan sungai kita, itu Pak Da kata kalau kita duduk bawah itu Pak Da *oyak* [beritahu] nampak *lalu* [sekali]. Bukan kecil *serupa lalu* [macam sekarang], bukan sempit *serupa lalu* [macam sekarang]. Di sungai kita ini luasnya sampai ke tebing ini. Tebing ini. Bawah itu ada tebing. Tinggi bawah ini sungai. *Loni* [sekarang] maknanya sungai ini *koha* [makin] lama *koha* [makin] hakis terhakis dan tanah timbul *serupa lalu* [seperti sekarang]. Tempat ini orang boleh buat menanam jagung *tanah jerluh* [tanah jerlus]. Tanah timbul ini dah jadi tanah kerajaan. Dia jadi tanah kerajaan dia panggil TOL [tanah kerajaan]. Yang diberi kepada orang kampung buat menanam jagung. Sebab itu orang kampung ini boleh jual jagung. Perkampungan jagung kampung kita. Kalau nak makan jagung kena mari sini. Jagung pula sedap. Jagung manis. (ketawa) *Kejap* [sekejap] lagi kita boleh tengok, *berjujuh* [ramai] orang jual jagung. *Start* [bermula] daripada sini sampai *kona* [simpang belok] sampai ke hujung. Oleh kerana sungai orang zaman dulu, ada orang panggil keramat di kepala di muka kuala air deras penunggu dia dipanggil datuk. Maka zaman dulu dia banyak binatang-binatang yang hidup ini buaya *gapo* [apa] kan. Orang tua kita *oyak* [bagi tahu], kalau kita tengok buaya *gapo* [apa] kan kita *gi* [pergi]

tebing. Kita *oyak* [cakap] *ja* [sahaja] kita *gi* [pergi] dengan anak cucu “timbul la anak cucu aku nak tengok” (Pak Da berdialog). Dia [buaya] timbul. Buaya ini *mari* [datang]. Puas tengok *gi* [pergi] *tokse* [tidak mahu] dah *gi* [pergi]. Zaman dulu sini. Kisah dulu *hok* [yang] ini. Dia *gi* [pergi] ke kuala. Kerana diapit oleh dua kuala, kita *gi* [pergi] ke kuala Sungai Dulang. Kuala Sungai Dulang ini tidak kurang juga punya penunggu. Punca dia dari mana? Punca air Sungai Dulang ini dari Bukit Panau. Bukan dari mana sungai. Dari Bukit Panau. Di atas Bukit Panau itu dia ada satu kolam. Kolam ini kalau kita *gi* [pergi] cari kita tidak akan jumpa. Tetapi kalau orang sesat dia akan jumpa. Orang naik bukit kalau dia sesat dia akan jumpa kolam ini. Daripada kolam ini air itu turun bawah mengalir melalui kuala *supo* [serupa] ini juga. Daripada Bukit Panau ini tubik ke sungai besar itu. Jarak daripada *hok* [yang] ini dengan *hok* [yang] ini yang Pak Da *oyak* [bagi tahu] tadi lebih kurang tujuh ratus [700] meter ini. Tujuh ratus meter [700], tidak jauh mana la. Di celah itu tempat orang menanam *belako* [semua]. Dan kuala ini ada penunggu *supo* [macam] sini juga, *pari tujuh beradik* [penunggu]. Ini unik ini, benda itu benda unik. *Toksah* [tidak perlu] *dok caro* [ambil kisah] *gumano* [macam mana]. *Pari tujuh beradik* punya comel la. *Pari* ini anak-anak gadis yang jadi penduduk di Bukit Panau ini yang kita tidak tahu dia ini dari jenis *gapo* [apa]. Dari jenis orang bunian ke dari jenis *gapo* [apa] kita tidak tahu. Tapi setiap berlakunya hujan panas, orang kampung kita ini kalau nak tengok dia boleh tengok. *Tujuh beradik* ini turun bersih kain. Di mana? Tepi sungai. Dari atas bukit dia turun sungai kuala itu basuh kain.

*Sebukas-sebukas* [selonggok-selonggok], orang zaman dulu kan *jerut* [ikat], bukan dalam raga. Zaman *lani* [sekarang] ada raga kain. (ketawa) *Sebukas-sebukas* [selonggok-selonggok] seorang. Punya comel, rambut melepasi punggung *belako* [semua]. *Tokleh* [tidak boleh] nak *oyak* [bagi tahu] la, hidung mancung, bibir *pauh laye* [bibir menggoda], rambut ikal mayang. Pak Da boleh bilang \_ \_ \_ Pak Da boleh bilang *belako* [semua] ini. Nak *oyak* comelnya, itu pari tujuh [7] beradik. Turun basuh kain naik bukit semula. Sehubungan dengan ini, walaupun pari tujuh [7] beradik ini merupakan cerita rakyat lagenda dan memang Pak Da sendiri tidak pernah jumpa. Dia *tokse* [tidak mahu] jumpa. *Pasal* [sebab] jumpa dengan *dia* [pari tujuh beradik], *dia* [pari tujuh beradik] ambil *dia* [pari tujuh beradik] bawa *gi* [pergi]. Sungguh! Nanti Pak Da *oyak* [bagi tahu] cerita. *La la* [sekarang] ini ada lagi orang panggil Idris bin Ismail. Orang panggil Pak Su Deris. Ada lagi dia, *saing* [kawan] Pak Da. Dia ada situ, duk tanam jagung *lani* [sekarang] (ketawa). Dia ini pernah dibawa lari oleh pari *tujuh* [7] beradik. Pernah bawa lari naik atas bukit. Lebih kurang seminggu duduk atas bukit bawa lari. Ceritanya bermulanya *gini* [begini], ada seorang hamba Allah itu daripada seberang sana dia *sokmo* [selalu] seberang sini. Budak *tino* [perempuan] setara ini la. Paksu Deris ini di kaki Bukit Panau dia ada kebun getah. Orang panggil kebun tokey situ. Paksu Deris ini dia *dok* [kerja] *noreh* [menorah] situ. Kemudian *bele-bele* [sambil] budak ini duduk ulang-alik *gini* [begini]. Budak itu duduk berulang dari seberang *nu* [Thailand] dari mata air daripada Kampung Kiat itu dia berulang *mari* [datang] naik sini, dia pergi ke

Tanah Merah. Dia duduk berulang, dia belajar menjahit dekat Tanah Merah. *Hok* [yang] *tino* [perempuan] itu. Jadi Paksu Deris *noreh* [menorah] situnya, lama-lama Paksu Deris muda kan. Lani paksu derisnya *supo* [serupa] Pak Da la. Dulu Pak Da ini comel ini. (ketawa) Lama-lama dia terikat hati dengan budak itu. Tapi dia pendiam, bukan *supo* [macam] Pak Da. Pak Da kalau nak dekat orang, Pak Da *gi* [pergi] *selalu* [terus]. (ketawa) Diam-diam dia sahaja. Duk pendam rasa sayang nak *ko* [dekat] dia tu. Pendam dalam hati. Akhir sekalinya, pada suatu hari dia sudah menoreh, turun ke tepi sungai ada rumpun buluh besar. Orang Kelantan kata umbi buluh, besar. Duduk melengu orang kata duduk gila kat budak itu kan. Lama-lama jugak, ambil batu sebutir *pekong* [baling] ke dalam sungai Paksu Deris itu. Suka, *pekong* [baling], suka. Kemudian bukan dia seorang menorah situ, ramai orang lain pun. Lepas itu orang lain ada situ, turun pergi tengok. Dia kata “Bakpo Paksu Deris ni? Ambil batu *pekong* [baling] dalam air, suka.” (Pakda berdialog)-- Orang itu sampai ke dia, dia lari *buhbuh* [laju] naik atas bukit. Tidak *kelik* [balik] sampai malam *kakre* [nanti]. Pergi cari, habis *pakat* [semua] *tubik* [keluar] *empat* [4] *lima* [5] kampung habis *pakat* [semua] *tubik* [keluar] cari. Kampung-kampung *hok* [yang] Pak Da sebut tadi *pakat* [semua] *tubik* [keluar] *belako* [semua] cari tak jumpa- Lebih kurang seminggu- jumpa la kat orang menoreh. Jumpa dekat orang menoreh *sakni* [tadi], orang menoreh lega. Orang menoreh *buhbuh* [terus] lari, orang menoreh pun oyak [bagitahu] “ada sini Pak Deris” (Pak Da berdialog). Orang pintas. Suatu petang itu, dan lebih itu orang pintas ikut atas.

Pintas itu, kualala itu kan Pak Da *oyak* [bagitahu] luas kan, dari sini ke situ tiang itu (menunjukkan arah). Kalau orang biasa ini lompat lepas ka?-- Saluran air, parit air lepas tidak agak? Tapi bila orang kepung dia jugak, senang dia lari.-- Dia turun ikut atas pasir. Orang lain pintas, pintas *dey* [ikut] sini. Di muka kualala air deras ini, bawah ini sikit *dey* [ikut] situ. *Dey* [ikut] *sakni* [tadi] situ. Di itu ada seorang sini tok sepupu Pak Da, dia Tok Imam sini. Dia bukan masjid ini, tapi situ ada surau dia jadi Tok Imam surau itu. Sepupu Pak Da, dia Tok Imam dia pun turun. Jadi Paksu Deris tadi dia seminggu tidak makan duduk dalam bukit. Dalam bukit seminggu tak makan-Lembik, lembik *lote* [sangat], orang pegang *lembik do'oh* [sungguh], sepupu Pak Da pergi tidak tahu dia baca *gapo* [apa]. Dia letak dalam air-- Baru la Paksu Deris ni celik-- *Celik derah kaba* [sedar dengan cepat]. Pak Da *oyak* [bagitahu] setakat itu cerita dia. Cerita dia orang ambil dia bawa pergi Kota Bahru, bawa pergi wad gila. Orang kata dia ini gila. Sebenarnya dia ini tidak gila. *Nayo* [kesian] ke dia. *Demo* [mereka] telefon polis, polis *mari* [datang] ambil bawa pergi Kota Bharu, *buh* [letak] dalam wad. Kita panggil wad gila. Waktunya, Pak Da duduk di Maahad Mahmadi-- Konon-kononnya dia ini, dia lari itu, orang tegur dia., dia lari naik bukit itu. Dia lari *turut* [ikut] orang. Orang *tino* [perempuan] bawa pergi dia. *Demo* [mereka] ini la bawa lari dia naik bukit. Dia *oyak* [bagitahu] cerita, dia duduk bukit itu kan-- rumah itu dia memang tidak pernah tengok. Rumah dia *comelnya* [cantik] rumah dia, dengan biliknya, dengan tanahnya *belako* [semua], dengan makanannya. Dia duduk sana, dia makan kenyang, sedap daripada duduk di rumah. Dia *oyak*

[bagitahu] cerita. *Saing-saing* [kawan-kawan] pun ramai, ada *тино* [perempuan] ada *јате* [lelaki]. Dia *ојак* [bagitahu] cerita. Dia ini sebenarnya, dia lari sebab tujuh pari tujuh beradik bawa lari dia. Lebih kurang seminggu baru la dia bawa *келик* [balik] *мари* [balik]. *Лагу* [macam] itulah kisahnya hok [yang] *сеготи* [sungguh]. Ini kesan daripada tujuh pari beradik. Dia kata penunggu di kualakuala itu. Kemudian, kita pergi ke Bukit Panau. Bukit Panau ini *гапо* [apa] dia nama ini Bukit Panau. Kerana zaman dulu bila turun hujan. Bila hujan, di Bukit Panau ini batu dia setompok, setompok. Jadi bila turun hujan selepas daripadanya-- batu ini bila dia panas, dia kena air dia panas dia bawa *тубик* [keluar] asap. Asap ini tidak pergi lain. *Setompok setompok, setompok* [asap]. Jadi bila kita duduk bawah, kita tengok *серупо* [macam] tompok panau. Panau, orang naik panau kan (ketawa). Kenal ke panau ini? (ketawa). Tompok *supo* [macam] orang naik panau. Jadi lepas itu la Bukit Panau dinamakan Bukit Panau. Kerana dia tengok ni *серупа* [macam] panau duduk naik itu putih, putih asap tidak lari. Asap *hok* [yang] keluar dari batu. Itu kisah nama Bukit Panau. Dan dia punyai *два* [2] gua. *Са* [satu] itu gua kelawar, *hok* [yang] satu gua biasa la tidak ada nama *гапо-гапо* [apa-apa]. Kerana *hok* [yang] gua kelawar itu kita boleh masuk. Kalau hendak masuk, kita boleh masuk tapi kalau hendak masuk kita kena masuk dengan cara *нынденг* [mengiring]. Sempit lubang dia-- Pak Da pernah pergi gua kelawar itu tapi Pak Da tidak masuk. Sebab busuk kelawar kan, Pak Da tidak masuk. Lepas itu gua *hok* [yang] kecil itu, gua juga walaupun sempit-- Kemesyuran dia ada dua perkara. Pertamanya, kisah orang tua kita

*oyak* [bagitahu] kisah Puteri Saadong. Puteri Saadong ini dia berpindah dari Bukit Marak. Daripada Bukit Marak, tidak tahu *gapo* [apa] kenapa dia minat dengan Bukit Panau itu kali. Kerana puak kita ini minat dengan Bukit Panau jadi dia pun minat Bukit Panau. (ketawa) Mari duduk Bukit Panau itu-- sampai ada orang kampung kita ini kalau ada buat kenduri ke *gapo* [apa] ke kan ada kemudahan.-- Padi beras itu dia cakap, makna kita boleh ambil terus kalau kita nak *bekwoh* [kenduri]. Ambil padi bawa kelik pisau tumbuk boleh buat *bekwoh* [kenduri]. Pinggan mangkuk boleh ambil. Pergi pinjam dengan dia. Tapi lama-kelamaan *sakni* [tadi] orang kampung *sakni* [tadi] kan banyak orang banyak perangai \_ \_ \_ Ambil padi pun letak atas kati. Guna atas kati sebenarnya bukan ambil sahaja. Kita *wak* [buat] padi kita ambil padi pinjam dengan dia kita buat padi. Pinggan mangkuk pun kalau ambil, kita ambil *seratus* [100] *butir* [biji], *lima puluh* [50] *butir* [biji] hantar tidak cukup. Ada *hok* [yang] pecah, ada *hok* [yang] tidak ganti. Kurang *sokmo* [selalu] barang dia. Jadi, barang dia jadi kurang *sokmo* [selalu], pinggan mangkuk dia jadi kurang *sokmo* [selalu] jadi dia marah. Bila dia marah maka dia pun lari. Lari daripada Bukit Panau ini dia *gi* [pergi] ke Gunung Reng. Itu kisah situ, Pak Da pun tidak tahu kisah *lepastu* [selepas itu]. Cuma tahunya daripada lagendanya *dia* [Puteri Saadong] daripada Bukit Marak dia mari Bukit Panau. Dan antara yang dia bekal kepada penduduk Bukit Panau dan penduduk sekelilingnya ialah padi beras dan mangkuk pinggan. Pasal kita makan kita guna pinggan. Hasil daripada pengurusan kampung kita ini. Tak serupa dengan jumlah dia maka dia pun lari ke Gunung Reng. *Sa* [satu]



laginya Bukit Panau kita ini, dia jadi tempat pertapaan. Ada *sokmo* [selalu] orang bertapa. Bermula daripada yang Pak Da ingatnya dipanggil Tok Sheikh Kadir Jailani. \_ \_ \_ . Sheikh Kadir Jailani ini jalanan kononnya asalnya daripada Aceh. Dan dia ini bukan asal daripada Aceh tetapi daripada Yaman. Keturunan dia, tok nenek dia daripada Yaman-- Setakat Pak Da ingat dia Sheikh Kadir Jailani. Dia lah ahli pertapaan. Dulu daripada itu Pak Da tidak tahu la. *Pasal* [tentang] orang tua cerita Pak Da dia bertapa di bukit itu. Dan kononnya bahawa dia ini mati atas bukit itu dan kubur dia atas bukit itu. Dan dia ada *setongkol* [sebijil] batu besar tempat dia duduk bertapa situ, *pahtu lani* [selepas itu sekarang] tidak ada dah. Orang buang dah. Orang *oyak* [bagitahu] situ bertapa. Jadi Sheikh Kadir ini Pak Da kata tadi bukan berasal daripada Aceh tetapi dia bukan orang Aceh. Dia orang Yaman. Tok nenek dia orang Yaman. Daripada keturunan-keturunan Wali Songo dia panggil. Pak Da pun tidak tahu lah, *lagumana* [macam mana] Wali Songo itu Pak Da tidak tahu. Selepas itu Sheikh Kadir ini turun Bukit Panau ini asalnya keturunan Wali Songo. Kemudian setiap tahun Pak Da pergi *haritu* [hari itu], Bukit Panau ini ada kelebihan dia. Orang-orang bukan orang kita macam Cina ke apa, setiap tahun pada hari raya cina orang panggil apa *Thaipusam* [Tahun Baru Cina] ke? Dia mari dengan kapal sungai. Singgah di tepi muka kuala sungai dulang itu tinggal kapal bawa naik alat-alat dia. Bawa alat-alat itu bawa naik atas bukit. Dia buat tempat dia memuja, sembah tuhan dia lah. Dan orang melayu kita ini, start daripada Sheikh Kadir Jailani. Setiap masa ada orang pergi bertapa. Dan seingat

Pak Da, yang akhir sekali orang bertapa di atas bukit itu orang panggil Deris. Baru sahaja mati. Deris dia budak muda. Setaro-setaro [sebaya-sebaya] awak, tua sikit dari awak. *Sekat* [setakat] dia itu, dia mati dah. Dia lah orang yang Pak Da ingatnya paling akhir buat pertapaan atas bukit ini. Tujuannya Pak Da tidak tahu. Jadi Pak Da sendiri tidak tahu, orang kampung tidak tahu cumanya dengar-dengar cerita Deris ini dia naik pergi bertapa itu konon-kononnya di masa-masa pertapaan itu ada dia minta *gapo-gapo* [apa-apa] dengan keramat Bukit Panau itu. (ketawa) Nak emas ke, nak *pitih* [duit] ka, macam-macam tapi tidak boleh percaya. Tidak boleh percaya (ketawa). Ada orang dulu-dulu dia bertapa dia beramal. Orang itu bertapa bukan cari emas ke apa, sebab di Bukit Panau kita ini bawah itu kononnya ada emas. Lepas itu orang kemudian ini kalau pergi bertapa panggil emas itu suruh *tubik* [keluar]. Panggil tidak *tubik-tubik* [keluar-keluar]. Kena korek emas ini (ketawa). Bukan pasal *pesei* [gaya] panggil. Itulah al-kisah dia. Jadi kalau orang dulu-dulu kalau pasal bertapa pun, memang dia bertapa sebab dia beramal— *supo* [serupa] Sheikh Kadir Jailani dia beramal, dia beramal ilmu *gapo-gapo* [apa-apa] itu kita tidak tahu kan. Itu *pasal* [ikut] dia lah. Tapi kemusyuran dia itu sampai tempat dia itu, dipuja oleh orang bukan sahaja orang kita. Orang-orang kita pun pernah pergi naik tempat dia itu jugak. Pergi memuja, orang panggil pergi memuja. Puja tempat-tempat macam itu. Kononnya tempat Sheikh Kadir Jailani bertapa ini tempat yang keramat orang kata. *Gitu* [begitu] lah pujaan itu. Kemudian di pertengahan bukit itu dia ada *sebutir* [seketul] batu besar. Kalau kita naik jalan lama. *Loni* [sekarang] jalan

baru sudah, jalan *hok* [yang] *demo* [mereka] buat itu naik ikut *nuh* [sana] dah ikut Menara *gapo* [apa] itu Menara celcom atas *nuh* [sana] duduk. *Loni* [sekarang] ada Menara celcom atas itu. Dia buat jalan baru sudah. Kalau ikut jalan lama, di tengah-tengah bukit ini kita naik sekerat, dia ada *dua* [2] benda situ dia ada batu. Batu besar, batu leper *gini* [macam] lagi besar. Sebesar petak tikar ini (Pak Da menunjukkan tikar). Sampai dekat *dua* [2] depa panjang. Batu itu kita panggil Batu Mek Limah. Kemudian kita pergi ke Batu Mek Limah sebelah itu ada sebutir kubur kecil orang kata kubur budak. Ini bukan lagenda tetapi perkara sebenar berlaku pada masa itu berlaku *bah* [banjir] air merah. *Bah* [banjir] air merah dulu Pak Da kalau *tak* [tidak] silap ingat Pak Da pada tahun *sembilan belah dua puluh enam* [1926]. Berlaku *bah* [banjir] air merah. *Bah* [banjir] air kuning pada *sembilan belas enam puluh tujuh* [1967]. Ingat? Itu *bah* [banjir] air kuning. *Bah* [banjir] air merah itu air merah. Air sungai merah.- Di jarang-jarang tempat tidak tentu *serupo* [macam] *bah* [banjir] air kuning *sembilan belas enam puluh tujuh* [1967] itu. Kemudian *bah* [banjir] yang baru sekali ini *tak* [tidak] tahu *bah* [banjir] *gapo* [apa]. Air merah berlaku dah *dua puluh enam* [26] air kuning berlaku dah *enam puluh tujuh* [67] air hijau kot baru ini (ketawa). *Hok* [yang] banjir besar baru ini. Tidak tahu air *gapo* [apa] baru ini (ketawa). Tapi nak *oyaknya* [bagi tahu] di Kelantan kita ini *tiga* [3] sejarah berlaku *bah* [banjir] besar. *Bah* [banjir] air merah *sembilan belas dua puluh enam* [1926] kemudian *bah* [banjir] air kuning *sembilan belas enam puluh tujuh* [1967] dan baru ini berlaku *dua ribu empat belas* [2014]. Puak-puak kita *pakat*

[semua] kena pindah *belako* [semua]. Dengan Pak Da dengan pindah sekali. Anak-anak Pak Da pindah *belako* [semua]. Nak *oyak* [bagi tahu] *tiga* [3] kali dah *bah* [banjir] besar. Dan bila berlaku *bah* [banjir] air merah ini semua orang sekampung sekeliling kita ini pindah *gi* [pergi] Bukit Panau *belako* [semua]. *Gi* [pergi] tempat-tempat tinggi. Maka Batu Mek Limah tadi adalah nama seorang orang *tino* [perempuan] dia naik bukit itu. Jadi orang lain boleh naik sampai ke atas itu, dia tak boleh dia orang tua naik *takat* [setakat] itu *ja* [sahaja] duduk atas batu itu. Duduk atas batu itu tiba-tiba dia sakit dan dia tidak mati situ, orang-orang usung bawa turun. Batu ini orang panggil Batu Mek Limah kerana Mek Limah boleh naik setakat itu sahaja. Kemudian sekali dia *mugo* [sebab] ramai kan, seorang budak umur *gapo* [apa] tidak tahu lah. Kubur dia tepi Batu Mek Limah itu. *Hok* [yang] itu yang *sengoti* [betul]. Itu diantara perkara-perkara yang Pak Da boleh *oyak* [beritahu] nya mengenai sejarah Kampung Paloh dan Bukit Panau. Kemudian kita nak pergi *alah* [ke] Paloh ni sebenar, kerana ada lagi *sa* [satu] cerita Paloh ini, berhubung dengan nama Kampung Paloh itu sendiri. Tadi Pak Da kata nama Kampung Paloh ini diletak ataupun dibubuh oleh orang, diantaranya keluarga Pak Da lah, orang asal keluarga Pak Da yang pindah daripada Paloh, Kota Bharu. Mari sini oleh kerana dia [orang asal keluarga Pak Da] nak *boh* [letak] *gapo* [apa], dia ambiklah nama Kampung Paloh ini buat nama baru. *Dia* [Paloh] sebenarnya *sa* [satu] lagi, *dia* [Paloh] jadi nama kepada Kampung Paloh ini kerana bawah itu. Dia ada suatu, kita orang Kelantan panggil Paloh. Dia seakan-akan tasik, bawah itu. Seakan-akan tasik ini, luas *dia*

[tasik] nya lebih kurang, *seratan* [satu rotan] *enam puluh* [60] kaki , *seratan* [satu rotan] ini *enam puluh enam* [66] kaki, luasnya itu *satu ratan* [rotan] lebih kurang *enam puluh enam* [66] kaki, tapi kerana berat ataupun *tujuh puluh* [70] kaki luasnya itu, panjangnya itu lebih kurang *lima ratus* [500] meter. Jadi bila air sungai *hok* [yang] duduk tepi ini surut gi *dok* [kan], sini *dia* [kawasan] jadi Paloh, Paloh ini seakan-akan tasik, kemudian di tepi Paloh ini dia ada *sa* [satu] burung keranji besar zaman dulu, burung keranji besar itu mati dah *loni* [sekarang]. Jadi Kampung Paloh ini dinamakan Kampung Paloh kerana ada paloh itu, dan dinamakan Kampung Paloh bukan Paloh sahaja tetapi Paloh keranji. Pasa apa, pasai ada *sa* [satu] burung keranji besar duduk di *bigha* [tepi] Paloh *hok* [yang] serupa tasik itu. Faham ke tak faham Pak Da *oyak* [cakap] ini? Tak faham *mu* [engkau] *tak dok aroh* [tidak tahu] (ketawa). Nak *oyak* [cakap] ini kalau asal ada benda kita boleh *oyak* [cakap] ini. Bawah itu memang lah *dia* [tebing] ada, bawah tebing itu. Setelah air sungai sampai ke tebing ini lama kelamaan *dia* [kawasan] hakis *dia* [kawasan] pergi sebarang sana tanah timbus. Kemudian *dia* [kawasan] tinggal lumut serupa tasik. Ini *hok* [yang] serupa tasik ini orang kampung panggil Paloh, *dia* [tasik] tidak panggil tasik. Punca air *tak mari mano* [tidak diketahui]. Tidak ada lah kata air itu mari serupa daripada kuala air deras ke, daripada kuala Sungai Dulang ke *dok* [tidak], *dia* [Paloh] duduk sini. Kalau ini kuala air deras, ini kuala itu, Paloh duduk sini. Tidak tahu air ini mari mana tapi tidak pernah kering. Ingat Pak Da, Pak Da sekarang umur sampai *enam puluh sembilan* [69] tahun, tak pernah lagi Pak Da ingat bahawa

Paloh ini kering, kecuali selepas daripada *orang timba* [ambil air]. Diantara orang *menimba* [angkat air] Paloh ini, bukan menimba dengan menjinjing, timba [angkat air] kaut [ambil] dengan tin. *Minggu timba nak boleh kering* [berminggu-minggu ambil masa menimba air sampai kering], kerana kononnya daripada Paloh ini macam ada binatang pelik. Yang mana timba nak tengok binatang pelik, *start* [mula] daripada bila timba itu kering, sampai ke *loni* [sekarang] pun air tak naik. Kalau dulu kan air banyak dah jadi punca penghidupan orang kampung untuk cari ikan berapa nak makan buat lauk nak turun bawah tu *gak* [jugak] \_ \_ , *nakung* [menukat ikan], *ngail* [mengail], *buat taburan boleh tahan makan ikan* [berapa banyak ikan boleh dimakan], *loni* [sekarang] tidak boleh makan *gapo* [apa] *sekat* [semenjak] *timba-timba* [angkat ikan] itu tidak boleh buat *gapo* [apa] sudah Paloh itu. Jadi, Kampung Paloh sebenarnya bukan sahaja ambil sempena nama daripada *hok* [yang] mari daripada Kota Bharu, bahkan nama suatu bentuk tasik yang orang kita nama Paloh tasik itu yang air memang tidak pernah kering, jadi punca penghidupan bagi orang-orang sekeliling untuk makan lauk *gapo* [apa], ikan, boleh tahan nak makan dok, dan di tepi itu ada burung keranji besar, maka Kampung Paloh ini dinamakan Kampung Paloh Keranji ambil sempena tasik kecil itu dengan adanya burung keranji besar di tepi tasik. Jadi kampung ini sebenarnya Kampung Paloh Keranji, nama *dia* [kampung] sebenarnya. Jadi nya dua sebab bahawa kampung kita ini nama Kampung Paloh, nama daripada Kampung Paloh, Kota Bharu dan sempena Paloh itu sendiri. Kenapa dinamakan Paloh Keranji, Kerana

ada burung keranji ditepi paloh itu. Tidak ada *belako* [semua] dah. Paloh itu *loni* [sekarang] pun kering sudah \_\_ demo *timba* [angkat air] tinggal kering, ada air sikit-sikit boleh *korek* [ambil] boleh ambil air untuk lembu minum gitu, tidak banyak sudah air. *Gapo* [apa] lagi nak tanya, itu lah sejarah Kampung Paloh nya *lagu tu* [macam itu] la *karang* [cerita] Bukit Panau. Yang lagenda nya *hok* [yang] mahsyur sangat *dia* [Bukit Panau] itu kerana Puteri Saadong. Puteri Saadong ini *setara* [setakat] itu je dia duduk (bunyi kenderaan). Kita tiada orang mengunjung Puteri Saadong ini, tiada lah orang kata kita pergi jumpa dengan *dia* [Puteri Saadong] ke tidak, cumanya bila kita ada nak buat kenduri kendara, kita boleh pergi, kita *oyak* [bagitahu] dekat *dia* [Puteri Saadong] “Tuan Puteri, hamba nak pinggan” (Pak Da berdialog) misalnya *seratus* [100]. Esok kita pergi ada. *Dia* [Puteri Saadong] tiada rupa tidak boleh tengok. Esok kita pergi ada, ambil la. Contohnya kita nak padi misalnya seguni, esok pergi ambil, ada. *Dia* [Puteri Saadong] sendiri tiada siapa tengok, itu Puteri Saadong. Maknanya benda-benda yang kita nak yang *dia* [Puteri Saadong] ada, dia boleh *buwi* [bagi], syaratnya kita pergi *oyak* [bagitahu] hamba nak. Esok pergi *oyak* [bagitahu] je tiada jawapan *gapo* [apa], tiada lah kata kamu mari esok, *dok!* [tidak], kita pergi *oyak* [bagitahu]. Pergi tempat kita pergi esok ada, ambik lah, itu keunikan Puteri Saadong. Setelah *dia* [Puteri Saadong] berpindah, tiada sudah. *Godio* [apa] lagi Pak Da *oyak* [bagitahu], itu Bukit Panau nya yang kita bunyi pelik itu kerana ada yang Puteri Saadong dan tempat-tempat pertapaan orang-orang dulu seperti Syed Kadir Jalani sampai ke \_\_ \_\_ Che Derih itu tiada

sudah orang bertapa, tiada sesorang pun.

**ND : Boleh Pak Da ceritakan macam mana keadaan sekarang Bukit Panau, dia [Bukit Panau] dijadikan tempat rekreasi ke atau dibawah jagaan Jabatan Alam Sekitar atau dibiarkan macam itu sahaja?**

**WD :** Bukit Panau ini kalau semasa Pak Da muda, jadi tempat untuk *JKR* [Jabatan Kerja Raya] ambil batu. Kemudian *loni* [sekarang] dijadikan tempat untuk meletak menara Celcom di atas *nuh* [sana] dibuat jalan. Kemudian diakhir-akhir ini pula nya, akan dijadikan tapak rekreasi, dia memang exco untuk wakil kita sini la, Datuk Fattah Haji Mahmud itu, dia memang sudah *oyak* [bagitahu] dah di Bukit Panau kita ini, dia kata kita akan dijadikan tapak rekreasi. Insyaa Allah, Pak Da rasa tapak ini akan jadi cumanya masa dia tidak tahu bila, tapi makna sudah ada cadangan bahawa Bukit Panau kita ini, tidak di atas la, bawah tempat itu akan dibuat tempat-tempat *lagu tu* [macam itu] lah, memang ada cadangan lah.



**ND : Bagi Pak Da sendiri, macam Pak Da pernah mengalami benda-benda, kisah-kisah pelik ke kalau dekat Bukit Panau atau Pak Da pernah pergi sana tengok sendiri?**

WD : Pak Da sendiri tidak pernah berlaku, Pak Da ini orang *kosek di hantu* [diusik oleh hantu] Pak Da tidak pernah *kosek* [diusik] tidak tahu *bakpo* [mengapa]. Tempat-tempat orang misal kalau sungai kan, sungai ini dia bila ketika kita *boh* [letak] pukak, kita lepas pukak kita *caney* [tahan] ikan mari *derah* [laju] *turut* [mengikut] air. Pak Da \_ jaring, Orang lain pernah *bubah-bubah* (Pak Da meniru bunyi air) ikan, tapi Pak Da angkat tidak ada *sekor habuk* [tiada langsung] Pak Da tidak pernah. Kalau orang pergi jala sampai bawah pohon buluh dekat dalam air demo pergi jala, Pak Da pergi jala tidak kena. \_ \_ bagi Pak Da seorang ini tidak pernah kena benda-benda pelik ini sama ada sungai ke bukit ke, tiada. Hantu *tokseh* [tidak mahu] *kosek* [usik] Pak Da ini sebab Pak Da ini penakut, *dia* [hantu] *kosek* orang berani sahaja, orang penakut tidak *kosek* [usik]. Dia tahu sudah *kosek* [usik] orang penakut *gak selok* [habislah] (ketawa). Dia *kosek* [usik] orang berani tidak lari tapi kalau kita pergi jala ke mukat ke, bila kita nya *kosek* [usik] di hantu *kara* [angkat jala] *kelik* [balik] lah. *Tokseh* [tidak payah] jala, *tokleh sekor habuk* [tidak dapat langsung] *dia* [hantu] *kosek* [usik]. Itu kepercayaan juga. Realitinya *sengoti* [sungguh] berlaku, sungguh. Sesiapa yang pergi menjala, meh nak *oyak* [bagitahu] pagi esok *oyak* [bagitahu], kita malam kita pergi panjat pukak *pahtu* [lepas itu] *bubah-bubah* [Pak Da meniru bunyi air] gegar tangan, angkat pukak tiada *sekor habuk* [tiada langsung]

nya itu. *Pahtu* [lepas itu] mu *kelik* [balik]. Pak Da *oyak* [bagitahu] *kelik* lah. *Takdo sekor habuk* [tidak ada langsung] dah kalau dia memukat, menjala kalau kita kena *kosek* [usik]. Pernah gitu *dok* [tengah] jala sini, Pak Da tak rajin kita campak jala *alík* [sebelah] sana terus, “*gapo* dia tu wey” (Pak Da berdialog) senyap *kelik* [balik] lah tak *dok* [ada] dah tu *toksah* [tidak perlu] campak la tidak ada ikan dah, *kelik* [balik] tapi jangan lari. Lari nya *dia* [hantu] *hambat* [kejar] *dia* [orang memukat] la. Tak boleh orang *gotu* [macam itu] dia khianat. Dia hantu ini kita kata, hantu ini dia sebenarnya jin ataupun iblis, buat jahat juga *dia* [hantu] *kosek* [usik] la kita, *hok* [yang] baik tak *caro* [biarkan] apa deh. Jin ini ada *hok* [yang] baik, *hok* [yang] Islam itu baik lah. Jin ini ada Islam ada kafir, *hok* [yang] kafir itu kan memang jahat lah, *hok* [yang] Islam baik lah. Iblis itu semata-mata jahat, *kosek* [yang] kita memanjang. *Kosek* [usik] dalaman kita, *kosek* [usik] luaran kita, sampai *punah* [rosak] orang dekat kampung Pak Da nama Che Musa. Tengah jalan ini, tapi tidak sebesar ini mula nya, naik basikal *krekkrekkrek* (Pak Da meniru bunyi basikal) *cungcung* [terlampau laju] tengah jalan \_ \_ \_ \_ \_ besar kepala lutut *dia* [Che Musa] kata, “*pah* [lepas], lalu ikut bawah lah jawabnya abang” (Pak Da berdialog) *dia* [Che Musa] *dok jajo* [menyebarkan cerita] \_ *dia* [Che Musa] kata \_ \_ hantu raya (ketawa). *Demo* [dia] je Pak Da tidak rajin. Pak Da daripada sini, rumah asal Pak Da sini dekat sekolah *alík tu* [sebelah itu], jalan *kokni* [dekat sini] sebenarnya jalan kaki sahaja itu. Situ ada alur, ada *dua* [2] butir alur itu kan, \_ \_ \_ \_ \_ jalan kaki retak papan \_ keras ini, kampung Pak Da ceruk hutan \_ \_ , kampung Pak Da itu la. Pasal *ore*

*tino* [isteri] Pak Da itu sepupu Pak Da, Mak Da itu. *Dia* [Mak Da] situ dengan \_\_ \_\_. Jadi Pak Da duduk sini *derak* [jalan] pergi haji, nikah dengan *dia* [Mak Da] itu, mengorot dah dia \_\_ \_\_. Mengorot orang tua itu zaman dulu-dulu *lagu tu* [macam itu] lah. Pergi depan rumah waktu tengah malam jalan *sorang-sorang* [seorang diri] tidak pernah kena *kosek* [usik]. Zaman dulu banyak hantu ramai orang percaya. Macam itu la ceritanya, nak lebih lagi daripada itu, mari cari lain la. Pak Da tidak boleh nak *oyak* [beritahu] dah. Tidak ada dah. Setakat Pak Da tahu daripada pengetahuan Pak Da nya *setara* [setakat] itu sejarah Bukit Panau. Namun walau bagaimana pun bahawa tidak lengkap sejarah Bukit Panau ini jika tidak dikaitkan dengan Kampung Paloh kita ini, sebab Kampung Paloh ini mempunyai lagenda tersendiri. *Dia* [Kampung Paloh] memang ada hubung kait dengan Bukit Panau seperti pari *tujuh* [7] beradik, mari daripada Bukit Panau mari ke kuala itu. Kuala itu jadi apitan kepada kuala air deras, dan Kampung Paloh duduk tengah *cotek* [kecil] *je* [sahaja]. Tidak ada dah kan, ke ada lagi?

- FN** : Pernah tidak terjadi kehilangan pendaki bila *dia* [pendaki] mendaki dekat Bukit Panau itu?
- WD** : Tidak pernah. Kalau hilang tidak ada, kalau sesat ada. (Bunyi telefon) tapi sesat pun *dia* [pendaki] boleh *tubik* [keluar] sendiri.
- ND** : Macam Pak Da cerita tadi, ada di atas Bukit Panau itu pernah didiami atau disinggah oleh wali Songor iaitu Tok Syeikh Jailani dan keturunannya dan terdapat makam *dia* [Tok Sheikh Kadir Jailani], tanda di atas Bukit Panau itu. Jadi nak tanya adakah wali Songo ini atau keturunan mereka ini berkaitan dengan ilmu persilatan atau ilmu lain, dan adakah ilmu itu diamalkan sehingga sekarang di atas bukit itu ke atau selain daripada itu, ada yang Pak Da cerita tadi pasal orang melakukan pemujaan, *benda* [pemujaan] itu terjadi sampai sekarang lagi ke?
- WD** : Kalau dari segi persilatan memang ada orang-orang yang mari belajar ilmu persilatan ini daripada Tok Syeikh Jailani. Bukan orang Kelantan sahaja, terdiri daripada orang-orang luar daripada Melaka pun ada, orang mari *mengaji* [belajar], belajar silat dengan Tok Sheikh Kadir Jailani ini. Dan nya orang Bukit Panau kita ini sendiri pun ada, diantaranya orang panggil Tok Che Kassim, orang Bukit Panau, orang Kampung Binjal Manis belah \_ , belah sana Bukit Panau. Panggil Tok Che Kassim, dia ini memang ada kait la dengan ilmu silat yang diajar oleh Tok Sheikh Kadir Jailani ini, tapi *dia* [Tok Che Kassim] sendiri

nya tidak belajar dengan Tok Sheikh Kadir, dengan orang lain, dengan tok nenek *dia* [Tok Che Kassim] la yang *mengaji* [belajar] ilmu silat dengan Tok Sheikh Kadir itu. *Pah* [lepas] itu dari segi pemujaan ini *loni* [sekarang] tidak ada sudah. Pak Da tidak ingat la nak *oyak* [beritahu] nya tahun berapa pemujaan ini dihapus, Pak Da tidak ingat, Tapi lama dah sama ada di Bukit Panau ke ataupun di mana-mana di seluruh kampung ini, dari segi pemujaan ini tiada. Cumanya *hok* [yang] Pak Da *oyak* [beritahu] pertapaan itu berakhir dengan Che Derih. Itu pertapaan bukan pemujaan, tidak puja. Tidak ada dekat Bukit Panau kita ini. Setahu Pak Da nya orang tua kita tidak ada *oyak* [beritahu] bahawa orang puja, tidak ada orang puja cumanya terhadap tapak pertapaan Tok Sheikh Kadir Jailani, itu sahaja *hok* [yang] orang puja nya. Maknanya orang anggap bahawa tapak tempat *dia* [Tok Sheikh Kadir Jailani] bertapa ini berpuaka lah. Jadi *sa* [satu] itu sahaja *pah* [selepas] itu lain tidak ada. Melainkan kalau orang naik bukit pun orang naik bertapa. Pak Da sendiri naik bukit pun naik *derak* [lalu] sahaja. Jalan naik bukit *yoyayoya* [untuk suka-suka sahaja]. Dulu *takpo* [tidak mengapa] boleh *hungga* [berlari] atas bukit itu, *hungga* [berlari] *bububu* (Pak Da meniru bunyi berlari) sampai sekerat sampai batu Tok Nimah orang panggil itu *dok* [kan], letih dahaga berhenti *situ* [batu] batu besar kan sedap duduk *rilek* [bertenang] *pah* [selepas] itu *hungga* [berlari] semula naik atas bukit. Sesetengah tempat sahaja kita tidak boleh *hungga* [berlari]. Tempat ini kan dia naik *gitu* [macam itu] sedap *hungga* [berlari] jalan lama itu, jalan baru ini kan \_\_, jalan baru itu buat lain \_\_ kita naik dulu. Tidak ada sudah batu Tok Nimah, kubur

budak. Batu Tok Sheikh Jailani *demo* [mereka] *cokeh* [cungkil] teruk. *Cokeh* [cungkil] teruk. Kiranya begini nya orang-orang dok pergi puja, bila orang dok pergi puja, jadi ada lah diantara orang kampung kita ini *hok* [yang], tidak orang kampung kita lah, kita sendiri pun tidak berkenan *dok* [buat] puja benda-benda *lagu tu* [macam itu], tidak baik khurafat kan. Abang ipar Pak Da ini orang panggil Tok Nipah, *dia* [Tok Nipah] nama Nik Pah Bin Nik Hussin. Abang ipar Pak Da ini *dia mengaji* [belajar] ilmu Tauhid ini mendalam sikit. Bila *dia* [Tok Nipah] *mengaji* [belajar] ilmu akidah ini dalam sikit, *dia* [Tok Nipah] itu dengan benda-benda khurafat ini marah *benar* [sungguh] la. *Dia* [Tok Nipah] naik *cokeh* [cungkil] batu Tok Sheikh Kadir. *Dia* [Tok Nipah] marah, “*cokeh la cokeh* [cungkil], nanti *sakit perut* [membawa padah]”, “*biar aku cokeh* [cungkil]” (Pak Da berdialog). *Cokeh* [cungkil] *dia* [Tok Nipah] teruk, *sekat tuh* [sampai situ] tidak ada pertapaan. Abang ipar Pak Da lah yang pergi *cokeh* [cungkil] batu itu. Makna nya dari segi pemujaan nya *setara tu* [sampai itu] sahaja. Tempat-tempat lain tempat memuja tidak ada, tempat menjamu pun tidak ada, hilang lama macam kualair deras ini kan, tidak ada lama dah, hilang dah sebab ramai orang-orang kita *hok* [yang] *mengaji* [belajar] di Mekah, *kelik* [balik] mari *oyak* [beritahu] benda-benda *hok* [yang] khurafat ini kan, masing-masing pakat tinggal lah benda-benda *lagu tu* [macam itu]. Zaman dahulu orang tidak *ngaji lah mana* [tidak belajar sungguh-sungguh] percaya dekat keramat ini (ketawa).

**FN** : **Macam tadi kan Pak Da kata kalau daripada *start* [mula] daripada bawah itu kan, *setiap itu* [kawasan] ada penunggu kan, lepas itu kiranya kalau dekat Bukit Panau dia ada penunggu jugak ke?**

**WD** : Tidak ada. Bukit Panau ini tidak ada. Setahu Pak Da la, jadi mana tidak ada tempat-tempat penunggu, yang bila kita naik, kita sampai sini kita kena *oyak* [beritahu] “tok, anak cucu mari ini” (Pak Da berdialog). Kalau sungai Dulang itu pun ada penunggu, tapi kalau Bukit Panau tidak ada. *Dia* [Bukit Panau] tidak ada benda-benda *lagu tu* [macam itu]. Makna kalau kita pergi “tok, anak cucu mari” (Pak Da berdialog), tidak ada, nak naik, naik la, *takpe* [tidak mengapa]. Cuma *dia* [Bukit Panau] unik dari segi tidak ada pemujaan tetapi benda-benda *hok* [yang] ada situ jadi unik, Tok Sheikh Kadir Jailani nya, Puteri Saadong nya, *dia* [Bukit Panau] unik *lagu tu* [macam itu]. Tidak ada lah nak naik nak cari *batu ngasoh* [batu asah] *kenak-kenak* (Pak Da meniru bunyi orang mencari batu asah) cari *batu ngasoh* [batu asah] \_ \_ \_ \_ (ketawa) *takpo* [tidak mengapa], tidak ada kena pesan *gapo* [apa]. Cuma nya *sakni* [tadi] bila kita sesat kita pergi jumpa dengan kuala. Kuala yang jadi punca air yang terus ke kuala sungai Dulang. Kalau tidak jumpa tidak ada air. Kalau tidak sesat, tidak jumpa dengan kuala itu. Jadi air dalam kuala itu tidak pernah kering bila kita tengok *loni* [sekarang] ada la air. Mari mana, mari kuala itu, kuala sampai jumpa orang sesat, bukan Pak Da. Orang tidak sesat tidak akan jumpa. Itu unik *dia* [kuala].

**ND : Kiranya kalau macam sekarang ini, Bukit Panau itu ramai orang luar datang untuk mendaki, naik itu biasa la benda itu?**

WD : Tidak ada dah *loni* [sekarang]. Kalau *empat* [4], *lima* [5] tahun lepas ada lagi rombongan nak naik bukit dengan bas. Ini *empat* [4], *lima* [5] tahun kebelakangan ini tidak ada, orang tidak mari dah.

**FN : Pak Da selalu ke naik atas [Bukit Panau]?**

WD : Dulu. *Loni* [sekarang] Pak Da *tak cekak* [tidak larat]. Tidak naik kalau *tak cekak* [tidak larat] la (Ketawa). Dulu Pak Da nak kata kan hari-hari itu tidak, kalau seminggu sekali itu “*hai naik bukit? Oh ya jom-jom*”. (Pak Da berdialog).

**FN : Berapa masa yang diambil daripada bawah nak sampai ke puncak bukit itu?**

WD : Itu Pak Da nak *oyak* [beritahu] tidak boleh itu pasal kita tidak pernah kira masa. Jadi maknanya kita tidak pernah kira masa Pak Da selama mana nak boleh naik itu, tapi kalau selama kita mula *kecek* [cakap] sampai *koni* [sekarang], sampai dah di atas ini.



**ND : Kereta ke motor boleh naik lah laluan itu?**

WD : *Loni* [sekarang] boleh. *Loni* [sekarang] ada pasal *dia* [Bukit Panau] ada pemancar Celcom itu kan, dia buat jalan minyak tar daripada atas turun bawah ini, boleh naik la, kereta boleh naik.

**FN : Kan selalu orang naik atas, *dia* [Bukit Panau] ada binatang buas tak atas Bukit Panau itu?**

WD : Tidak pernah jumpa lah. Ada, tapi bila benda itu tidak ramai kan, tidak jumpa lah dengan orang, memang binatang-binatang buas tidak ada. Harimau je kalau ada pun, yang lain tidak ada. Babi lari *ko* [dari] orang, harimau pun lari. *Dia* [binatang] tidak ramai kan, *dia* [binatang] dengar kita, lari dah. Sebab itu tidak pernah jumpa. Sesetengah orang jumpa bekas-bekas. “*ada bekas, takyoh caro ko dio* [tidak perlu ambil tahu] *la*” (Pak Da berdialog) dia dia, kita kita la.

**ND : Kiranya tidak pernah ada kes lagi la?**

WD : Tidak ada. Kalau di Bukit Panau tidak ada kes. Tidak serupa Jeli, Jeli ada kes kan. Orang *kekoh* [digigit] harimau la *gapo* [apa]. *Sini* [Bukit Panau] tidak ada. Pasal *dia* [binatang] tidak ada la *dia* [binatang] tidak ramai.

**ND** : Tadi yang pasal Puteri Saadong itu, kan Pak Da cerita yang dia ada bagi pinjam pinggan mangkuk, bagi padi, macam pinggan mangkuk *dia* [Puteri Saadong] itu, ada tidak lagi kesan tinggalan dekat Bukit Panau itu sampai sekarang?

**WD** : Dia gini, bila *dia* [Puteri Saadong] tiada, tidak ada barang (ketawa). Sebab itu kalau kita nak, kita pergi hari ini kita *oyak* [beritahu] *dia* [Puteri Saadong]. Contohnya, kita nak pinjam esok *seratus* [RM100] \_ \_, esok ada. Bila dia [Puteri Saadong] pergi, tidak ada *gapo* [apa] satu, tinggal bukit (ketawa). Ertinya *dia* [Puteri Saadong] buat sesuatu yang zahir la maknanya benda itu. Tapi mana kita boleh guna, sawah padi, beras boleh guna. Serupa padi *dia* [Puteri Saadong] lah, tidak tahu mari mana, pinggan mangkuk ini sahaja lah. Bawak kelik *kokekoke* (Pak Da meniru bunyi pinggan mangkuk) *pah* [lepas] itu pergi hantar *kokekoke* (Pak Da meniru bunyi pinggan mangkuk). Tapi bila dia tinggal, tidak ada lah benda itu. Maknanya kalau kita pergi nak pinjam ini, *sakni* [nanti] kita nak pergi, nak ambil *lalu* [sekarang] tidak boleh (bunyi mikrofon), seolah-olahnya kalau kita pergi misalnya dia tiada rumah, kalau dia tiada rumah kita pergi rumah dia menyesal. “*tuan puteri, kita nak pinggan ini*” “*ambil la itu*” (Pak Da berdialog) tidak ada.

**ND** : Kiranya macam kalau penduduk kampung kan pinjam, *dia* [penduduk kampung] kena pulangkan balik, bila *dia* [penduduk kampung] pulangkan, lepas itu hilang la benda itu, dah tidak ada kesan?

**WD** : Tidak tahu dah lah. Bila kita pergi hantar, letak tempat kita ambil, *kelik* [balik] lah. Tidak tahu *dia* [Puteri Saadong] ambil bawa pergi mana, *lagu mana* [macam mana] benda tidak tahu (ketawa). Sebab Puteri Saadong itu sendiri pun lagenda kan, pinggan mangkuk, beras, padi pun lagenda belaka, *setara* [setakat] itu sahaja la benda berlaku.

**FN** : Berapa lama Puteri Saadong duduk dekat *sini* [Bukit Panau] sebelum *dia* [Puteri Saadong] berpindah ke Gunung Reng itu?

**WD** : Orang-orang tua tidak *oyak* [beritahu] dekat Pak Da. Cuma *dia* [Puteri Saadong] mari itu, dijangka masa *dia* [Puteri Saadong] mari, *dia* [Puteri Saadong] duduk sini itu Pak Da tidak tahu selama mana nya. Cuma nya \_\_ *dia* [Puteri Saadong] mari duduk sini, jadi penduduk kampung ini *maklum* [tahu] *dia* ada pasal boleh buat hubungan, lepas itu *dia* tinggal, *dia* tinggal itu tahu nya pasal pergi tengok pinggan mangkuk *dia* [Puteri Saadong] tidak ada sudah. Tahu *dia* [penduduk kampung] bukan dengan cara *dia* [penduduk kampung] *oyak* [beritahu] ke *gapo* [apa] tidak la. Pasal kita tidak boleh nak berhubung dengan *dia* [Puteri Saadong] kan, *dia* jenis makhluk lain kan.

- FN** : Kiranya macam penduduk kampung itu dapat tahu bila dia pergi nak minta, lepas itu bila *dia* [penduduk kampung] pergi lagi sekali pinggan itu dah tidak ada?
- WD** : Tidak ada dah lah. Puteri Saadong tidak ada dah. Bila pinjam pinggan tidak ada (ketawa).
- ND** : Dari apa yang Pak Da ceritakan, semua daripada permulaan dengan Kampung Paloh dan kisahnya berakhir di Bukit Panau dan juga berkaitan dengan Puteri Saadong, bagi Pak Da, apa iktibar yang Pak Da rasa kitaorang orang luar generasi zaman sekarang ini boleh ambil daripada kisah-kisah ini?
- WD** : Bagi Pak Da sendiri nya *gini* [macam ini] satu-satu kisah yang merupakan legenda ataupun cerita rakyat ini, kita jadikan *dia* [cerita] hanya sebagai pengetahuan am. Kita nak letak kepercayaan *seratus peratus* [100%] tidak boleh lah sebab benda legenda kan. Kita jadikan dia suatu bentuk cerita rakyat yang boleh jadi kekal biar ada *sokmo* [selalu], sekurang-kurangnya kita boleh bagitahu dekat anak cucu kita *esok-esok* [nanti] bahawa di Bukit Panau kita ini ada cerita rakyat ataupun legenda yang tidak tentu berhubung dengan Puteri Saadong la, Tok Sheikh Kadir Jailani la *\_*. Mana kita nak letak kepercayaan *seratus peratus* [100%] tidak boleh la benda-benda *lagu tu* [macam itu].

**ND** : Kiranya *dia* [cerita] cuma bagi cerita sahaja la untuk budak sekarang ini?

**WD** : Tapi kalau *hok* [yang] sebenar itu, sebenar lah. Jadi beerti *hok* [yang] Pak Da *oyak* [beritahu] tadi kan, ada diantara, Tok Sheikh Kadir Jailani *sengoti* [sungguh] kan, orang-orang alim pertapaan sejak dulu sampai ke *loni* [sekarang], itu *hok* [yang] sungguh. Kuala itu benar dah *sengoti* [sungguh] sebab punca air nya ada, cuma dilindungi kita tidak tahu siapa pelindung itu Tuhan lah, gitu [macam itu] la (ketawa). Orang lain tidak boleh nak buat tapi nak *oyak* [beritahu] unik Bukit Panau ini ada sebutir kuala yang tidak akan orang jumpa selagi *mu* [engkau] tidak sesat. *Mu* [engkau] sesat mu akan jumpa kuala itu (ketawa). Nak sesat pergi lah, tidak ada siapa nak atas bukit (ketawa). Itu unik Kampung Paloh, punca air *hok* [yang] turun ke kuala sungai Dulang daripada bukit, daripada kuala itu la. Punca air daripada *hok* [yang] turun ke sungai Dulang sampai ke *loni* [sekarang] dua kuala tidak kering. Kuala ini ertinya saluran air yang turun ke sungai. Serupa dengan saluran sungai kita ini serupa, ke laut itu dipanggil kuala, kuala semut api, *PCB* [Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu]. Punca air kuala air deras ini daripada telaga Sabima, yang ada nya selebih kurang *sekilo* [satu kilometer] daripada sini ke situ (Pak Da menunjuk arah), dekat sahaja kalau kita perbetulkan, *sekilo* [satu kilometer] sahaja. Punca air mari dalam bumi. *Loni* [sekarang] ini pun tidak kering, air mari dalam bumi itu lah. Kononnya zaman ada ular besar, pernah orang tua kita jumpa ular besar itu. Bila *dia* [ular besar] jumpa dengan orang, *dia* [ular besar] masuk ikut lubang itu, lubang air dok *tubik* [keluar], dia masuk. Mari mana ini, Allahualam, tidak

tahu. Dia panggil telaga Sabima, bukan telaga sempit sangat seluas muka kipas ini sahaja (Pak Da menunjuk ke arah kipas) lubang *hok* [yang] ular masuk *tubik* [keluar] itu. Lubang itu lah sampai ke *loni* [sekarang] tidak kering.

**FN : Terima kasih atas semua perkongsian yang telah Pak Da ceritakan kepada kami. Jadi untuk pengetahuan Pak Da, segala cerita dan apa yang kami rakamkan ini, kami akan rekodkan dalam sebuah buku. Dia bagi melengkap *assignment* [tugasan] subjek yang kami ambil dan lagi sekali saya ucapkan terima kasih atas kerjasama dan Pak Da sanggup meluangkan masa untuk kami menyiapkan *assignment* [tugasan] ini. Assalamualaikum.**

**WD : Waalaikummussalam, gini Pak Da pun nak kata juga ini. Sebenarnya ramai sudah orang yang ambil cerita ini, terdiri daripada pelajar-pelajar *UM* [Universiti Malaya] *gapo* [apa] semua. Cuma nya Pak Da nak *oyak* [beritahu] mungkin ada sedikit sebanyak kelainan ataupun tokok tambah dalam cerita Pak Da itu mungkin kepada orang ini Pak Da *tokde* [tidak sempat] nak *oyak* [beritahu], kepada orang ini Pak Da *oyak* [beritahu]. Itu jangan anggap suatu kesalahan, anggapkan lah suatu kelainan dalam olahan Pak Da mengenai cerita Bukit Panau itu sendiri. Jadi *hok* [yang] asal nya sama. Cuma nya kisah kelainan sedikit sebab yang mari baru ini daripada *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] baru ini tidak *oyak* [beritahu] ini cerita telaga Sabima, punca air *hok* [yang]**

kuala air deras, Pak Da tidak *oyak* [beritahu] punca air, *oyak* [beritahu] nya air tidak kering *gitu je* [macam itu sahaja] *tokde* [tidak sempat] nak *oyak* [beritahu], pukul *dua setengah* [2:30 pm] sampai orang *be* [azan] Asar pun berhenti *alik* [belah] itu (ketawa). \_ ada, kadang-kadang di sini benda ada yang Pak Da *oyak* [beritahu], di sini Pak Da tidak *oyak* [beritahu]. Itu dari segi olahan cerita bergantung kepada masa dan ingatan Pak Da itu sendiri sebabnya Pak Da tidak tulis buku, benda ini benda yang Pak Da terima daripada orang tua hari itu kan, *pok* [masuk] duduk dalam kepala, duduk situ. Ada yang ingat ada yang tidak ingat. Yang ingat itu *oyak* [beritahu] la, yang tidak ingat itu *pakat* [kira] tidak *oyak* [beritahu]. Maknanya sedikit sebanyak kelainan yang berlaku dalam cerita Pak Da itu anggap lah sebagai satu olahan, itu sahaja, *takdo gapo-gapo* [tidak ada apa-apa]. Jalan ceritanya serupa, *oyak* [beritahu] mana-mana pun *lagu tu* [macam itu], benda nya sama Cuma olahan itu ada sedikit sebanyak kelainan, *gitu je* [macam itu sahaja].

**FN : *Takpe* [tidak mengapa], yang itu kami anggap macam kalau ada lebih itu rezeki kami, sebab kami dapat cerita yang lebih banyak. Baiklah, Berakhirnya sesi temuabual kita, terima kasih.**

TAMAT

# LAMPIRAN



## LOG WAWANCARA

Nur Diana Binti Ahmad Nor dan Fathin Nabilah Binti Abd Rahman menemubual Wan Derahman Bin Wan Mahmat yang dilahirkan pada 28/2/194 dan berusia 69 tahun. Wan Derahman merupakan anak jati Kampung Paloh. Temubual telah dijalankan di Masjid Kampung Paloh. Temubual ini mengisahkan cerita rakyat yang telah dipilih iaitu bertajuk “Pengakhiran di Bukit Panau”. Kisah ini dimulakan dengan Kampung Paloh merupakan kampung Wan Derahman sendiri dan seterusnya kisah Bukit Panau dan termasuk juga kisah Puteri Saadong di Bukit Panau.

| MASA   | SUBJEK  | NAMA TEMPAT RUJUKAN  |
|--------|---|--|
| 0:0:91 | Sesi pengenalan dan pembukaan sesi temubual bersama Wan Derahman Wan Mahmat.  | Nur Diana Binti Ahmad Nor<br>Fathin Nabilah Binti Abd Rahman<br>Universiti Teknologi Mata<br>Kelantan<br>Bukit Panau<br>Masjid Kampng Paloh<br>Kampung Paloh |
| 0:2:03 | Pengenalan kepada latar belakang diri Wan Derahman Wan Mahmat secara ringkas. | Wan Derahman Wan Mahmat<br>28/2/1947<br>Hari Khamis<br>Kampung Paloh   |

|        |   |   |
|--------|---|---|
| 0:2:07 | Pengenalan ringkas mengenai pendidikan Wan Derahman Wan Mahmat. | Sekolah Kebangsaan Bukit Panau<br>Maahad Mahamadi<br>Kota Bahru   |
| 0:2:47 | Pengenalan ringkas asal-usul Wan Derahman Wan Mahmat.           | Kelantan<br>Patani, Thailand<br>Taba, Thailan<br>Kuala Semut Api<br>Pulau Seratus<br>Teluk Renjuna<br>Paloh<br>Kota Bahru |
| 0:6:29 | Pengenalan ringkas pekerjaan Wan Derahman Wan Mahmat.           | Guru<br>Majlis Agama Islam<br>Jabatan Islam Kelantan<br>Yayasan Islam Kelantan<br>Tok Imam                                |
| 0:8:00 | Prinsip hidup Wan Derahman Wan Mahmat.                          | Hidup dalam keadaan sederhana dan baik<br>Sekolah Arab<br>Sekolah Akademik  |

|         |                                       |  |
|---------|---------------------------------------|--|
| 0:12:12 | Pengenalan tentang Kampung Paloh.     | Bukit Panau<br>Puteri Saadong<br>Kampung Bukit Panau Gelugor<br>Kampung Tandok<br>Kampung Binjai Manis<br>Kampung Tengah<br>Dua Kala<br>Kuala Air Deras<br>Kuala Sungai Dulang<br>700 meter luas<br>Kampung Salok<br>Telaga Sabima |
| 0:14:14 | Penunggu di muka kuala Kampung Paloh. | Ular<br>Pohon ara<br>Datuk Kopiah Merah<br>Buaya<br>Kolam<br>Pari tujuh beradik<br>Bukit Panau   |

|         |  |   |
|---------|--|---|
| 0:26:08 | Sejarah Bukit Panau.   | <p>Bukit Panau</p> <p>Tompok panau</p> <p>Gua</p> <p>Gua kelawar</p>  |
| 0:27:57 | <p>Pengenalan ringkas tentang Puteri Saadong di Bukit Panau.</p> | <p>Puteri Saadong</p> <p>Bukit Panau</p> <p>Bukit Marak</p> <p>Padi beras</p> <p>Pinggan mangkuk</p> <p>Gunung Reng</p>   |
| 0:29:55 | Bukit Panau sebagai tapak pertapaan.                             | <p>Sheikh Kadir Jailani</p> <p>Acheh, Indonesia</p> <p>Yaman, Arab Saudi</p> <p>Kubur Sheikh Kadir Jailani</p> <p>Wali Songo</p> <p>Bukit Panau</p> <p>Orang Cina</p> <p>Tahun Baru Cina</p> <p>Kapal Sungai</p> <p>Muka kuala sungai, tempat memuja</p> <p>Deris, orang bertapa</p> <p>Meminta keramat</p> |

|         |   |   |
|---------|---|---|
| 0:32:06 | Banjir di Kelantan.   | Banjir Air Merah, 1926<br>Banjir Air Kuning, 1967<br>Banjir Besar, 2014   |
| 0:34:02 | Batu besar di Bukit Panau.                                  | Batu Mek Limah<br>Seorang perempuan mati<br>Kubur budak sebelah batu  |
| 0:38:05 | Pengenalan kepada sumber lain asal asul nama Kampung Paloh. | Seakan-akan tasik<br>Tasik dipanggil Paloh<br>Luas 60 kaki<br>Air tak pernah kering<br>Sumber air tidak tahu datang dari mana<br>Punca pengairan dan sumber makanan penduduk kampung<br>Burung keranji besar<br>Kampung Paloh Keranji |
| 0:42:39 | Kesambungan kepada cerita legenda Puteri Saadong.           | Tiada rupa, tidak boleh dilihat<br>Penduduk kampung buat permintaan   |

|         |   |  |
|---------|---|--|
| 0:44:26 | Pengenalan kepada keadaan sekarang<br>Bukit Panau.                                    | Menara Celcom di puncak bukit<br><br>Dibuat Jalan<br><br>Tapak rekreasi  |
| 0:45:49 | Pengalaman misteri di Bukit Panau<br>dialami sendiri oleh Wan Derahman<br>Wan Mahmat. | Tidak pernah diusik hantu<br><br>Penakut<br><br>Sungai<br><br>Jin dan iblis<br><br>Che musa  |
| 0:51:51 | Ilmu persilatan oleh keturunan Wali<br>Songo.   | Tok Sheikh Kadir Jailani<br><br>Tok Che Kassim<br><br>Kampung Binjal Manis<br><br>Bertapa<br><br>Che Derih<br><br>Pemujaan<br><br>Makan Tok Sheikh Kadir Jailani |

|         |  |  |
|---------|--|--|
| 1:03:52 | Ikhtibar daripada kisah Pengakhiran di Bukit Panau oleh Wan Derahman Wan Mahmat. | Pengetahuan Am<br>Kekal<br>Untuk Generasi Akan Datang<br>Cerita Rakyat dan Lagenda<br>Tiada kepercayaan 100% |
|---------|--|--|

## DIARI KAJIAN

| Tarikh      | Perkara                | Tindakan  |
|-------------|------------------------|---|
| 13 Mac 2016 | Pencarian Tajuk        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik mengkaji dan mencari maklumat tentang Cerita Rakyat Negeri Kelantan melalui internet.</li> </ul>  |
| 17 Mac 2016 | Mencari Sumber Rujukan | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik mencari sumber rujukan di Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Kelantan bagi mendapatkan maklumat tentang tajuk yang dipilih.</li> <li>• Penyelidik mendapatkan maklumat yang perlu dilakukan seterusnya oleh Encik Nazali selaku Ketua Unit Kebudayaan dan Kesenian di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan.</li> </ul> |
| 20 Mac 2016 | Menetapkan Tajuk       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik telah memilih tajuk untuk projek sejarah lisan iaitu Pengakhiran di Bukit Panau.</li> </ul>   |



|             |                                 |   |
|-------------|---------------------------------|---|
| 28 Mac 2016 | Mencari Calon untuk ditemuramah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik ke Pejabat Tanah Daerah Tanah Merah untuk mendapatkan nombor telefon Tok Penggawa daerah Bukit Panau.</li> <li>• Penyelidik menghubungi Tok Penggawa daerah Bukit Panau, Encik Shaari untuk berjumpa dan mendapatkan maklumat. Tok Penggawa daerah Bukit Panau menceritakan serba sedikit tentang Bukit Panau kepada penyelidik. Seterusnya, Encik Shaari memberi nombor telefon yang boleh kami hubungi sebagai calon untuk kami menemuramah iaitu dikenali sebagai Pak Hir yang merupakan anak jati Bukit Panau serta cucu kepada Awang Hitam.</li> <li>• Penyelidik ke Bukit Panau untuk berjumpa dengan Pak Hir untuk mendapatkan maklumat dan menetapkan tarikh. Tetapi, anak</li> </ul> |
|-------------|---------------------------------|---|

|  |  |   |
|--|--|---|
|  |  | <p>sulung kepada Pak Hir mencadangkan supaya penyelidik menemuramah abang kepada Pak Hir kerana abang kepada Pok Hir iaitu Pak Mir kerana Pok Mir menetap dengan Tok Ayah yang mengetahui semua cerita tentang Bukit Panau.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Penyelidik berjumpa dengan Pak Mir akan tetapi Pak Mir tidak bersetuju untuk menjadi calon penemuramah dan mencadangkan kepada penyelidik untuk menemuramah Imam di kampung mereka.</li><li>• Penyelidik berjumpa dengan Imam Kampung Bukit Panau di kediaman Imam tersebut. Imam di Kampung Bukit Panau itu dikenali sebagai Pak Da. Pak da menceritakan serba sedikit tentang kisah Bukit Panau kepada penyelidik. Pak Da bersetuju untuk menjadi penemu ramah.</li><li>• Penyelidik mendapatkan maklumat</li></ul> |
|--|--|---|

|               |                      |   |
|---------------|----------------------|---|
|               |                      | <p>tentang penemu ramah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik telah menetapkan tarikh untuk menemuramah.</li> </ul>  |
| 13 April 2016 | Penyediaan Soalan    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik telah menyiapkan soalan untuk sesi temuramah.</li> </ul>  |
| 23 April 2016 | Temuramah            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik mengadakan temu ramah di kediaman penemu ramah sendiri di Kampung Bukit Panau pada jam 2.00 petang hingga 5.00 petang.</li> </ul> |
| 24 April 2016 | Menyiapkan transkrip | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidik menyiapkan transkrip mengikut yang telah ditetapkan oleh pensyarah</li> </ul>   |
| 16 Jun 2016   | Menghantar transkrip | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar transkrip penuh yang telah dibukukan kepada pensyarah</li> </ul>  |



# SENARAI SOALAN

## Bahagian 1: Latar Belakang

Assalamualaikum, saya Nur Diana Binti Ahmad Nor dan ini rakan saya Fathin Nabilah Binti Abd Rahman. Kami merupakan pelajar tahun akhir daripada Fakulti Pengurusan Maklumat jurusan Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kampus Kelantan. Tujuan kami hari ini ingin mewawancara Encik yang bertajuk “Pengakhiran di Bukit Panau”. Wawancara ini berlangsung pada 23 April 2016 (Hari Sabtu) pada jam 9.30 pagi di Masjid Kg Paloh. Tujuan mewawancara ini dijalankan kerana merupakan salah satu syarat untuk kami melengkapkan semester akhir untuk subjek IMR605 iaitu Sejarah Lisan. Calon yang bakal kami wawancarakan pada hari ini merupakan seorang anak jati Kg Paloh, Bukit Panau yang dikenali sebagai Pak Da. Kami amat berbesar hati kerana Encik sudi meluangkan masa untuk diwawancara pada hari ini. Dari kajian yang telah kami lakukan Encik merupakan seseorang yang mengetahui tentang sejarah Bukit Panau dan kami berharap Encik dapat berkongsi dengan lebih banyak dengan lebih mendalam. Bagi memulakan wawancara pada hari ini kami ingin Encik menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang Encik seperti salasilah diri, keluarga, pendidikan dan kerjaya Encik.

1. Apakah nama penuh Encik?
2. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan untuk Encik?
3. Bolehkah kami memanggil Encik dengan panggilan Pak Da?
4. Berapakah umur Pak Da sekarang?
5. Pak Da berasal dari mana?
6. Bila dan di manakah Pak Da dilahirkan?

7. Bolehkah Pak Da memberitahu nama penuh ibu bapa Pak Da?
8. Maafkan saya jika bertanya, adakah mereka masih ada?
9. Jadi sebenarnya apakah latar belakang ibu bapa Pak Da? Apakah pekerjaan mereka?
10. Berapakah bilangan adik beradik Pak Da dan Pak Da yang keberapa?
11. Apakah pekerjaan adik beradik Pak Da?
12. Siapakah nama isteri Pak Da?
13. Apakah pekerjaan isteri Pak Da?
14. Pak Da mempunyai berapa orang anak?
15. Apakah nama anak Pak Da dan apa mereka buat sekarang? Bekerja atau masih sekolah?
16. Anak Pak Da ada yang sudah berkahwin?
17. Berapa orang cucu Pak Da sekarang?
18. Apakah hobi Pak Da di masa lapang?
19. Apakah cita-cita Pak Da semasa kecil dahulu?
20. Apakah pengalaman paling manis yang pernah Pak Da alami pada kecil dahulu?
21. Kenangan paling pahit yang pernah Pak Da alami?
22. Apakah pekerjaan Pak Da sekarang?
23. Sebelum ini Pak Da pernah bekerja sebagai apa?
24. Berapa tahun Pak Da bekerja sebagai itu?
25. Sekarang kita akan beralih kepada latar belakang pendidikan Pak Da semasa berada di sekolah rendah. Di manakah Pak Da mendapatkan pendidikan awal?
26. Apakah pencapaian tertinggi Pak Da semasa menuntut di sekolah rendah?
27. Seterusnya Pak Da sekolah menengah di mana?

28. Pada tahun berapa Pak Da masuk ke sekolah tersebut?
29. Setelah tamat sekolah menengah Pak Da menyambung pelajaran ke mana?
30. Kenapa Pak Da memilih untuk menyambung pengajian ke Maahad Tahfiz? Adakah kemahuan sendiri atau kehendak keluarga?
31. Berapa tahun Pak Da belajar dalam bidang tersebut?
32. Pada tahun berapakah Pak Da mendapat tawaran ke Maktab Perguruan tersebut dan apakah pengkhususan Pak Da semasa berada di maktab tersebut?
33. Apakah sebab yang menjadi minat Pak Da menyambung pelajaran sebagai guru?
34. Berapa tahun Pak Da menjadi guru dan di sekolah mana?
35. Mata pelajaran apa yang Pak Da mengajar sewaktu itu?
36. Semasa Pak Da menjadi guru, adakah Pak Da memegang sebarang jawatan lain di dalam sekolah?
37. Apakah pengalaman manis Pak Da sewaktu menjadi guru?
38. Pengalaman pahit pula Pak Da?
39. Selepas Pak Da bersara menjadi guru, Pak Da memberitahu pekerjaan Pak Da sekarang ialah seorang imam. Berapa lama Pak Da sudah menjadi imam di kawasan ini?
40. Apakah prinsip hidup yang Pak Da terapkan dalam kehidupan Pak Da hingga sekarang?

Bahagian 2 : Permulaan di Kg Paloh.

Terima kasih Pak Da atas penerangan serba sedikit tentang diri Pak Da. Seterusnya kita sambung dengan bahagian dua iaitu mengenai permulaan di Kampung Paloh, Pengakhiran di Bukit Panau.

41. Terdapat berapa banyak kampung yang berada di sekitar Bukit panau?
42. Apakah yang dimaksudkan dengan 'muka kuala'?
43. Apa hubung kait 'muka kuala' dengan kampung Paloh?
44. Berapakah sungai yang terdapat di sekitar kawasan sini?
45. Adakah terdapat sungai berhampiran dengan Kampung Paloh?
46. Apa kaitan Kampung Paloh dengan Bukit Panau? Ada cerita sebaliknya?
47. Boleh Pak Da cerita serba sedikit mengenai sejarah Kampung Paloh?
48. Kenapa cerita perlu bermula dengan Kampung Paloh?
49. Adakah benar di setiap kawasan berhampiran Bukit Panau terdapat penunggu?
50. Mengapakah wujudnya penunggu di situ?
51. Apakah nama kampung lain yang berapa di sekitar Bukit Panau?
52. Berapakah keluasan Kampung Paloh?
53. Mengapakah kampung tersebut dinamakan dengan Kampung Paloh?
54. Berapa ramaikah penduduk di Kampung Paloh?
55. Apakah keunikan yang terdapat di kampung ini?
56. Berapakah jarak dari Kampung Paloh ke Bukit Panau?
57. Dari Kampung Paloh ke Bukit Panau mengambil masa berapa lama?
58. Pernahkah terjadi perkara-perkara pelik di sekitar kawasan Bukit Panau?
59. Adakah Pak Da pernah mengalaminya sendiri?
60. Jika pernah, boleh Pak Da ceritakan peristiwa tersebut?

Bahagian 3 : Pengakhiran di Bukit Panau



Baiklah Pak Da. Seterusnya kita akan teruskan sesi temubual ini mengenai Bukit Panau pula.

61. Mengapakah Bukit tersebut dinamakan dengan Bukit Panau?
62. Dari mana asalnya nama Bukit Panau?
63. Bukit Panau dikenali sebagai apa sebelum ini?
64. Berapakah ketinggian Bukit Panau?
65. Bagaimanakah bentuk fizikal Bukit Panau?
66. Berapa lama masa yang diambil untuk sampai ke puncak Bukit Panau?
67. Adakah terdapat binatang buas di Bukit Panau?
68. Adakah Bukit Panau pernah diteroka oleh orang luar?
69. Adakah Bukit Panau dibawah penjagaan Jabatan Alam Sekitar Kelantan?
70. Jika tidak, adakah Bukit Panau hanya dijaga oleh orang kampung?
71. Jika tidak, adakah Bukit Panau dibiarkan tanpa penjagaan?
72. Benarkah terdapat makam atau tanda tok guru Hang Tuah?
73. Jika Ya, mengapakah hanya terdapat makam beliau di situ? Atau beliau ada meninggalkan kesan lain?
74. Benarkah Bukit Panau pernah dijadikan tempat untuk mempelajari ilmu persilatan?
75. Jika Ya, masihkah ilmu persilatan dipelajari di Bukit Panau hingga sekarang?
76. Benarkah Bukit Panau juga dijadikan sebagai tempat pemujaan?
77. Jika Ya, masihkah terjadi hingga sekarang?
78. Benarkah di Bukit Panau juga terdapat penunggu yang menjaga di situ?
79. Adakah Bukit Panau dijadikan kawasan mendaki orang ramai?
80. Jika Ya, adakah terdapat laluan untuk kenderaan naik ke atas puncak bukit?

81. Jika Ya, adakah pernah terjadi kejadian kehilangan pendaki di Bukit Panau?
82. Benarkah Bukit Panau pernah menjadi tempat persinggahan pedagang arab?
83. Jika Ya, mengapakah Bukit Panau dipilih sebagai pusat persinggahan mereka?

#### Bahagian 4 : Puteri Saadong di Bukit Panau

Begitulah kisah mengenai Kampung Paloh dan Bukit Panau. Seterusnya kita bersambung ke bahagian tiga iaitu mengenai Puteri Saadong di Bukit Panau?

84. Benarkah Puteri Saadong pernah singgah di Bukit Panau?
85. Jika Ya, apakah tujuan Puteri Saadong ke situ?
86. Berapa lamakah Puteri Saadong berada di situ?
87. Sebelum Puteri Saadong ke Bukit Panau, Puteri Saadong dari mana?
88. Benarkah cerita mengenai Puteri Saadong meminjamkan pinggan mangkuk pemiliknya kepada penduduk tempatan?
89. Mengapakah penduduk tempatan berbuat demikian?
90. Apakah yang menyebabkan Puteri Saadong marah kepada penduduk tempatan?
91. Mengapakah Puteri Saadong terlampau sayangkan pinggan mangkuk yang dipinjam?
92. Apakah tindakan yang diambil oleh Puteri Saadong selepas itu?
93. Bagaimana pula dengan tindakan yang diambil oleh penduduk tempatan pula?
94. Adakah Puteri Saadong merajuk membawa diri ke tempat lain?
95. Kemanakah arah tuju Puteri Saadong selepas berada di Bukit Panau?
96. Masihkah terdapat kesan tinggalan pinggan mangkuk tersebut di Bukit Panau hingga sekarang?
97. Adakah kesan tinggalan tersebut dalam penjagaan atau dibiarkan sahaja?

98. Ada kesan tinggalan lain yang ditinggalkan oleh Puteri Saadong di Bukit Panau?

99. Jika Ya, boleh Pak Da cerita dengan lebih lanjut?

100. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada kisah Puteri Saadong di Bukit Panau?

Berakhirnya sesi temubual bersama Pak Da mengenai Bukit Panau. Terima Kasih kami ucapkan atas kerjasama dan maklumat yang diberikan oleh pihak Pak Da.

# **SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan **WAN DERAHMAN BIN MAHMUD** Pada **23 APRIL 2016**.

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

(WAN DERAHMAN BIN MAHMUD)  
Pengkisah

.....  
(NOR KAMARIAH BT CHIK)  
Pensyarah  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan Kampus Machang

## GAMBAR



Gambar 1: Gambar bersama Wan Derahman Wan Mahmat.

# INDEKS

| <b>A</b>                                       |                                    | <b>G</b>   |            |
|--|------------------------------------|--|------------|
| air .....                                      | 8, 25, 30, 31, 37, 38, 46          | gua.....   | 15         |
| <b>B</b>                                       |                                    | Gunung Reng .....                                | 16, 35, 45 |
| banjir .....                                   | 19                                 | <b>J</b>   |            |
| Batu .....                                     | 19, 30, 48                         | JASA.....  | 5          |
| beradik .....                                  | 3, 11, 27, 44, 54                  | <b>K</b>   |            |
| bermula .....                                  | 7, 10, 56                          | Kampung 2, 3, 7, 27, 28, 36, 37, 42, 44, 46,     |            |
| binatang.....                                  | 10, 33, 57                         | 47, 51, 52, 55, 56, 58                           |            |
| buaya.....                                     | 10                                 | Kampung Paloh.. 2, 3, 7, 27, 36, 37, 42, 44,     |            |
| bukit .....                                    | 11, 25, 28, 29, 32, 34, 37, 46, 57 | 46, 55, 56, 58                                   |            |
| Bukit Marak .....                              | 16, 45                             | kawan .....                                      | 12         |
| Bukit Panau.. 2, 3, 7, 24, 25, 27, 28, 31, 32, |                                    | Kelantan ... 2, 3, 5, 9, 28, 38, 42, 43, 46, 49, |            |
| 33, 34, 35, 36, 37, 38, 42, 43, 44, 45, 46,    |                                    | 53, 57   |            |
| 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 55, 56, 57, 58,    |                                    | khurafat .....                                   | 9, 30      |
| 59   |                                    | Kota Bahru .....                                 | 3, 14, 43  |
| bunian .....                                   | 11                                 | kuala.....                                       | 8, 31      |
| burung keranji.....                            | 21                                 | <b>M</b>   |            |
| <b>D</b>                                       |                                    | Maahad Mahamadi .....                            | 3, 43      |
| dulu .....                                     | 4, 5, 6, 9, 27, 29, 37             |  |            |

marah ..... 16, 30, 58  
memuja ..... 17, 30, 45  
Menara ..... 19, 46  
menoreh ..... 13

## P

Padi ..... 16, 45  
Pak Da.. 2, 3, 5, 6, 7, 24, 25, 28, 29, 31, 32,  
33, 34, 35, 36, 37, 38, 47, 51, 53, 54, 55,  
56, 57, 59  
panau..... 15, 45, 56  
Pantai Cahaya Bulan..... 37  
Pattani ..... 3  
pelik ..... 7, 25, 56  
persilatan..... 28, 47, 57  
pertapaan..... 17, 29, 37, 45  
Pinggan mangkuk ..... 16, 45  
polis..... 14

puncak ..... 32, 46, 57  
Puteri Saadong 7, 31, 34, 35, 36, 42, 44, 45,  
46, 58, 59

## S

saluran ..... 8, 37  
Saluran ..... 8  
Sheikh Kadir Jailani.. 17, 28, 31, 37, 45, 47  
sungai ..... 8, 25, 31, 37, 45, 56

## T

tanah..... 8  
Tujuh beradik..... 11

## W

Wali Songo ..... 17, 45, 47

## Z

Zaman ..... 9, 27, 30